

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 18

Khamis

4 Disember 2014

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2015 (Halaman 28)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Khamis, 4 Disember 2014**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki minta Perdana Menteri menyatakan, usaha yang dijalankan pihak Menteri bertanggungjawab dalam isu hak asasi manusia untuk memastikan rancangan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Nasional akan dilakar berdasarkan kerangka Perlembagaan Persekutuan dan tidak bercanggah dengan kedudukan Islam sebagai agama negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi untuk soalan nombor satu. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan agar sebuah Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan atau *National Human Rights Action Plan* (NHRAP) dibangunkan. Seperti mana yang telah dipersetujui, pelan tersebut mestilah selari dengan prinsip undang-undang sedia ada di Malaysia. Pelan tersebut akan dibangunkan berdasarkan kepada kerangka Perlembagaan Persekutuan dan tidak akan bercanggah dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pembangunan NHRAP. Selaku pengerusi jawatankuasa berkenaan, beliau akan bertanggungjawab untuk memastikan pembangunan NHRAP dibuat menepati aspirasi pembentukannya.

Selain itu, Jawatankuasa Pemandu Pembangunan NHRAP ini juga turut dianggotai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia yang akan bertanggungjawab memberi pandangan dan cadangan dari sudut hukum syarak serta perkara-perkara berkaitan dengan agama Islam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan, silakan Dato' Dr. Asyraf.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan jawapan tadi. Namun sejak akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya bimbang dan resah dengan suasana semasa yang mana wujud segelintir yang seolah-olah mahu mencabar kedudukan Islam dalam kerangka perlembagaan atas nama bahawa ia tidak secocok dengan hak asasi

manusia bahkan berani pula membawa perkara ini ke mahkamah sebagai contoh daripada kes Azlina Jailani sehinggalah yang terbaru kes *transgender* Juzaili di Negeri Sembilan.

Saya tidak bermaksud nak membawa perbincangan mahkamah rayuan dalam sidang Dewan yang mulia ini namun kita harus menjunjung prinsip perlembagaan, pengasingan bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Syariah yang telah pun termaktub di dalam Perlembagaan, Perkara 121(1A).

Soalan saya, bagaimanakah pendekatan kerajaan untuk menangani salah faham ataupun kefahaman songsang berkenaan dengan hak asasi manusia sehingga memugarnya ideologi asing seperti liberalisme dan sekularisme yang mencabut nilai-nilai agama daripada makna hak asasi manusia dan apakah pendirian kerajaan mengenai cubaan pihak-pihak tertentu dalam memanipulasi Majlis Peguam, SUHAKAM bahkan atas nama pelbagai NGO sampai sanggup pergi ke luar negara atas nama COMANGO atau *Coalition of Malaysian NGOs*, dengan izin, untuk mencabar kedudukan Islam dan...

Timbalan Yang di-Pertua: Terus kepada soalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: ...Mengagungkan deklarasi sejagat hak asasi manusia PBB berbanding acuan sendiri dan Perlembagaan Persekutuan. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti penjelasannya juga panjang lebar tetapi saya nak fokus kepada soalan ini dan juga jawapan yang berkait dengannya dan saya ingin tambah di sini sebagai menjawab sebahagian daripada apa Yang Berhormat telah timbulkan bahawa Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan yang akan dibangunkan ini memberi fokus kepada lima teras utama iaitu:

- (i) hak sivil dan berpolitik;
- (ii) hak ekonomi, sosial, agama dan kebudayaan;
- (iii) hak golongan rentan;
- (iv) hak Orang-orang Asli dan juga bumiputera Sabah dan Sarawak; dan
- (v) kewajipan antarabangsa.

Ini ialah perkara asas yang diberi fokus dalam NHRAP. Dalam apa Yang Berhormat telah sebutkan tadi, ia meliputi salah satu daripada perkara asas sama ada ia kewajipan kita peringkat antarabangsa kerana mereka merujuk perkara ini di peringkat antarabangsa dan sama ada ia ialah di bawah hak sivil dan berpolitik ataupun hak sosial, agama dan juga kebudayaan. Semua termasuk dalam kerangka Pelan Tindakan NHRAP.

Tentang apa yang berlaku sekarang, kita sedar apa yang berlaku sekarang ini di luar jangkaan penerimaan kita kerana keadaan sekarang ini di mana bila kita menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan oleh sebelah pihak, jadi kita seolah-olahnya dianggap memulakan perkara tersebut.

■1010

Contohnya, orang menyentuh sesuatu perkara pasal agama. Apabila kita menjawab, kita dianggap membuat provokasi, padahal yang mulakan yang mencetuskan perkara itu ialah orang lain. Mereka mencetuskan, apabila kita jawab, itu provokasi. Jadi yang ini sedang berlaku dan pihak yang

kena serangan ini nampaknya lebih bertahan dan keadaan tersebut telah memberi satu suasana kita berada dalam keadaan yang lebih bertahan.

Akan tetapi kalau pihak yang kena provokasi menjawab dan menjawabnya pula dengan cara agresif, saya rasa keputusannya akan lebih merugikan dan mungkin akan lebih ada kerosakan. Sebagai contohnya macam ada seorang namanya Alvin Tan, dia ini sudah banyak kali dan baru-baru dia mengeluarkan perkataan yang lebih teruk berhubung dengan agama dan bangsa. Walaupun tindakan telah diambil, tetapi yang baru-baru ini belum diambil apa-apa tindakan lagi.

Saya pasti sudah, kalau sekiranya di pihak UMNO ataupun orang Melayu menjawab, ia akan menimbulkan perkara yang kurang elok. Akan tetapi saya lihat, saya berterima kasih kepada orang Melayu dan orang yang beragama Islam kerana mengambilnya dengan tenang dan mengharapkan kerajaan berbuat sesuatu untuk mengelakkan lebih banyak pihak membuat provokasi tentang perkara ini. Ini adalah perkara yang terbaik yang harus berlaku sekarang. Kalau sekiranya orang ini buat provokasi, kita pun lawan, dia jadi cerita lain.

Contohnya macam kadang-kadang pembangkang ada juga yang membuat provokasi, tetapi kami mengambil jalan bertahan, tidak menyerang balik. Kalau kita menyerang balik, maka negara ini berada dalam suasana yang lebih merugikan. Padahal benda yang besar yang kita harus beri perhatian sekarang ini ialah soal ekonomi negara, soal pasaran saham, soal ringgit yang sekarang ini nampaknya merudum sedikit atas sebab-sebab yang kita tahu berlaku di seluruh dunia. Ini harus diselamatkan. Kalau kita pandai bercakap pun, kalau kita tidak ada duit, tidak ada wang untuk makan, itu akan merugikan.

Jadi Yang Berhormat, menjawab soalan Yang Berhormat tadi, kita berharap ianya termasuk, terangkum dalam lima perkara asas yang kita akan beri perhatian dalam NHRAP.

Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Sehubungan dengan soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf, saya ingin meminta penerangan ataupun penjelasan daripada kementerian kepada Yang Berhormat Menteri, kita di Malaysia ini yang beragama Islam, mazhab kita adalah mazhab Syafie, Ahli Sunnah Wal Jamaah. Berhubung dengan hak asasi ini, bagaimana pendekatan kerajaan sekiranya puak-puak Syiah ini menyatakan bahawa mereka juga mempunyai hak untuk mengikuti mazhab mereka dan fahaman mereka? Jadi bagaimana pendekatan kerajaan terhadap perkara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, soalan ini sebenarnya ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Agama, tetapi oleh sebab ditujukan di bawah soalan ini, maka saya menjawab secara umum.

Yang Berhormat, agama Islam di Malaysia disebut Agama Islam Sunnah Wal Jamaah. Apa sahaja yang termasuk dalam Sunnah Wal Jamaah, itulah agama Islam yang diamalkan.

Saya pernah ditanya Tuan Yang di-Pertua, di Mekah dahulu semasa di Masjidil Haram, seorang Syiah bertanya kepada saya, "*Adakah tuan datang dari Malaysia?*" Saya jawab, "*Ya*". "*Beragama Islam?*" Saya kata saya berada di Masjidil Haram. Dia kata di Malaysia kenapa dibenarkan Kristian,

Hindu, Buddha, kenapa tidak dibenarkan Syiah? “*Saya menyembah Allah yang satu dan nabi yang sama.*” Saya kata, “*Adakah di Malaysia agama Islam mengikut negeri-negeri?*”

Dia pentadbir agama Islam mengikut negeri ya, di Perlis, Kedah dan sebagainya sebab ketua agama Islam disebut dengan terang ialah Raja-raja Berperlembagaan, Sultan-sultan sebagai ketua agama. Jadi agama Islam di setiap negeri disebut dengan terang. Pada masa yang lepas, ada negeri yang menyebut di situ agama Islam Mazhab Syafie. Ada yang menyebut agama Islam sahaja dan ada yang menyebut Agama Islam Sunnah Wal Jamaah. Akan tetapi dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan terang disebut di situ bahawa Islam Agama Persekutuan. Akan tetapi dalam enakmen yang lain itu disebut Malaysia ialah agama Islam Sunnah Wal Jamaah. Apa sahaja yang dikategorikan sebagai Sunnah Wal Jamaah, ia dibenarkan untuk beramal di negara ini. Apa yang bukan Sunnah Wal Jamaah tidak dapat beramal.

Siapakah Sunnah Wal Jamaah? Jadi disenaraikan mazhab-mazhab muktabar Sunnah Wal Jamaah. Di situ tidak termasuk mazhab Syiah, tidak termasuk dalam senarai Sunnah Wal Jamaah. Sesetengah orang kata ada fahaman-fahaman lain termasuk ada orang kata Wahabi. Sebenarnya Wahabi tidak ada fahaman. Dia hanya pemikiran penuduhan oleh pihak tertentu. Yang itu ialah Sunnah Wal Jamaah. Yang ini, Timbalan Menteri Agama dahulu telah menjawab di Parlimen ini bahawa kalaupun ada perkataan Wahabi, dia bukan mazhab, dia adalah satu gerakan. Dia bukan mazhab fikah. Dia pun Sunnah Wal Jamaah. Yang bukan ialah Syiah. Kalau Syiah hendak menuntut hak, dia tidak termasuk dalam kategori Sunnah Wal Jamaah, maka ianya tidak dibenarkan. Terima kasih.

2. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) peratusan kenaikan kos rawatan perubatan di hospital swasta mengikut pemantauan yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2006 berdasarkan Jadual Ke-13 Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006; dan
- (b) bercadang untuk menambah senarai perkhidmatan yang boleh dikawal cajnya di dalam Jadual Ke-13 seperti ujian makmal, tatacara kejururawatan dan ubatan

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Muhammad Olian. Soalan nombor dua.

Untuk makluman, sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan sentiasa memantau kos perubatan di hospital swasta berpandukan Jadual Ke-13 Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 2006. Jadual ini berdasarkan kepada Jadual Fi Persatuan Perubatan Malaysia 2002.

Jadual Ke-13 memberi kuasa kepada kerajaan untuk meletakkan harga siling atau had maksimum kos rawatan kepada fi profesional iaitu fi perundangan dan fi profesional untuk prosedur pengamal perubatan atau pergigian swasta. Selainnya adalah fi hospital iaitu *charge* penginapan, fi tatacara kejururawatan, *charge* peralatan, *charge* ujian makmal dan kos perubatan yang tidak dikawal

selia oleh KKM. Maknanya, yang dikawal selia hanya fi profesional iaitu fi perundingan dan fi profesional untuk prosedur pengamal perubatan. Ini sebenarnya adalah berlainan daripada bidang-bidang lain di mana diletakkan harga minimum, tetapi di Kementerian Kesihatan diletakkan harga maksimum.

Pengenaan fi profesional sebanyak 14.4% pada tahun ini adalah berdasarkan kadar inflasi keseluruhan dan indeks harga pengguna atau IHP khususnya bagi sektor penjagaan kesihatan dalam tempoh lapan tahun iaitu dari tahun 2002 hingga 2010. Keputusan ini dibuat setelah beberapa siri perundingan di antara pelbagai kementerian dan juga pihak-pihak yang berkepentingan memandangkan fi profesional yang sedia ada tidak pernah disemak sejak diperkenalkan pada tahun 2002.

Kadar fi yang tidak dikawal selia oleh KKM boleh berbeza-beza di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain kerana beberapa faktor seperti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta, kos pemasaran, pengendalian dan penyelenggaraan hospital serta perubatan yang ditentukan oleh harga pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pesakit mendapat maklumat yang telus berkaitan dengan harga ubat-ubatan, KKM kini sedang menyediakan cadangan harga ubat-ubatan bagi sektor swasta bagi memastikan harga ubat-ubatan dapat dikawal dan mampu dimiliki oleh orang ramai bagi meningkatkan tahap kesihatan mereka.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, mohon maaf kerana terlajak ke depan, laju sedikit.

■1020

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan terlampau terlajak Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sejak akhir-akhir ini kelihatan bahawa trend ataupun caj-caj yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta ini meningkat. Walaupun tadi dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, kerajaan telah membenarkan kenaikan 14.4% tetapi sebenarnya apa yang berlaku lebih daripada itu. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri, misalannya seorang yang mempunyai insurans perubatan untuk hendak mendapatkan rawatan di sebuah hospital.

Katakan caj kelayakan untuk menduduki bilik yang disediakan di hospital itu RM150, tetapi dia mahu menduduki bilik yang cajnya harganya RM300. Maka kos rawatan keseluruhan akan meningkat lebih daripada 20%. Jadi ini saya kira bahawa ia tidak mendapati apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, bahawa sebarang kos-kos perkhidmatan hendaklah berpandukan kepada Jadual Ketiga belas iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Jadi oleh itu soalan tambahan saya, apakah tindakan atau cadangan yang boleh dilakukan oleh kementerian supaya hospital-hospital swasta di negara ini tidak sewenang-wenangnya mengadakan polisi yang boleh mengenakan caj *double standard* atau berbeza-beza kepada pesakit yang

menggunakan polisi insurans untuk membayar kos rawatan berbanding dengan pesakit yang membayar secara tunai. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian. Saya sudah sebut tadi bahawa yang dikawal hanya fi profesional iaitu fi *consultancy* dan juga fi prosedur Tuan Yang di-Pertua, ada buku pada saya tadi, tidak ambil. Buku prosedur itu sudah beribu prosedur yang ada dan itu kena diikuti. Katakan apendiks contohnya, katakan RM3,000, itu kos pada *surgeon* kemudian ada tambah lagi kos kepada pakar *anaesthesia*, ditambah lagi katakan RM500 jadi RM3,500 ataupun fi untuk *caesarean section* ada fi dia dalam buku itu, ada beribu prosedur.

Akan tetapi yang itu yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, perkara yang tidak dikawal oleh kementerian yang tidak termasuk dalam jadual iaitu yang saya sebut tentang caj bilik hospital, caj penginapan, caj tatacara jawatan, caj peralatan, ujian makmal dan ubat-ubatan yang tidak dikawal. Ini memang tidak dikawal Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini, prosedur apa yang dibuat sekarang, amalan sekarang ini sebelum dijalankan beberapa prosedur, pihak hospital akan bincang dengan pesakit tentang kos-kos ini. Jika dipersetujui, barulah dijalankan apa juga prosedur yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini pihak insurans pun sudah cerdik sudah sebenarnya. Mereka sudah ada satu pasukan audit dipanggil audit, bila bil hospital ini dihantar oleh hospital, pihak insurans ini akan audit dahulu. Kalau didapati caj-caj yang tidak menepati rawatan itu, maka dia akan tolak. Akhirnya saya difahamkan bahawa dengan cara ini, pihak insurans dapat berjimat lebih kurang 25% daripada caj hospital biasa. Jadi, ini satu amalan yang baru dibuat Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Menteri, bagaimana kementerian menangani rungutan oleh pesakit yang tadi kita kata yang terlibat ada insurans, hospital swasta yang dikenakan caj yang kurang munasabah dengan perkhidmatan yang direkodkan di dalam nota rawatan pesakit, *that is the patient note*. Adakah perlu kementerian mempunyai satu jabatan atau jawatankuasa yang boleh berfungsi sebagai tribunal untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan caj-caj yang tidak munasabah ini dan tidak mematuhi peraturan yang dibuat oleh hospital swasta. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peraturan Tuan Yang di-Pertua. Kalau pihak hospital swasta mengenakan caj yang tidak munasabah dan pihak pesakit boleh melaporkan kepada Bahagian Kawalan Amalan Kesihatan Swasta di kementerian. Kita ada satu badan yang akan memeriksa dan akan ambil tindakan kalau berlaku begitu. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, untuk memudahkan lagi dan menyenangkan para pesakit yang bakal mendapatkan rawatan di pihak hospital swasta, kita sedang berunding tentang senarai harga yang akan ditetapkan dan kita akan buat senarai supaya harga ubat-ubatan ini akan menjadi standard Tuan Yang di-Pertua.

Jadi maknanya *in future*, pada masa akan datang dan kita jangka dalam tahun 2015 ini, kita akan selesaikan perundingan dengan pihak-pihak *stakeholders* tentang harga ubat-ubatan dan kita akan masukkan dalam laman web kita, web farmasi.gov.my dan dia punya *password* dia '*carian harga ubat*'. Makna pada tahun 2015, mungkin dalam hujung tahun, kita akan dapat tahu, kita masuk dalam

laman web dan kita dapat tahu berapa harga sebenarnya. Jadi pihak hospital tidak boleh *overcharge*. Sekarang ini memang didapati ada pihak hospital swasta yang *overcharge* harga ubat-ubatan contohnya. Jadi maknanya, ada kawalan kita Tuan Yang di-Pertua.

3. Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee minta Perdana Menteri menyatakan, sama ada Malaysia akan mewujudkan Akta Rasisme dan/atau Akta Anti Diskriminasi bagi menangani isu-isu rasisme yang semakin meruncing di dalam negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini kerajaan berpendapat masih belum ada keperluan untuk menggubal dua akta tersebut untuk menangani isu-isu berkaitan rasisme. Ini kerana kecenderungan masyarakat masih boleh menerima kepelbagaian yang ada di kalangan masyarakat Malaysia.

Selanjutnya, memandangkan bahawa Akta Hasutan akan dikekalkan, malahan ditambah baik atau diperkukuhkan untuk disesuaikan mengikut peredaran zaman terutamanya mengenai soal media baru, sosial media. Saya berpendapatan kita mempunyai dengan izin, *legal tool* yang sesuai supaya perkara sensitif seperti dicatat dalam Perlembagaan Persekutuan tidak boleh disentuh oleh mana-mana pihak yang boleh memecahbelahkan perpaduan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, walau demikian, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional sentiasa melakukan usaha-usaha. Usaha-usaha ini Tuan Yang di-Pertua, bukan usaha sembarangan tetapi kami berusaha secara bersungguh-sungguh untuk memantau dan mengekang sebarang faktor daripada menggugat terus perpaduan kita.

Tuan Yang di-Pertua, memang diakui bahawa pada suatu ketika terdapat banyak pandangan yang dikemukakan supaya kerajaan menggubal satu akta yang dikenali dengan Akta Keharmonian Nasional bagi membendung timbulnya isu-isu yang mempunyai unsur-unsur penghinaan ke atas kelompok-kelompok, mahupun kaum-kaum tertentu. Setakat ini untuk makluman kita semua, setakat ini Akta Keharmonian Nasional yang lebih bersifat memupuk, bersifat *non punitive* atau *educative* untuk mempromosi dan menggalakkan semangat harmoni masih di peringkat perbincangan. Kerajaan hanya akan mempertimbangkannya jika ia difikirkan amat perlu, amat sesuai.

■1030

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak sama sekali akan tergesa-gesa memperkenalkan apa-apa undang-undang tanpa berbincang dengan setiap *stakeholder* untuk memastikan sesuatu undang-undang itu sesuai dengan keadaan semasa dan tidak bertentangan dengan perlembagaan kita. Sekian.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan bahawa kerajaan memang sedia untuk membentuk sebuah akta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini serta Yang Berhormat Menteri, kerajaan dahulu pernah ingin mewujudkan satu cadangan Akta Hubungan Kaum tetapi telah digugurkan oleh Putrajaya.

Itu adalah kerana atas alasan bahawa kita ada Akta Hasutan dan juga kita ada CPC dengan izin, *Criminal Procedure Code* untuk memastikan bahawa isu-isu perkauman dapat dibendung. Akan tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini serta Yang Berhormat Menteri, sejak kebelakangan 40 tahun yang lalu di Malaysia ini, silaturahim di antara kaum jauh berbeza, makin hari makin jauh.

Ini adalah kerana perkara-perkara sensitiviti di antara kaum tidak dapat dibendung ataupun dikawal dengan akta-akta yang sedia ada. Seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan sedang berbincang untuk membentuk sebuah lagi akta tetapi tidak punitif. Bermakna...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, terus kepada soalan Yang Berhormat. Soalan tambahan itu.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya kena *explain* dahulu kerana...

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah panjang lebar Yang Berhormat. Terus sahaja.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Okey soalan tambahan saya, kalau tidak ada akta yang menunjukkan atau memberitahu kepada rakyat umum bahawa perkara-perkara yang akan menjadi sensitiviti dan memecahbelahkan kaum di antara negara yang majmuk seperti negara Malaysia. Baru-baru ini terdapat AGM ataupun perjumpaan tahunan persatuan-persatuan dan juga parti-parti politik yang mengeluarkan kata-kata yang menyinggung hati kaum, atau merasa terluka hati kaum seperti parti sahabat saya parti UMNO di mana perwakilan mengatakan 'keling' dan 'keling mamak'.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup. Soalan...

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: So perkataan ini, ya soalan ini baru hendak bentuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Pendekkan kalau dapat. Tidak payah panjang lebar.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: So, saya hendak tanya kepada Menteri, apakah Menteri hendak buat dengan perkara-perkara sebegini yang memecahbelahkan kaum di negara kita ini? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Harus diingatkan bahawa perwujudan sesuatu undang-undang ini dengan izin, *is not the final solution to resolve problem*. Ia bukan sesuatu cara kita untuk menyelesaikan sesuatu perkara mutlak melalui undang-undang yang kita wujudkan. *Now*, kita sedia maklum bahawa saya telah bercakap secara panjang lebar sebentar tadi berkaitan dengan pengekal dan juga penambahbaikan, pengukuhan Akta Hasutan ini.

Now, itu sebenarnya merupakan satu undang-undang di mana sesiapa sahaja orang yang menyentuh sesuatu perkara yang sensitif, maka akta itu akan digunakan. Akan tetapi seperti mana saya katakan awal-awal sebentar tadi, *to help law to resolve one case is not the final solution*. Itulah saya juga ada bercakap tadi berkaitan dengan perwujudan hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu akta yang bernama Akta Harmoni.

Sebenarnya Akta Harmoni ini akan dilihat, akan dikaji supaya memberi kesedaran kepada rakyat, *to educate them* berkaitan dengan betapa pentingnya perpaduan, betapa pentingnya *unity harmony* di kalangan masyarakat kita. Jadi Ahli Yang Berhormat, percayalah apabila kita dahulu, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa Akta Hasutan ini dikekalkan, maka banyak orang mempersoalkan kenapa tidak dimansuhkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap ini perlu sekali bagi kita untuk mengekalkan harmoni dan menghukum kepada orang yang keterlaluan. Jadi saya tidak tahu apalagi undang-undang yang kita mahu. Kita mendekati perkara-perkara yang sensitif ini dalam dua sudut. Pertama ialah mengekalkan Akta Hasutan, memperkukuhkannya lagi serta mewujudkan satu undang-undang yang baru dan boleh memberi kesedaran kepada rakyat kita. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada soalan apabila kita membincangkan untuk mengekalkan perpaduan pelbagai kaum di negara ini. Semua pemimpin di dalam negara ini mempunyai motif dan matlamat yang sama. Cuma sekarang apabila sahabat saya menimbulkan persoalan, sebelum ini kerajaan bercadang untuk mengadakan satu 'Akta Rasisme' tetapi ditolak.

Kabinet membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan sekarang ditolak untuk mengekalkan bahkan memperkuatkan lagi. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa walaupun kita kekalkan Akta Hasutan, kita masih akan adakan satu lagi akta iaitu *Harmony Act*, adakah itu benar? Adakah itu akan bercanggah? Dan apakah sepertimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa satu akta tidak boleh selesaikan semua masalah. Akan tetapi kita amat memerlukan sebuah akta seperti yang ada di dalam *Harmony Act* di mana berlandaskan bahawa tidak ada seorang pun rakyat Malaysia yang harus didiskriminasikan berdasarkan latar belakang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukuplah.

Tuan Chong Sin Woon: ...Kaum, agama ataupun *race, religion and background*, dengan izin. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum Menteri menjawab saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semasa mengemukakan soalan tambahan, tolong buat secara ringkas *and precise*. Oleh sebab kalau Yang Berhormat bermukadimah semua, kita tidak ada masa hendak melayan semua itu *and on top of that* juga kalau Yang Berhormat ada *point* yang hendak dibangkitkan, boleh buat masa perbahasan nanti. *You all* ada peluang untuk berbahas nanti, *please*. Yang Berhormat Menteri, silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Saya ingin mengulangi sekali lagi Akta Hasutan akan dikekalkan, diperkukuhkan lagi. [*Tepuk*] Satu akta lagi, yang dalam kajian sekarang ini dan sebelum 'Akta Keharmonian Nasional' ini akan diperkenalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini, maka semua *stakeholder* terlebih dahulu akan dirunding.

Dalam pada masa yang sama, Akta ini is not *punitive*. Akta Nasional ini merupakan satu akta yang memberi kesedaran seperti mana saya katakan tadi iaitu memberi kesedaran, kefahaman betapa pentingnya *national unity, peace and harmony* ini. Akan tetapi kalau seseorang itu merupakan ekstrem

sekali, di mana Akta Harmoni tidak boleh digunakan untuk memperbaiki orang yang terlibat dalam perkara sensitif ini, maka Akta Hasutan ini *welcome in to play*.

Selain daripada itu, sememangnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin ada bercakap bahawa Akta Hasutan ini akan dimansuhkan, tetapi oleh sebab suara rakyat, *the voices of growth foot* minta supaya ini dikekalkan malahan ia diperkukuhkan, maka itulah sebabnya.

Siapa kita mahu dengar kalau bukan rakyat. [*Tepuk*] *We have to hear the rakyat* supaya apa yang rakyat minta pada kita, kita dengar dan kita laksanakan itu. So inilah sebab-sebab yang kami berfikir secara ikhlaslah saya sendiri berfikir bahawa akta ini amat diperlukan sekali oleh rakyat kita *to maintain peace and unity in this country*. Sekian.

■1040

4. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan soalan peperiksaan tidak bocor pada masa akan datang dan sejauh manakah kesan kepada pelajar, guru, ibu bapa dan negara akibat dari kebocoran tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari atas soalan yang berkaitan dengan langkah-langkah preventif untuk mengelakkan kebocoran soalan peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenal pasti kelemahan dan rang-rang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh di manipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semua Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan pengendalian peperiksaan awam.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengambil langkah mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melengkapkan pemasangan kamera litar tertutup atau CCTV, dengan izin, di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambahbaikan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan. Di samping itu, taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan dalam SOP akan dilaksanakan secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga sedang mengkaji beberapa langkah jangka pendek termasuk memendekkan tempoh penyampaian atau penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi pengurusan krisis atau *crisis management*, dengan izin. Sedia diadakan untuk bertindak serta-merta apabila berlaku

sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa kini. Untuk memastikan murid, guru dan ibu bapa berada dalam tahap kesediaan yang terbaik dari segi emosi dan psikologi, pihak sekolah telah diarah untuk memberi khidmat kaunseling kepada mereka yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih banyak kepada pihak kementerian yang telah memberikan jawapan yang begitu baik, jelas dan saya sangat berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil. Cuma ada satu ingin saya bertanya di sini, adakah satu kajian telah dibuat setelah berlakunya kebocoran ini kepada pelajar-pelajar terhadap subjek-subjek yang telah diulangi peperiksaannya. Sejauh mana kedudukan kalau dibandingkan dengan tahun lepas, tahun lepas kita tidak dengar ada kebocoran, tahun ini ada kebocoran. Setelah periksa dua kali, bagaimana perbandingan dengan tahun lepas, itu penting.

Kedua ialah telah dikenal pasti mereka yang terlibat dengan keadaan ini, bagaimana kedudukan mereka? Adakah telah didakwa dan kalau didakwa bagaimana kedudukan mereka sekarang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, tidak payah bermukadimah, *straight to the point*. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, berkaitan dua perkara. Perkara yang pertama yang berkaitan dengan kajian dan kajian akan dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian yang berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Senator. Kedua, kes ini sedang sudah diambil dan kita serah kepada pihak polis dan ini adalah tindakan polis yang akan diambil. Sekian terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu apakah punca kebocoran yang sebenarnya yang berlaku. Apa yang saya dengar rintihan daripada ibu bapa bahawa kebocoran itu berlaku di kelas-kelas tuisyen di mana kelas-kelas tuisyen itu sendiri mendapat *competitive* sekarang ini. Kelas tuisyen ini banyak, tumbuh macam cendawan. Guru sekolah pagi mengajar tuisyen sebelah petang. Jadi kualiti sekolah sekarang ini tidak menepati kehendak murid. Banyak yang diajar di kelas tuisyen. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap perkara ini? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, terima kasih di atas soalan yang berkaitan dengan punca atau sumber kebocoran. Seperti yang saya sudah jawab tadi bahawa kes ini telah diserahkan kepada polis dan polis memang sudah menjalankan siasatan dan kes juga sudah didakwa di mahkamah. Jadi marilah kita menunggu keputusan atau dapatan yang akan diperoleh. Sekian, terima kasih.

5. **Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pendekatan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam usaha menangani kes jenayah laut, khususnya penyeludupan orang, memandangkan Malaysia sering dijadikan negara transit bagi kes penyeludupan tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, dok fikir pantun, tidak dapat pula. *[Ketawa]*

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah melaksanakan beberapa pendekatan dalam usaha menangani kes penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Berdasarkan kepada maklumat perisikan, APMM telah mengenal pasti beberapa sindiket yang terlibat dalam mengesan dalam aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia ini. Operasi penguatkuasaan, perundangan dan siasatan dalam menangani isu ini terus dipertingkatkan dengan mengoperasikan tujuh hingga lima belas *vessel* setiap hari di semua lima wilayah maritim di Zon Maritim Malaysia. Pengawasan melalui udara juga dilaksanakan oleh APMM secara berkala. Radar yang dikendalikan oleh Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) digunakan bagi memantau aktiviti yang mencurigakan di perairan negara sepanjang masa.

Perkongsian maklumat dan operasi bersepadu dengan agensi kerajaan lain seperti Jabatan Imigresen bagi memantau kemasukan melalui pangkalan dan jeti juga ditingkatkan melalui strategi *partnership* dengan badan korporat dan swasta. APMM telah bekerjasama dengan *Singapore Police Coast Guard, Maritime Rescue Control Center Singapore* dan Badan Koordinasi Keamanan Laut (BAKORKAMLA) Indonesia di perairan Selat Melaka bagi mengekang kejadian jenayah rentas sempadan dan juga lain-lain lagi. Sekian terima kasih.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Ya terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Saya hendak tanya, kebelakangan ini berapa banyak kah tangkapan yang telah dibuat yang dikendalikan oleh pihak penguat kuasa maritim dan apakah angkanya? Adakah meningkat atau berkurangan? Terima kasih.

■1050

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin menjawab soalan itu dan saya terasa memang soalan itu akan ditanya tetapi malangnya saya tidak dapat memberi angkanya serta-merta dan saya akan bagi secara bertulis. Saya percaya dalam lima minit pergerakan angka itu akan datang. Akan tetapi buat masa ini saya hendak beritahu bahawa oleh kerana kita memperkuatkan operasi maka sudah pasti angkanya meningkat.

Kita kena ingat bahawa operasi kita sekarang ini bukan sahaja untuk orang yang masuk ke sini dan lepas itu kita tangkap tetapi termasuk juga orang yang ada di sini yang sudah bertaraf PATI. Contohnya macam nelayan sekarang ini. Kita mana sangka bahawa orang Bangladesh ini dia boleh buat semua. Kalau pergi di Perlis, Kedah di Jerai dan juga di tempat Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid atau tempat Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor kita lihat orang Bangladesh menanam padi, lelaki. Menanam padi ini jarang dibuat oleh orang lelaki, dibuat oleh perempuan tetapi orang Bangladesh menanam padi dan bergembira pula menanam padi.

Kemudian orang Bangladesh pergi mencuri tanah di Cameron Highlands dan tanam sayur, mencuri tanah di Janda Baik tanam sayur, mencuri tanah di Lojing tanam sayur dan sekarang ini mereka masuk pula ke tempat yang lebih mencabar. Pergi ke laut menjadi tekong. Di sana tidak pernah bawa bot, mungkin bawa lanca tetapi sekarang ini bawa bot dan jadi kapten, tekong kepada bot yang berkenaan dan menjalankan tangkapan ikan. Jadi, oleh kerana dia baru, dia langgar habis pukut orang dan sebagainya. Jadi, yang itu pun termasuk dalam senarai pendarat tanpa izin yang pasportnya telah *expired* dan mereka duduk ini secara tidak sah. Yang ini juga termasuk dalam senarai yang kita tangkap dan angkanya memang bertambah.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa kawasan pantai kita dan laut kita begitu luas. Jadi, hendak tanya pihak kerajaan, adakah bercadang untuk meningkatkan lagi peralatan yang lebih canggih supaya kita dapat meningkatkan lagi penguatkuasaan di kawasan laut? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapannya ya. Kita ada beberapa proses. Yang pertamanya proses mengganti aset kita yang tua, yang berumur 50 tahun. Tidak ada bot yang beroperasi dalam dunia ini berumur 50 tahun. Jadi, kita ada 50 tahun dan kita sudah lupus dah, tujuh biji bot terpaksa dilupuskan. Bila diserahkan kepada kita, minggu yang pertama terpaksa dilupuskan sebab umurnya sudah lewat. Akan tetapi ada juga yang berumur 50 tahun masih mampu beroperasi. Cuma, kekuatannya kurangnya. Contohnya dahulu 30 knot, sekarang mungkin tinggal 10 knot. Jadi, kalau kapal Vietnam dia 15 knot, kita kejar boleh tengok dia jalan, kita boleh tengok di belakang. Jadi, itu aset yang terpaksa diganti berdasarkan kemampuan kerajaan.

Akan tetapi, aset baru yang merupakan kapal, bertaraf kapal telah pun ditempah dan dipanggil tender. Sudah bagi tender telah pun diberi tawaran yang kita akan bina sebanyak tujuh buah kapal yang bernilai lebih daripada RM350 juta. Yang itu di antara aset tambahan yang akan diberi kepada APMM termasuk juga- itu untuk kawalan di laut lepas. Ini kawalan di pantai, kita memerlukan bot laju. Yang itu juga ditambah dari semasa ke semasa. Yang ini kita kena buat sebab pantai kita begitu luas dan dalam masa yang sama kita juga terlibat secara langsung dalam operasi ESSCOM di Sabah.

Yang itu kita *mobilize* aset-aset dari tempat lain pergi ke sana. Di tempat-tempat lain ada kekurangan, yang kekurangan itu kita terpaksa membuat penggantian serta-merta. Akan tetapi Yang Berhormat sedia maklum hendak menggantikan sebuah bot itu dia mengambil masa sekurang-kurangnya setahun untuk kita bina. Akan tetapi ada cara yang boleh kita buat, beli yang tersedia. Itu juga kita akan berbuat demikian. Hendak pastikan supaya laut kita, maritim kita terjaga dengan sebaiknya. Kita juga menyahut, mendengar pemimpin Indonesia Presiden yang baru menyebut bahawa Indonesia negara maritim dan dia menang pilihan raya. Kita juga hendak beritahu bahawa Malaysia juga negara maritim dan kita harap ia terus menang pilihan raya. Terima kasih.

6. Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) kenapakah beberapa hospital kerajaan di Sabah seperti di Lahad Datu, Sipitang, Sandakan, Tawau dan beberapa lagi tidak mempunyai doktor-doktor pakar yang mencukupi walaupun ada di antara hospital-hospital tersebut mempunyai peralatan dan kemudahan yang baik dan canggih. Di antara sebab yang diketahui, hospital-hospital ini kurang atau tiada doktor pakar ialah, keengganan doktor pakar di tugaskan di daerah lain selain di ibu negeri Kota Kinabalu; dan
- (b) apakah tindakan dan perancangan daripada kementerian untuk memastikan hospital di daerah lain di Sabah dapat ditempatkan doktor pakar yang diperlukan di daerah itu.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Kadzim. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga 31 Oktober 2014 terdapat seramai 247 orang pegawai perubatan pakar yang sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia di Sabah.

KKM memang prihatin dan sentiasa berusaha untuk mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan lagi bilangan doktor pakar. Buat masa ini di Hospital Lahad Datu, Tawau dan Sandakan telah pun memiliki doktor pakar dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pembedahan am, pediatrik, bius, ortopedik, radiologi, obstetrik, ginekologi dan patologi.

Sehingga 31 Oktober 2014 terdapat seramai lapan orang pakar perubatan dan 50 orang pakar perubatan biasa yang sedang berkhidmat di Lahad Datu. Untuk Tawau, terdapat 25 pegawai perubatan pakar dan 94 pegawai perubatan biasa dan untuk Sandakan terdapat 22 pegawai pakar dan 106 pegawai perubatan biasa. Bagi Sipitang terdapat 7 orang pegawai perubatan biasa dan untuk Sipitang terdapat juga pakar-pakar yang melawat hospital ini secara berkala.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai strategi disusun untuk menambahkan bilangan doktor pakar, misalnya menempatkan pakar dari Semenanjung Malaysia ke Sabah secara giliran untuk tempoh minimum satu tahun mulai dari tahun 2012. Pengambilan pakar warganegara asing secara kontrak sekarang terdapat 38 semuanya di Sabah. Pelantikan semula pakar KKM yang telah bersara wajib secara kontrak, pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara *session* maknanya bila perlu kita panggil dan menggalakkan pakar warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air. Ini di bawah program lain Tuan Yang di-Pertua tetapi melibatkan doktor. Ada terdapat 150 doktor semuanya di seluruh Malaysia yang di bawah skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerajaan juga telah mengeluarkan biasiswa ataupun hadiah latihan kepada doktor-doktor yang berminat untuk mengambil kursus kepakaran. Sekarang telah dipertingkatkan, mulai tahun lepas kepada RM1000 biasiswa setahun Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, bagi melahirkan lebih banyak bilangan pakar tempatan dari negeri Sabah keutamaan diberikan kepada pegawai yang berasal dari negeri Sabah dalam pemilihan calon Program Sarjana yang dikendalikan oleh universiti tempatan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang bukan sahaja telah menjawab soalan tambahan saya, maka yang saya tidak tanya pun dia jawab. Terima kasih.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang kita telah dimaklumkan di negara kita tidak cukup dengan doktor pakar tetapi doktor-doktor yang minat mengikuti dan hendak menjadi doktor pakar kalau hendak mengikut *course* dia, prosedur dia tidak senang. Ambil contoh sebelum seseorang doktor itu hendak mengikuti mana-mana *course* dia mesti dapat *attachment*. Hendak dapat *attachment* itu gilirannya kurang daripada tiga hingga empat tahun. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang masalah ini? Macam mana hendak mempercepatkan untuk doktor boleh dapat mengikuti kursus mereka masing-masing supaya kita dapat menyelesaikan kekurangan doktor pakar di negara kita?

■1110

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebut tadi bahawa jumlah biasiswa yang telah dikeluarkan oleh kementerian setiap tahun telah ditingkatkan. Sebelum itu dalam RM600, sekarang sudah jadi RM1 ribu setahun Tuan Yang di-Pertua. Kita ada bermacam-macam kursus. Untuk yang dalam negara kita, kita ada *masters-degree* dan untuk luar negara ada macam-macam. Dia boleh ambil di luar negara ataupun dia ada *attachment* di dalam negara, FRSUS, MRCP dan sebagainya. Jadi, kita ada universiti, hospital yang menyediakan program *masters* ini yang di universiti tempatan dan juga doktor-doktor yang berminat dia boleh persendirian. Tidak perlu ada *attachment* dengan universiti. Dia sendiri boleh ambil. Akan tetapi dia kena *attach* dengan mana-mana disiplin yang dia perlulah.

Jadi, ini sebab dia punya *queue* itu panjang, memanglah saya bersetuju bahawa dia makan masa bertahun-tahun untuk hendak dapatkan tempat untuk mengambil sendiri. Bermakna Tuan Yang di-Pertua, yang ini yang biasiswa yang dikeluarkan. Akan tetapi kalau dia hendak ambil sendiri pun boleh, kos tidak begitu tinggi kalau dibandingkan dengan kursus prasarjana. Jadi bermakna, kalau dia tidak dapat tahun ini, tahun depan dia boleh cuba lagi. Akhirnya dia boleh dapat, *insyaAllah* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan seterusnya Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon, dipersilakan.

7. **Tuan Chong Sin Woon** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, strategi kementerian buat masa sekarang untuk menolong wanita yang mengalami keganasan keluarga untuk meninggalkan suami mereka, khususnya wanita yang mengalami keganasan yang tidak serius lagi (iaitu tidak melibatkan ancaman nyawa) dan kes-kes yang masih sukar untuk membuat laporan polis dan apakah strategi kementerian untuk menolong wanita yang terpaksa mengharungi keganasan bukan fizikal, contohnya verbal (lisan), dan di mana perbelanjaan beliau dihadkan oleh suami atau terpaksa berhenti kerja atas paksaan suami.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius terhadap isu-isu keganasan yang berlaku dalam rumah tangga. Ini kerana ia akan

menjejaskan keharmonian keluarga serta memberi kesan negatif kepada anak-anak. Sesungguhnya sebarang konflik dan cabaran rumah tangga perlu diselesaikan dengan cara berhemah dan bijak tanpa melibatkan keganasan berbentuk fizikal, psikologi, emosi dan mental sama ada kepada suami, isteri, anak-anak ataupun keluarga.

KPWKM tidak menggalakkan isteri meninggalkan rumah atau bercerai dengan suami. KPWKM ada menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga sama ada serius atau tidak serius. Selain itu, mangsa boleh menggunakan perkhidmatan Talian Nur 15999. Sekiranya kes adalah serius, mangsa keganasan rumah tangga boleh membuat permohonan ke mahkamah untuk mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO) jika merasakan diri mereka terancam atau tidak selamat di atas pelaku seperti telah dcederakan atau diugut mengikut peruntukan seksyen 4 dan seksyen 5, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. IPO dan PO boleh dipohon terus oleh mangsa kepada pihak mahkamah atau melalui khidmat guaman atau melalui pegawai penguat kuasa iaitu pihak polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Perintah ini akan menghalang pelaku untuk terus menggunakan apa-apa cara keganasan rumah tangga terhadap mangsa atau keluarga yang dilindungi. Untuk soalan mengenai strategi KPWKM untuk menolong wanita yang terpaksa mengharungi keganasan bukan fizikal. Pada tahun 2012, KPWKM telah mengambil inisiatif untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga dengan memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga meliputi penderaan psikologi sebagai salah satu bentuk keganasan yang sebelum ini hanya menekankan aspek penderaan berbentuk fizikal dan seksual.

Mangsa keganasan rumah tangga kini boleh membuat aduan berhubung dengan penderaan emosi yang dialami di mana-mana balai polis. Berdasarkan seksyen 2, akta tersebut, mangsa keganasan yang boleh mendapatkan perlindungan adalah suami atau isteri, bekas isteri atau bekas suami, kanak-kanak dan mana-mana anggota keluarga lain. KPWKM telah melaksanakan pelbagai program berbentuk pencegahan dan advokasi bagi memberi kesedaran kepada masyarakat, khususnya wanita. Program-program ini dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dengan agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Pada tahun 2014, kementerian telah melaksanakan Seminar Wanita Anti Jenayah, khusus untuk kaum lelaki. Program ini telah dilaksanakan di dua buah negeri iaitu di Johor dan Pulau Pinang dengan penyertaan seramai 600 orang lelaki. Tujuan seminar ini diadakan khusus untuk kaum lelaki adalah untuk menjelaskan peranan gender iaitu suami dan isteri dalam keluarga, tempat kerja, komuniti dan negara. Kefahaman mengenai sensitif terhadap gender di peringkat awal akan memberi kesedaran dan seterusnya dapat mengelakkan berlakunya kes-kes keganasan dalam rumah tangga pada masa hadapan.

Selain itu, program ini diadakan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan dan tujuan wanita bekerja iaitu untuk membantu keluarga di samping menerapkan aspek menghormati, menghargai, menyayangi dan melindungi wanita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, dipersilakan soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab dengan begitu terperinci dan panjang lebar. Soalan tambahan saya. Bolehkan kementerian mewujudkan pusat perlindungan sementara untuk mangsa-mangsa keganasan dan keluarga? Ini kerana pada masa kini pertubuhan bukan kerajaan seperti *Women's Aid Organisation* telah melakukan kerja yang baik. Akan tetapi pusat-pusat perlindungan mereka sentiasa penuh dan hanya mampu menguruskan kes-kes yang serius sahaja. Soalan nombor dua. *Billboard* dan laman web kementerian kebanyakannya dalam Bahasa Malaysia dan ianya hanya segelintir maklumat yang disediakan dalam bahasa lain. Ini menyebabkan ia sukar disalurkan kepada mereka yang memerlukannya.

Apakah kementerian mempunyai strategi ataupun pendekatan untuk menangani masalah ini untuk menjayakan promosi dan kempen kementerian. Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Chong. Sebagai langkah perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga, selain daripada rumah perlindungan yang disediakan oleh WAO dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, KPWKM telah menyediakan sebanyak 43 buah tempat selamat yang dikendali di bawah JKM. Oleh itu kita memang ada rumah perlindungan yang secukupnya. Kalau ada keperluan untuk mendapatkan perlindungan, mangsa-mangsa boleh melalui Talian Nur 15999 atau pergi ke Jabatan Kebajikan untuk dapatkan bantuan dari pegawai Jabatan Kebajikan.

Mengenai bahasa yang digunakan di dalam web kementerian. Selain daripada maklumat yang kita mengadakan di dalam web, kita juga mengadakan beberapa program di akar umbi. Supaya kita dapat mempromosikan kesedaran kepada bukan saja wanita, termasuk juga lelaki dan juga agensi teknikal yang terlibat dalam mengendalikan kes keganasan. Bila kita mengadakan program di akar umbi, bekerjasama dengan NGO atau program dianjurkan oleh kementerian sendiri, kami juga akan mengadakan program itu dalam bahasa yang lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita memang hari ini telah banyak terdapat rumah-rumah perlindungan wanita sama ada di bawah kerajaan negeri sendiri ataupun banyak juga di bawah pengurusan NGO-NGO. Cuma di sini saya ingin maklumat daripada pihak kementerian. Apakah bentuk kerjasama ataupun mungkin geran ataupun insentif-insentif yang boleh diberikan oleh pihak kementerian bagi membangunkan penglibatan NGO-NGO ini dalam memberi perlindungan kepada wanita-wanita dan juga remaja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Menteri.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kementerian telah pun menyediakan peruntukan tahunan pengurusan rumah perlindungan kepada NGO seperti WCC,

Rumah Perlindungan Nurul Hanah, Kedah, WAO, NCWO dan selainnya. Soalan yang lagi satu saya tidak ingat. Apa itu, bolehkah jelaskan atau ulangkan?

■1110

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Apakah insentif dan juga mungkin kerjasama antara kementerian dan rumah-rumah perlindungan ini yang boleh dilaksanakan?

Datin Paduka Chew Mei Fun: Kami menyediakan bantuan khas kewangan untuk NGO. Mereka boleh buat permohonan dan dapatkan geran itu untuk menganjurkan program. Di samping itu, kementerian selalu mengadakan mesyuarat *consultative* dengan NGO dan juga kita menganjurkan program kesedaran atau seminar dengan NGO. Di samping itu, kita juga ambil kira apa-apa kajian yang telah dilaksanakan oleh IPTA/IPTS atau pertubuhan bukan kerajaan. Terima kasih.

8. **Datuk Hajah Rohani binti Abdullah** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan kandungan "*Heads of Agreement*" pelaksanaan perjanjian persefahaman (MOU) antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Selangor untuk program penstrukturan bekalan air.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Rohani di atas soalan yang berkaitan dengan *Heads of Agreement* iaitu bekalan air Negeri Selangor dan juga menstrukturkan semula bekalan air di negeri Selangor.

Secara latar belakangnya bolehlah saya katakan bahawa Kerajaan Persekutuan dalam sekitar tahun 2004 dan 2005 telah mengambil keputusan bahawa untuk bekalan air di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya seharusnya mempunyai usaha untuk mencari bekalan air mentah tambahan kerana bekalan air mentah yang sedia ada di negeri Selangor ini tidak cukup untuk menampung jumlah penduduk yang semakin meningkat di ketiga-tiga wilayah ini iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Akhirnya Kerajaan Pusat telah memohon supaya satu projek pemindahan air diadakan di antara Pahang dan Selangor dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan bermulalah rundingan yang akhirnya membawa kepada pembinaan Empangan Klau di Pahang dan juga *intake* Semantan dan terowong dari Pahang ke Selangor dan yang terakhirnya ialah pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan juga sistem pengagihan ke dalam Kuala Lumpur dan Selangor. Namun begitu pada tahun 2008 oleh kerana peralihan kuasa Kerajaan Negeri Selangor maka projek ini tidak mendapat persetujuan Kerajaan Negeri Selangor pada peringkat mulanya.

Walau bagaimanapun, hasil daripada usaha yang berterusan dan kita memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Selangor sememangnya satu hari nanti di Selangor dan Kuala Lumpur akan ada masalah sebab bekalan air yang ada Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi, Klang Gate, Empangan Semenyih dan juga Empangan Sungai Langat tidak cukup untuk menampung dan pada 26 Februari 2014 barulah akhirnya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri telah pada dasarnya bersetuju untuk meneruskan usaha menstrukturkan semula bekalan air Selangor dengan

tambahan satu lagi iaitu Kerajaan Pusat boleh meneruskan projek bekalan air Pahang ke Selangor tambahan dengan Loji Rawatan Air Langat 2. Tambahan satu lagi ialah syarikat-syarikat konsesi air yang ada di Selangor ini diserahkan ataupun diambil oleh anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dengan konsep '*willing buyer, willing seller*', dengan izin.

Hasil daripada rundingan yang berterusan itu Tuan Yang di-Pertua yang akhirnya membawa kepada perjanjian yang dikenali sebagai *Heads of Agreement* dengan izin pada 1 Ogos 2014. *Heads of Agreement* ini menetapkan tindakan-tindakan penting untuk memuktamadkan pengambilalihan syarikat-syarikat konsesi air iaitu Puncak Niaga Sdn. Bhd, Konsortium Abas Sdn. Bhd, Syarikat pengeluaran Sungai Selangor Sdn. Bhd. (SPLASH) dan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS). Keempat-empat ini akan diambil alih sepenuhnya oleh sebuah syarikat kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor.

Pada masa yang sama juga *Heads of Agreement* memperincikan kaedah dan komitmen kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan negeri untuk memastikan bahawa projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan sistem agihannya disiapkan pertengahan tahun 2017. Dengan siapkan Loji Rawatan Air Langat 2 ini kita amat yakin bahawa jaminan kepada bekalan air bersih di negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya lebih selesa dan memberi kesejahteraan kepada kehidupan rakyat seharian.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan akan terus menjadi pemudah cara bagi membantu Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan menstrukturkan semula industri perkhidmatan bekalan air Selangor dan seterusnya memuktamadkan struktur semula industri bekalan air Selangor. *Sale and Purchase Agreement*, dengan izin, antara Kerajaan Negeri Selangor dengan dua buah syarikat iaitu SYABAS dan Puncak Niaga telah ditandatangani pada 10 November. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada tiga soalan tambahan tetapi telah pun dijawab dua soalan. Cuma ringkas satu soalan. Adakah status perjanjian air ini setelah berlaku penstrukturkan semula ataupun perubahan pucuk pimpinan di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Semua perjanjian ini Tuan Yang di-Pertua telah ditandatangani pada masa mantan Menteri Besar Selangor dan selepas daripada itu pucuk pimpinan Selangor telah beralih kepada Menteri Besar Selangor yang baru. Jadi sehingga kini, sehingga waktu kita bercakap dalam Dewan yang mulia ini Projek Langat 2 di Loji Rawatan Air Langat 2 yang dahulunya diberi kebenaran yang disebut sebagai *development order* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, diberi oleh mantan Menteri Besar diteruskan oleh Menteri Besar yang baru. Jadi setakat ini tidak ada apa-apa halangan ataupun permintaan untuk diberhentikan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2. Jadi yang lain-lain itu saya ingat saya tidak pasti tapi itu setakat yang saya tahu. Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang telah diberikan sebentar tadi dan kita juga mengucapkan terima kasih atas usaha yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan masalah air di Lembah Klang ini dapat diselesaikan. Cuma kerisauan

saya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah walaupun dilihat sehingga hari *as we speak right now*, dengan izin, masih lagi tidak ada arahan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar yang baru tetapi dalam sidang Dewan Undangan Negeri Selangor telah banyak mempersoalkan soal *agreement* yang telah pun ditandatangani oleh mantan Menteri Besar sebelum ini.

Cuma kerisauan kita khususnya saya daripada Selangor ialah apakah tindakan yang boleh kita ambil oleh Kerajaan Persekutuan sekiranya ada usaha-usaha untuk membatalkan perjanjian yang telah ditandatangani kerana ini bukan soal politik. Ini adalah soal keselesaan rakyat di seluruh kawasan Lembah Klang ini khususnya. Jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

■1120

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Datuk Megat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira bahawa apabila Kerajaan Persekutuan membuat kajian pada tahun 2004 dan 2005 untuk memulakan satu projek air mentah dari negeri Pahang ke Selangor, yang paling penting pada Kerajaan Persekutuan adalah keutamaannya adalah rakyat dan masyarakat di Selangor dan juga di Kuala Lumpur. Tambah-tambah lagi di Kuala Lumpur ini adalah pusat perniagaan, pusat pelancongan dan pusat di mana konvensyen, seminar di peringkat antarabangsa diadakan. Jadi sudah tentulah kita tidak mahu melihat bahawa di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya ini ada masalah bekalan air.

Namun begitu, pada Mac 2014, kita dapat melihat sendiri bahawa ada catuan bekalan air yang cukup besar kepada Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Selangor. Ini akibat daripada bekalan air mentah yang tidak cukup. Jadi kalau kita ambil itulah, kalau kita ambil semangat untuk membantu rakyat dalam semua aspek, saya ingat Kerajaan Persekutuan kena berbelanja lebih kurang RM5 bilion untuk bawa air dan juga mengagihkan air itu ke negeri Selangor dan Kuala Lumpur. Kalau ambil daripada persepsi politik, sudah tentulah tidak perlulah buat. Tidak perlu buat kalau kita ambil daripada persepsi politik.

Kuala Lumpur tiga sahaja Parlimen Barisan Nasional, yang lain DAP dan PKR. Negeri Selangor negeri kerajaan Pakatan Rakyat. Akan tetapi oleh kerana semangat untuk melihat bahawa ini bukan masalah parti, ini bukan masalah perbezaan politik, ini masalah rakyat secara keseluruhannya, maka kerajaan memutuskan bahawa projek ini mesti dijalankan dan saya yakin atas semangat itu juga Kerajaan Negeri Selangor di pimpinan yang baru juga tidak akan mengabaikan melainkanlah kalau ada keputusan-keputusan lain yang hendak dibuat oleh Selangor. Akan tetapi kalau atas semangat itu juga, saya yakin bahawa mereka juga hendak bahawa air di negeri Selangor ini tidak akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, boleh bayangkan seorang nenek berada di tingkat 15 di sebuah rumah pangsa pada hari catuan air selama tiga minggu. Ini kita minta supaya tidak akan berlaku lagi dan inilah usaha-usaha yang berterusan kerajaan sebab akhirnya seperti mana yang disebut oleh Perdana Menteri, rakyat hendaklah diutamakan. Terima kasih.

9. **Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, langkah-langkah yang sedang diambil untuk membanteras masalah perjudian "*online*" dengan butiran seperti jumlah premis yang diserbu, jumlah orang yang ditahan dan didakwa dan jumlah mesin yang dirampas dari Januari hingga Oktober 2014 serta keberkesanan langkah-langkah tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya untuk menjawab bersekali enam lagi soalan berkaitan perkara yang berbangkit memandangkan soalan-soalan berkenaan banyak perkara yang sama seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon pada 8 Disember 2014;
- (ii) Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah pada 9 Disember 2014;
- (iii) Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani pada 10 Disember 2014;
- (iv) Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad pada 15 Disember 2014;
- (v) Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat pada 16 disember 2014; dan
- (vi) Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah pada 18 Disember 2014.

Mohon izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan pihak Polis Diraja Malaysia sentiasa mengambil serius isu-isu berkaitan perjudian haram terutamanya yang melibatkan penggunaan internet atau secara *online* di seluruh negara. Aktiviti perjudian haram ini jika tidak dibendung, ia bukan sahaja boleh menjejaskan hubungan kekeluargaan tetapi boleh merosak akhlak dan sahsiah diri pada generasi muda yang menjadi pewaris negara memandangkan permainan judi secara *online* ini kebanyakannya melibatkan golongan remaja. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini sama ada dijalankan oleh orang-orang perseorangan atau sindiket-sindiket perjudian.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat Chandra Mohan a/l S. Thambirajah dan Yang Berhormat Datuk Yahaya bin Mat Ghani, secara statistiknya, pada operasi yang dilaksanakan pada tahun 2014 sahaja meliputi Ops Dadu Khas yang dilancarkan pada 26 Oktober sehingga akhir November yang lalu, pihak polis telah membuat sebanyak 62,819 serbuan dan merampas sejumlah 138,166 unit komputer yang dianggar bernilai RM138 juta dengan anggaran RM1,000 setiap komponen penuh komputer, murah. Tuan Yang di-Pertua, kalau RM2,000 satu unit, dia sudah *double* di situ. Dalam tempoh yang sama juga, seramai 20,216 kaki judi dan penganjur telah ditangkap. Dari jumlah tersebut, 7,181 orang telah dituduh di mahkamah dan dalam siasatan polis.

Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah membangkitkan adakah kerajaan bercadang menggubal akta yang khusus bagi menangani aktiviti perjudian haram. Pihak Jabatan Perdana Menteri telah membuat pindaan terhadap tiga akta berkenaan iaitu Akta Rumah Perjudian Terbuka, Akta Loteri 1952 dan Akta Pertaruhan Pool 1967 untuk dibentangkan di Parlimen. Ini sepatutnya dibentangkan pada sesi yang lepas. Mungkin, mungkin Yang Berhormat ya, oleh kerana kesuntukan masa, *time constrain*, maka tiga rang undang-undang yang amat penting untuk menangani

masalah ini tidak dibentangkan. Kalau Yang Berhormat bangkit dalam perbahasan, tolong bangkit supaya dipercepatkan benda ini.

Bagi menentukan aktiviti perjudian dapat ditangani dengan lebih berkesan dan terancang seperti mana yang dibangkit oleh Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Dato' Khairudin bin Samad, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, kementerian dan pihak PDRM telah mengambil pendekatan dan langkah-langkah seperti berikut. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kerana hendak tujuh orang, jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa. Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Pihak polis telah melancarkan operasi khas iaitu Ops Dadu pada 26 Oktober untuk menangani secara habis-habisan aktiviti perjudian bagi memastikan tidak ada lagi pusat-pusat perjudian haram beroperasi di seluruh negara. Mulai 3 November 2014, premis-premis yang disyaki menjalankan kegiatan perjudian tetapi telah ditutup kerana operasi yang dijalankan, pihak polis telah menggeledah premis berkenaan setelah waran diperoleh daripada pihak mahkamah.

Kedua, kementerian telah menubuhkan pasukan khas di peringkat Bukit Aman bagi membasmi masalah perjudian secara lebih berkesan. Penubuhan pasukan khas dengan kekuatan skuad seramai 200 pegawai dan 30 kakitangan awam akan membuat serbuan dan pemeriksaan pusat yang menganjurkan perjudian di seluruh negara. Pasukan khas yang dikenali sebagai *Special Task Force for Anti-Vice and Gaming and Gangsterism* (STAGG) dan telah beroperasi pada bulan Disember 2014.

Ketiga, pihak kementerian telah menyediakan satu nota makluman dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri tentang keperluan tindakan bersepadu antara pihak berkuasa tempatan dengan pihak PDRM untuk mengekang kegiatan perjudian memandangkan pihak PBT mempunyai budi bicara yang meluas dalam membatalkan premis dan lesen perniagaan *cyber cafe* di kawasan pentadbiran masing-masing.

Keempat, kerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad, pihak pembekal air negeri-negeri, khususnya macam di negeri Sarawak dia berlainan, akan dipertingkatkan lagi untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.

Kelima, pihak kementerian sedang mengkaji tindakan alternatif akan diambil di bawah Undang-undang Pencegah Jenayah (POCA) jika tidak ada keterangan yang kukuh dituduhkan terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan perjudian haram.

Berkaitan dakwaan bahawa pusat perjudian beroperasi berhampiran dengan balai polis tetapi tiada tindakan diambil, untuk makluman Yang Berhormat bahawa Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah telah mengeluarkan arahan Bil.7/2010 di mana kawasan dalam radius 200 meter dari balai polis, tempat ibadat dan sekolah adalah diisytiharkan sebagai zon sifar kegiatan maksiat, premis perjudian haram dan gejala gengsterisme. Kegagalan mana-mana Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai mengambil tindakan membasmi aktiviti berkenaan, tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai berkenaan.

■1130

Dalam persoalan yang dibangkit oleh Dato' Lim Nget Yoon dan Yang Berhormat Dato' Mohd. Suhaimi bin Abdullah berkaitan jumlah serbuan berjaya adalah kecil berbanding dengan jumlah serbuan yang di laksana apabila prosedur operasi standard (SOP). Terdapat beberapa fakta yang dikenal pasti menjadi punca serbuan tersebut menemui kegagalan seperti berikut:

- (i) pusat perjudian telah ditutup. Kebanyakan serbuan yang tidak berjaya adalah dalam tempoh operasi khas yang dijalankan pada 26 Oktober dan masa pusat perjudian haram telah menutup perniagaan dan telah memindahkan komputer ke tempat lain semasa pemeriksaan susulan. Dibuat setelah waran geledah dikeluarkan oleh mahkamah;

[*Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.***]

- (ii) pelayan ataupun *server* berada di luar negara. Kegiatan ini sudah menjadi jenayah rentas sempadan di mana ia melibatkan ke jaringan dengan laman web luar negara dan terdapat juga transaksi hasil pertubuhan disalurkan masuk dan keluar negara. *Server* bagi laman-laman web perjudian ini biasanya dikesan berada di luar negara. Nama pengguna dan kata-kata laluan yang juga sering ditukar bagi menyukarkan pihak polis mendapat keterangan. Untuk makluman Yang Berhormat, 172 laman web telah dikenal pasti oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan mereka telah mengambil tindakan untuk menutup 100 lebih laman web tersebut;
- (iii) penggunaan alat kawalan jauh. Dalam serbuan kegiatan perjudian mesin komputer, pihak sindiket telah menggunakan alat kawalan jauh untuk menutup atau menukar laman perjudian kepada laman web sosial walaupun pihak polis telah berjaya memasuki premis dan menahan penjaga premis. Apabila mesin yang dirampas berjaya dipadamkan oleh operator sebelum pakar judi mesin membuat analisa, sukar bagi pihak forensik untuk mengeluarkan semula data bagi membuktikan wujudnya sindiket perjudian;
- (iv) pusat perjudian bertopengkan pusat hiburan keluarga. Pusat hiburan keluarga telah disalahgunakan. Makna, banyak pihak telah wujud selain perjudian. Terdapat pusat-pusat hiburan keluarga diberi kebenaran untuk membayar wang tunai sebagai ganti kepada hadiah dalam satu permainan mesin simulator. Perkara ini mendorong pengusaha pusat hiburan keluarga menggunakan kebenaran ini untuk menganjurkan perjudian. Pihak polis sukar menguatkuasakan undang-undang Akta Rumah Perjudian Terbuka pusat berkenaan atas kebenaran dalam lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan; dan

- (v) kos untuk menjalankan aktiviti perniagaan ini adalah tidak begitu tinggi berbanding dengan keuntungan yang diperoleh. Justeru itu, sindiket masih mampu meneruskan kegiatan mereka walaupun pihak berkuasa mengambil tindakan merampas komputer perjudian dan penganjur membuka semula pusat berkenaan walaupun diserbu beberapa kali.

Kementerian yakin pihak polis berupaya untuk membasmi kegiatan perjudian ini dengan kekuatan dan sumber sedia ada yang mencukupi bagi mengekang masalah ini. Pihak polis juga sedang memantau modus operandi ataupun kaedah baru yang diguna sindiket berkenaan bagi terus menjalankan aktiviti perjudian termasuk pemantauan di kawasan luar bandar.

Namun demikian, usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan peranan ibu bapa serta kerjasama masyarakat untuk menghindari terus aktiviti yang tidak sihat dan tidak bermoral ini. Aktiviti perjudian dan maksiat akan terus beroperasi selagi ada permintaan daripada masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada angka-angka yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kalau kita tengok dari angka-angka ini, nampaknya macam berkesan. Cuma *on the ground*, kalau kita berpandukan kepada aduan-aduan, kita nampak gambaran yang lain. Berdasarkan kepada jawapan Menteri, cuma hendak tanya satu atau dua isu.

Satu, isu mengenai kalau kita—saya menggalakkan segala tindakan secara bekerjasama antara PDRM dengan PBT. Ini pernah berlaku. Akan tetapi, apa yang *I* tengok tidak berlaku ialah penglibatan SKMM dalam tindakan bersama ini. Pada saya, *I* rasa SKMM perlu terlibat juga dalam *joint-joint enforcement*. Fasal banyak akta-akta ini di bawah *jurisdiction* SKMM. Itu satu. Cuba akan meringkaskan.

Kedua, dari segi akta. Tadi *I* terima jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bila kita cakap undang-undang itu *is not the solve solution* kepada semua *problem*. Akan tetapi pada masa yang sama, undang-undang itu tak boleh jadi satu *paper* yang tidak bernilai, *which is totally* tidak boleh pakai. Kalau dalam kes ini kita tengok, kesalahan ini masih meningkat. Sebagai contoh, tadi semasa jawapan Yang Berhormat Menteri pernah cakap fasal isu-isu luar negara. Akan tetapi kalau tidak salah, kita ada satu akta di Malaysia iaitu Akta Jenayah Komputer 1997 yang memberi kuasa kepada kita bertindak kepada salah laku yang dilakukan di luar negara. So cadangan saya, supaya SKMM kena terlibat dan SKMM kena gunakan akta-akta berkenaan.

Cadangan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, tadi ada satu surat pekeliling yang dia cakap 200 meter tidak boleh adakan pusat-pusat siber. Sejauh 200 meter dari sekolah dan sebagainya. Pada saya, *I* rasa 200 meter ini pendek sangatlah. Kalau kita lari 100 *meters* pun 30 saat sudah sampai. Pada saya kalau kawasan sekolah, ia mesti lebih dari 200 meter dari sekolah, pusat siber. Ini cadangan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik cadangan khususnya yang pertama, kerjasama di antara PDRM dan PBT yang nampak di luarnya kita tidak ada kerjasama bersama pihak SKMM. Sebenarnya Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat Senator, bahawa kerjasama kita dengan pihak SKMM memang berterusan semenjak kita mengadakan operasi bersepadu.

Walaupun pegawai mereka tidak ada bersama dalam satu-satu rempuhan ataupun serbuan, tetapi dalam masa yang sama untuk memotong akses talian *internet* masuk ke sesuatu tempat itu, ia memerlukan penilaian yang amat teliti. Ini kerana sambungan itu merangkumi semua sambungan kepada satu premis keseluruhannya. Kalau kita hendak potong sekali, oleh sebab satu rumah perjudian, akhirnya akan memutuskan perhubungan mungkin sepuluh syarikat-syarikat yang lain, yang menjalankan aktiviti-aktiviti di bawah undang-undang. Itu yang satu. Walau bagaimanapun, saya mengambil kira dan saya akan bincang. Sebenarnya saya sudah bincang dengan pihak SKMM berhubung dengan perkara ini.

Kedua, undang-undang *extra territorial* Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu makna kita boleh kuatkuasakan undang-undang di luar negara. Akan tetapi Yang Berhormat, ia berlandaskan nilai. Kita Malaysia sebenarnya, keseluruhan masyarakat Malaysia, saya memang berterima kasih dan menyanjung tinggi nilai ini. Kita mempunyai satu nilai yang amat tinggi kepada soalan-soalan *raises* berhubung dengan perjudian. Kita masih melihat bahawa perjudian ini adalah salah di sisi masyarakat. Akan tetapi, ada masyarakat di negara-negara lain yang melihat perjudian ini adalah perkara biasa sahaja. Jadi oleh sebab inilah kenapa walaupun kita mempunyai undang-undang yang *extra territorial*, tetapi kita melaksanakannya di negara orang lain, kita kena bekerjasama dengan pihak penguat kuasa di negara tersebut.

Jadi perhubungan ini yang ada masih sebab penilaian itu ada beza sedikit, nilai kita ada beza sedikit dengan orang lain, jadinya pihak lain negara lain memandangnya kurang begitu mendesak dan kurang begitu mencabar kepada mereka. Inilah sebab ada satu halangan sedikit untuk melaksanakan ini. Bukan pihak SKMM tidak membuat perhubungan.

Ketiga, berhubung dengan 200 meter. Saya mengambil kira Yang Berhormat, cadangan ini. Dulunya apabila garis panduan ini dibuat, pihak Polis Diraja Malaysia belum menubuhkan Jabatan Integriti dan Pemantauan Standard. Sekarang kita sudah menubuhkan walaupun belum lagi 100% *operational*, baru mungkin 30% *operational* sebab anggota dan bekalan. Jadi apabila JIPS ini nanti sudah *fully operational* nanti, kita boleh bukakan bahagian ini. Mungkin bukan 200 ela lagi, 200 meter lagi, mungkin keseluruhannya kita tidak hendak. Jadi kalau ini menjadi satu arahan, ada pihak lain yang pemantau kepada semua arahan-arahan daripada jabatan polis itu sendiri untuk dikuatkuasakan. Satu jabatan melihat supaya *standard operation instruction* daripada tiap-tiap *head of department* ini, dalam polis itu akan dipantau, dilaksanakan dan dipatuhi oleh pihak PDRM di peringkat *operational level* ini oleh pihak GIP. Jadi kita bersama-sama menyokong GIP ini dan perancangan yang dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1140

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Shahanim binti Mohamad Yusoff untuk soalan tambahan kedua.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada pengalaman di kawasan saya sendiri di mana premis-premis judi ini diserbu, tetapi selepas sebulan dibuka balik. Saya, kalau negara lain mereka sudah biasa, saya tidak kisah. Akan tetapi di tempat saya, yang saya rasa sangat-sangat sedih ialah pelajar-pelajar sekolah, yang pastinya anak-anak Melayu, yang pergi ke situ, rosaknya akhlak-akhlak anak Melayu bermula di situ, main judi, ketagih, seronok, curi duit ibu bapa, ragut, curi dan merompak. Jadi saya pohon selepas diserbu, bolehkah pihak KDN memantau lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Ini sebenarnya kenyataan ataupun *the reality* keadaan yang sebenar berlaku di luar sana. Jadi banyaklah tohmahan mengatakan, apabila pihak polis serbu hari ini, esok kumpulan yang sama akan balik pergi ke PBT, minta lesen, lesen itu diperbaharui lagi dan selepas itu akan dioperasikan lagi. Pihak pembekal api, pembekal air, pembekal internet semua tidak potong. Jadi inilah sebabnya kenapa kita mengadakan operasi bersepadu dan tindakan bersepadu untuk menangani masalah ini.

Saya pernah mencadangkan supaya pihak PBT dan pihak *utility company* ini, sebagai warta *electricity* dan internet ini, kalau perundangan mereka tidak mencukupi, kaji kan perundangan ini supaya kita boleh potong kan secara begitu sahaja. Masalahnya Yang Berhormat begini, kalau kedai ini telah dipotong api dan airnya, esok dia sambung api air daripada kedai lain masuk ke sini. Kita tidak ada undang-undang mengenakan jiran itu tadi di bawah undang-undang, memberi bekalan api, air dan elektrik kepada pihak jiran dia sebelah. Kalau ini menjadi satu *the lacuna in law*, dengan izin, kita kena pinda undang-undang ini balik dan beri peruntukan yang tertentu supaya kita boleh mengenakan pihak-pihak yang tertentu ini, pihak jiran ini, pihak orang yang macam ada mata tidak tengok, ada telinga tidak dengar ini kepada kelakuan dan gelagat.

Memang saya setuju Yang Berhormat, apa Yang Berhormat sebut berhubung dengan anak-anak muda sekarang ini, saya sentuh dalam ucapan saya awal tadi. Anak-anak muda lah yang terlibat, dia dah *across racial divide*. Orang Cina, orang Melayu, orang bumiputera lain, semua sudah terkena Yang Berhormat. Kita sudah tahu, polis sudah tahu, semua sudah tahu. Itulah sebabnya kita pergi kepada masyarakat untuk memantau ibu bapa dan masyarakat membantu kita. Soalan ini bukan soalan polis sahaja, bukan soalan SKM sahaja, bukan soalan pihak PBT sahaja, tetapi masyarakat keseluruhan Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

10. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) memberi manfaat kepada golongan belia dari Malaysia timur khususnya golongan belia dari Labuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Program Latihan 1Malaysia (SL1M) telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri pada 1 Jun 2011. Ia adalah satu usaha kerajaan untuk membantu graduan terutama mereka yang datang dari keluarga berpendapatan rendah ataupun tinggal di kawasan pedalaman. Program ini dilaksanakan bagi meningkatkan kebolehpasaran ataupun *employability* para graduan melalui latihan *soft skills* dan *on the job training*, dengan izin, selama 12 bulan. Ini dilaksanakan dengan kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, dan syarikat-syarikat swasta yang lain.

Semenjak ia dilancarkan seramai 17,392 orang telah dan sedang melalui program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,774 graduan daripada negeri Sabah dan 1,059 dari negeri Sarawak, sementara 30 orang dari Wilayah Persekutuan Labuan. Sekretariat SL1M sedang mengatur pelbagai kerjasama strategik dengan pihak kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta termasuklah universiti bagi mempergiatkan lagi program SL1M di seluruh negara. Jalinan usaha sama dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah mewujudkan banyak program dan karnival kerjaya yang telah berjaya diadakan di Kota Kinabalu, Tawau, Kuching, Sibul, Kota Samarahan, Mukah dan Bintulu yang memberi fokus kepada graduan di negeri-negeri Sabah, Sarawak dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan.

Dari segi jumlah peserta yang kita latih sekarang ini, secara puratanya sekitar 4,000 orang graduan. Baru-baru ini, semasa ucapan penggulungan di Persidangan Agung UMNO, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi komitmen untuk angka ini dilipatgandakan kepada 10,000 graduan setiap tahun. Untuk itu, SL1M amat berbesar hati untuk menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan pihak Wilayah Persekutuan Labuan, termasuklah Perbadanan Labuan dan syarikat-syarikat swasta di Labuan bagi bersama-sama berganding bahu untuk membuka lebih banyak peluang latihan lagi dan pekerjaan untuk membantu para graduan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada 30 tadi yang telah mendapat kerja di Labuan, yang mendaftar ada 105. Jadi mereka ini lebih berminat untuk bekerja di kawasan Labuan, tidak di tempat lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya masih tidak berpuas hati, jika hanya 30 orang dari Labuan, khususnya. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Menteri, perkasa dan perhebatkan lagi latihan-latihan ini di Pulau Labuan kerana Labuan ini ialah, Yang Berhormat Menteri pun tahu bahawa industri *oil* dan gas, iaitu *hub oil and gas*, di mana saya minta, memohon kerjasama atau pun kuasa kerajaan melalui Yang Berhormat Menteri bahawa kita haruslah utamakan belia-belia tempatan, kerana di mana hasil Pulau Labuan ini, minyak dan gas ini dari Labuan. Akan tetapi, belia-belia kita sebenarnya, kalau kita guna bahasa tempatan ialah '*langoi*', melihat sahaja keadaan, '*melangoi-langoi*'. Jadi di mana kewibawaan kerajaan ataupun Menteri?

Contoh, pekerja-pekerja *oil and gas*, dia bawa satu kumpulan, *group*, bawa daripada Sarawak, kata contoh, "*Kau kerja lah di sini*". Mereka fikir keuntungan. Akan tetapi apa hal dengan belia-belia Labuan, budak-budak Labuan? Belia-belia ini sudah, pendek kata sudah marah, asyik hendak marah dengan kerajaan. Akan tetapi kita sebenarnya di Labuan, kita dalam pilihan raya, kita berterusan

menang. Akan tetapi menang kata, menang sahaja di dalam kertas, tetapi tidak ada isi langsung kemenangan itu kepada belia-belia Labuan. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri supaya perhebat lagi kursus ini di Labuan khasnya dan minta supaya pengambilan pekerja-pekerja ini oleh syarikat-syarikat besar *oil and gas* di Labuan, minta cuba untuk tangani. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Tuan Yang di-Pertua, dua minggu lalu, saya telah membuat lawatan ke Labuan dan saya akui bahawa di Pulau Labuan ini mempunyai satu aktiviti *oil and gas* yang amat *bustling*, yang amat hebat sekali. Untuk itu, kita telah pun menyatakan kepada sekretariat SL1M agar mempertingkatkan usaha untuk *mematchkan*, dengan izin, antara majikan dengan graduan ini. Memang sekarang ini terdapat ada yang tidak kena, atau tidak ada *matching* kerana keperluan oleh syarikat-syarikat minyak di Labuan ini kebanyakannya adalah dari segi teknikal. Ramai daripada graduan ini yang *general degree*, dari *Business Administration*, dengan izin dan kelulusan yang lain. Untuk itu kita perlukan satu program di mana kita dapat melatih mereka ini untuk disesuaikan supaya dapat dilantik dan bekerja di syarikat-syarikat tersebut. Saya setuju kita perlu mempertingkatkan usaha kita. Terima kasih.

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Ada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah, tambahan?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua saya hendak soal Skim Latihan 1Malaysia ini sungguh mendapat sambutan baik di tempat kawasan saya di Pagoh. Memandangkan Pagoh menjadi hab pendidikan tinggi di selatan tanah air maka mohon mendapat maklumat terkini bahawa SL1M dapat dimanfaatkan di hab pendidikan tinggi di Pagoh baik dari penyediaan latihan dari universiti-universiti dan juga penyertaan peserta-peserta. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang negeri Johor ini saya tidak ada data spesifik untuk kawasan Pagoh. Akan tetapi kalau kita lihat dari segi 45,000 mereka yang berjaya dibantu ataupun telah mendaftarkan program SL1M ini, seramai lebih kurang 4,500 daripada mereka yang datang dari negeri Johor iaitu 1,155 merupakan graduan lelaki dan 3,336 graduan wanita tetapi saya tidak ada jumlah untuk Pagoh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu sahajalah soalan lisan kita yang perlu dapat kita laksanakan pada hari ini. Seterusnya kepada aturan. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat.]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2015

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang undang-undang Perbekalan 2015 dan Anggaran Pembangunan 2015 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Kedua]**

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. mengikut rekod kita yang semalam Yang Berhormat Chandra Mohan sedang baru sahaja berucap. Kita silakan Yang Berhormat menyambung perbahasan. Silakan.

11.52 pg.

Tuan Chandra Mohan a/ S. Thambirajah: Terima kasih. Semasa semalam / cakap kelayakan fokus hanya kepada empat isu sahaja. Akan tetapi sebelum saya pergi kepada empat isu itu / hendak rakamkan perasan dukacita berkenaan dengan keseimbangan di antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan. Pada fahaman saya biasanya nisbah yang disyorkan kepada negara yang membangun ialah 60:40 iaitu 60% untuk perbelanjaan mengurus atau *operating expenditure* dan 40% untuk *development expenditure*.

Akan tetapi kalau kita tengok bajet tahun 2015 ini, sebanyak RM223 bilion atau hampir 82% disalurkan untuk perbelanjaan mengurus. Pada saya ini tidak baik untuk masa depan negara. Saya faham kenapa benda ini berlaku. Akan tetapi kita kena cuba ambil satu sikap di mana kita kena lebih seimbang dari segi agihan antara perbelanjaan mengurus dengan perbelanjaan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, balik kepada bajet. Kalau kita tengok bajet tahun 2015, macam Ahli Yang Berhormat pernah cakap semalam dia mengandungi tujuh strategi utama yang disokong oleh beberapa langkah. Kalau kita tengok tujuh strategi ini sepatutnya mendahulukan kepentingan rakyat. Akan tetapi kalau kita kaji secara lebih mendalam, saya nampak bahawa ada beberapa yang penting kepada rakyat Malaysia yang tidak terkandung di dalam Bajet. Maka perbahasan saya akan fokus kepada perkara yang tidak di kandung dalam Bajet. Itu yang saya maksudkan empat isu yang utama.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, adalah isu penukaran agama atau pertikaian hak jagaan atau dengan izin, *unilateral conversion* dengan *custodial dispute*. Maksud saya bercakap tentang situasi yang timbul apabila satu daripada pasangan memeluk agama Islam dan seterusnya menyebabkan perbuatan undang-undang antara pihak yang sudah masuk dengan Islam dengan pasangan yang belum untuk *custody* anak. Kebelakangan ini kalau kita tengok pertikaian sedemikian semakin meningkat walaupun kerajaan telah memberi pelbagai jaminan supaya kita akan cuba cari satu jalan penyelesaian.

Pada saya kerajaan harus cari satu jalan penyelesaian dengan cepat. Bukan sahaja dengan cepat tetapi dengan secara baik dan secara harmoni. Secara adil, secara saksama kepada kedua-dua pihak. Kalau kita tengok pada tahun 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji bahawa kerajaan akan membuat beberapa pindaan kepada akta-akta yang berkenaan untuk mencari satu penyelesaian. Pada masa itu beberapa pihak berpendapat bahawa pindaan kepada undang-undang amat diperlukan atau benar-benar diperlukan untuk menyelesaikan masalah, maksud saya masalah *unilateral conversion*. Akan tetapi lepas itu tidak ada apa-apa perkembangan daripada perjanjian itu dari tahun 2009 sehingga tahun 2014 tahun ini.

Pada bulan Mei ada satu cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan akan menubuhkan satu jawatankuasa bersama dan sedang kaji sebagai

menggunakan pengantaraan atau dengan izin, *mediation* sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau kita tengok sejak *announcement* itu pada bulan Mei sampai sekarang, tidak ada apa-apa perkembangan. Pada saya kalau kita tengok dari tahun 2009 sampai sekarang sudah hampir enam tahun, lima tahun. Enam tahun masih kita tidak ada *nowhere nearer to a solution* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

So, seruan saya kepada kerajaan ialah kerajaan kena cari satu penyelesaian kepada masalah. Saya menyeru Menteri yang bertanggungjawab *the de facto Law Minister* supaya mengkaji dan mengenal pasti satu penyelesaian yang lebih kekal, yang lebih konkrit, yang lebih adil dan yang lebih saksama. Kalau perlu pindaan kepada undang-undang biar pindaan kepada undang-undang. Saya bukan cakap itu sahaja satu jalan penyelesaian. Akan tetapi kalau perlu, biar pindaan pada undang-undang berlaku.

Kalau tidak ada tuntutan yang dibuat dalam bajet ini, kalau kita tengok *introduction* pada bajet pada tahun 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah cakap bahawa kerajaan ini adalah satu kerajaan yang bertanggungjawab yang berakuntabiliti dan yang bersedia untuk membuat ketetapan-ketetapan dan keputusan-keputusan yang tidak popular demi kepentingan rakyat. So, cadangan saya isu ini kena diselesaikan dengan cepat. Itu isu yang pertama.

Isu yang kedua yang pada saya terlepas pandang dalam bajet ialah isu- kalau kita tengok bajet banyak isu, banyak langkah-langkah disebut tentang hendak memastikan kebajikan pekerja. Banyak dalam bajet. Contoh *retrenchment fund* dan sebagainya. Akan tetapi malangnya tidak ada sebarang peruntukan pun untuk membela nasib pekerja selepas mereka bersara.

Kalau kita tengok beberapa kajian dari dua aspek, / tengok kajian dari dua aspek. Satu, kajian dari aspek Malaysia sebagai dengan izin, *aging nation*. Sebuah negara yang penuaan. Kalau kita tengok kajian yang dibuat oleh *United Nations*, Bangsa-Bangsa Bersatu ramalan dia adalah bahawa pada tahun 2030, Malaysia akan jadi satu *aging nation* di mana kalau pada masa itu pada tahun 2013 lebih kurang 15% daripada penduduk Malaysia akan sampai usia 60 tahun. Itu satu kajian dari *United Nations*. Kalau kita tengok kajian dari KWSP dia lebih menakutkan. Kajian daripada KWSP dia cakap menjelang tahun 2022, lapan tahun dari sekarang Malaysia akan jadi satu *aging nation* atau negara penuaan.

Bila kita cakap fasal KWSP, satu lagi kajian dari KWSP menunjukkan bahawa secara purata peratusan besar pekerja Malaysia tidak mempunyai simpanan yang cukup untuk masa depan mereka apabila masa selepas mereka bersara.

■1200

KWSP mengesyorkan *minimum retirement saving* hampir lebih kurang RM196,000 sebagai *minimum retirement saving*. Ini dengan kadar bahawa selepas persaraan seseorang itu akan belanja atau boleh hidup selesa dengan RM800 sebulan, okey. Kalau dia hidup 20 tahun selepas bersara dia perlu lebih kurang RM200,000. Akan tetapi kajian oleh KWSP pun telah menunjukkan bahawa hanya 23% pekerja ada minimum apa yang disyorkan, *minimum recommended saving*. Lebih daripada 70%

pekerja hanya ada RM50,000 dalam simpanan. *So*, maksudnya *that means* selepas dia bersara itu dia akan menghadapi masalah yang teruk.

Pada saya ini perlu satu *serious intervention* daripada kerajaan. Kalau tidak ada, *old folks* selepas dia bersara itu dia akan jadi pengemis. Pasal dia tidak ada mata pencarian yang lain. *So*, pada saya, kita perlu satu *serious intervention* untuk melindungi warga-warga emas ini. Sekarang kalau kita tengok konsep *extended family* pun sudah tidak ada. Jadi mereka pun tidak ada *support* dari *family members* dan bilangan orang yang dihantar kepada pusat jagaan orang tua pun sedang meningkat. *So*, seruan saya kepada kerajaan kalau isu ini tidak ditangani oleh kerajaan dengan baik, dengan cepat ia akan jadi atau mencetus satu apa yang saya panggil sebagai krisis persaraan.

Kalau kita tengok, pada saya pun tidak tahu kenapa kerajaan- kenapa atau mengapa kerajaan terlepas pandang isu ini. Pasal ini akan jadi satu isu sosial yang besar. Salah satu langkah mungkin kerajaan boleh menimbang ialah untuk menubuhkan satu pusat, satu *centralize unit* khas untuk isu-isu ini. Sama ada di bawah Kementerian Sumber manusia atau mana-mana kementerian itu lain cerita dia. Akan tetapi kena tubuhkan satu *centralize unit* yang fokus khas kepada isu ini.

Sekarang kalau kita tengok ada banyak agensi, KWSP, SOCSO, KWAP. Kalau perlu menggabungkan ketiga-tiga agensi ini kalau agensi-agensi yang lain dalam satu unit supaya mereka dapat bagi tumpuan fokus dan tumpuan khas kepada masalah warga emas. Itu isu yang kedua. Kalau tidak ada dengan izin, dalam umur persaraan *in their golden years*, dia tidak boleh *leave* dengan *dignity* pada saya.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketiga kalau tadi saya cakap pasal *leaving with dignity*, isu yang ketiga ialah *dying with dignity*. Kalau *you* tengok di Malaysia sekarang, bukan sahaja *cost of living* meningkat. Akan tetapi *cost of dying* pun sedang meningkat. Saya maksudkan kekurangan tanah-tanah perkuburan di banyak tempat. Ini bukan sahaja- mungkin *problem* untuk agama bukan Islam itu sudah paling serius. Mungkin satu hari nanti kalau tidak salah faham daripada rakan-rakan saya tanah perkuburan Islam pun sedang menghadapi masalah ini.

Kalau bukan kritikal sudah sampai satu tahap yang merisaukan, kekurangan tanah-tanah perkuburan. Di beberapa tempat terutama sekali di kawasan perbandaran sudah terlampau mahal sangat, pasal tidak ada tempat perkuburan awam banyak orang terpaksa pergi ke tapak tanah perkuburan *private*.

Sekarang tanah perkuburan *private* satu plot saya ingat sudah sampai RM15,000. Masalah untuk agama yang bukan Islam di beberapa tempat, bukan di semua tempat sudah sampai satu tahap kritikal. Di mana di beberapa kubur contohnya di Kuala Lumpur, dia orang sudah pakai konsep *rebury*. *That means* selepas beberapa tahun gali balik kubur itu dan tanam semula, di banyak tempat akan jadi. Sekarang ini hanya di kawasan-kawasan bandar, tetapi kalau tidak ambil serius dan kalau kita tidak ambil satu pendekatan yang lebih fokus, ini pun akan jadi satu krisis. Pada saya kalau kita mengamalkan sistem *rebury*, kalau tadi saya cakap *you can not live in dignity*, sistem *rebury* ini *you* tidak boleh mati dengan *dignity*, kena pakai kubur orang lain.

Isu dia Tuan Yang di-Pertua pada saya ialah isu berkenaan dengan garis-garis panduan perancangan. Kalau kita tengok isu ini sekarang diuruskan oleh garis panduan perancangan tanah perkuburan Islam dan bukan Islam yang dikuatkuasakan pada tahun 1997. Sudah 17 tahun, so pada saya garis panduan ini perlu dikaji semula supaya kita dapat menambah tapak-tapak atau tanah-tanah perkuburan baik apa agama pun. Itu isu yang ketiga. Saya fokus sikit-sikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah. Sudah habis sudah?

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Satu lagi isu. Isu yang keempat ialah pasal *history* kita. Ini bangunan-bangunan warisan. Baru-baru ini kita banyak dengar pasal cerita pasal Vivekananda Ashram sampai kita memerlukan penglibatan Yang Berhormat Menteri untuk menyelamatkan keadaan. Kalau tahun ini Vivekananda Ashram selepas kita pernah dengar pasal Lembah Bujang. Masa itu pun perlu campur tangan dari Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Menteri Besar untuk menyelesaikan keadaan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana bertindak dengan pantas, dapat menyelesaikan *problem*. Akan tetapi pada masa yang sama, saya hendak merakamkan perasaan kecewa terhadap Jabatan Warisan Negara.

Pada saya sepatutnya isu-isu macam ini diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara, bukan tunggu sampai Yang Berhormat Menteri campur tangan atau selepas *public outcry* baru bertindak. Pada saya, apabila saya sebut tentang Vivekananda Ashram di mana Yang Berhormat Menteri telah umumkan bahawa satu notis telah dikeluarkan pada 12 November untuk- ini proses untuk mewartakan Vivekananda Ashram sebagai satu tapak warisan yang mungkin akan berlaku sebelum bulan Oktober tahun depan.

Saya juga ingin cadangkan di sini supaya sekitar kawasan itu pun Yang Berhormat Menteri menimbang, supaya di sekitar kawasan itu *diconsider* sebagai satu kawasan warisan. Pasal kalau kita tengok bukan sahaja bangunan Vivekananda Ashram. Di sana ada satu lagi bangunan Maha Vihara Buddhist yang lebih dari 110 tahun. Ada satu bangunan Zion Lutheran Church hampir 100 tahun. Ada lagi satu bangunan rumah berhala hindu Kanthasamy Temple yang *berhistory*. Bukan tempat-tempat ibadat sahaja, cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri juga meliputi seluruh kawasan itu, kawasan kejiranan termasuk 100 *quarters*.

Pada saya, kalau *you* keluarkan 100 *quarters*, Brickfields telah hilang identiti Brickfields 100 *quarters* yang begitu terkenal. Kalau 100 *quarters* itu telah dibagi kepada syarikat lain, *I* rasa dalam hal ini telah diberi kepada MRCB sebagai *share swap* atau *land swap*. Kalau perlu kita ambil balik, kita kena ambil balik. Supaya kita kekal Brickfields sebagai satu tempat warisan.

Ini saya hanya akan fokus, *actually* isunya banyak dan cuma saya hendak fokus empat isu sahaja. Kalau boleh dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak ambil kesempatan ini hendak rakamkan lagi satu perasaan dukacita dengan satu jawapan yang saya terima semalam. Saya harap jabatan berkenaan atau kementerian berkenaan boleh ambil *consideration* apabila menjawab-bukan sahaja soalan saya, soalan Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Semalam saya ada tanya satu soalan kepada Kementerian Pendidikan. Soalan saya ialah, nyatakan bilangan sekolah yang telah mempunyai lembaga pengelola sekolah, bilangan sekolah, angka.

■1210

Akan tetapi jawapan yang saya terima ialah Akta Pendidikan memperuntukkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan boleh menubuhkan lembaga pengelola sekolah. Jawapan dia tidak kena dengan soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kali yang pertama, belum sampai tuduhan, ini aduan sahaja buat masa ini. Ini bukan kali yang pertama, soalan saya mengenai LPS tidak dijawab. Senang sahaja soalan saya. Saya hanya mahu tahu, berapakah jumlah SRJK Tamil, ada LPS kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan di mana setiap tahun dia akan mengagihkan RM100 juta. RM100 juta ini *is not a small sum*. Kita mengalu-alukan *assurance* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan duit ini akan diagihkan melalui LPS. Kalau sekolah itu tidak ada LPS maka dia tidak dapat duit ini.

So, soalan saya hanya ingin mengetahui berapakah sekolah yang ada LPS dan sekolah yang tidak ada itu, apakah langkah yang kita akan ambil untuk membantu mereka menubuhkan LPS? Saya pernah membangkitkan ini *last year*. Akan tetapi, tidak ada jawapan sehingga sekarang. Pada saya sepatutnya sebab kalau kita tengok...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat, *point* telah diambil. Pihak-pihak kementerian sila ambil perhatian serius apa yang di komen oleh Yang Berhormat tadi dan berikan jawapan apabila menggulung nanti.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak memaklumkan bahawa semalam ramai juga Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas tetapi kerana kesuntukan masa, kita bawa ke hari ini. Mereka itu, saya minta berada dalam Dewan dan kita berikan keutamaan serta termasuk juga kepada mereka yang menyatakan untuk berbahas pada hari ini. Di samping itu, mohon kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih belum berucap, berbahas untuk kemukakan nama-nama. Saya hendak menyatakan tarikh. Saya terima beberapa yang telah menyatakan hasrat untuk berbahas mengikut waktu kerana kita ada enam hari. Di samping itu, bersedia dan kalau boleh jangan keluar dari Dewan ini kalau tidak ada perkara-perkara penting.

Saya mengikuti dan telah mengarahkan urus setia mengambil nota keahlian yang duduk di dalam Dewan yang betul-betul berminat dan dapat menyertai Dewan sepenuhnya. Ini kerana ia menunjukkan kesetiaan dan kesungguhan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengikuti perbahasan ini. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim. Tidak ada di dalam Dewan pula. Hah! Inilah dia! Saya berharap beritahu Yang Berhormat itu, nama dia sudah dipanggil, jadi dia masuk kemudian nanti. Dia *join the queue* kemudian. Seterusnya, saya mempersilakan Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad.

12.13 tgh.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli

Yang Berhormat sekalian. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih atas sokongan yang diberikan kepada saya untuk berbahas pada pagi ini. Bak kata orang Melayu...

*Burung Merak burung cenderawasih,
Mari makan daun palas,
Kepada Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih,
Kerana memberikan saya peluang berbahas.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan. Teruskan.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terlebih dahulu saya mengatakan bahawa dalam sehari, dua, tiga hari ini saya dengar banyak perbahasan kita dan saya rasa sangat senang hati kerana banyak isu negara yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin berserta memperkatakan perkara-perkara yang saya rasa yang perlu kita katakan, masalah pertama sekali ialah soal hal belia ini. Saya nampak dalam bajet ini banyak peruntukan diberikan kepada belia untuk melahirkan belia yang setia kepada negara, memperkasakan diri mereka dan seterusnya. Melalui belialah, dapat kita melahirkan insan-insan yang setia kepada bangsa, negara dan seterusnya. Saya juga nampak bahawa inilah juga bajet yang positif untuk membangunkan sosioekonomi negara termasuk usaha meningkatkan prasarana dan *facility* bagi golongan belia seperti pembinaan pusat radar dan lain-lain lagi, juga termasuk IKBN.

Satu lagi perkara yang saya sokong penuh ialah perkara yang saya nampak akhir-akhir ini berlaku- kerajaan untuk menangani gejala militan IS. Jika ini tidak dibendung dengan segera maka imej negara kita jatuh dan juga mencerminkan bahawa kita ini seolah-olah berserta dengan kenakalan dan kejahatan yang dikatakan berjihad itu. Faham kah mereka apa ertinya jihad dan apa erti jahat itu? Jadi saya sangat senang hati apabila kerajaan hendak membuat satu yang dikatakan kertas putih, ini sangat dialu-alukan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh dengan lebih mendalam dua isu hangat yang timbul baru-baru ini iaitu tragedi tanah runtuh di Cameron Highlands dan kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Kita telah dikejutkan oleh tragedi tanah runtuh dan banjir di Kampung Raja dan Lembah Bertam di Cameron Highlands. Dahulu Cameron Highlands ini terkenal dengan keindahan alam, kesejukannya dan ladang-ladang teh tetapi kini telah tercemar kerana penerokaan tanah secara haram sehingga mengakibatkan kejadian tanah runtuh. Saya difahamkan bahawa perkara ini telah lama berlaku selama 14 tahun. Lebih menyedihkan lagi kerakusan penerokaan tersebut tidak dipantau oleh pihak berkuasa.

Kenapakah ini berlaku Tuan Yang di-Pertua? Akibat daripada pegawai-pegawai yang tidak setia kepada kerjanya. Kenapakah penerokaan-penerokaan tersebut tidak dipantau oleh pihak berkuasa? Mereka lalai, cuai dan mungkin mereka ini sudah bersekongkol dengan pihak-pihak tertentu. Salah satunya mungkin dengan taukenya sendiri. Satu lagi dengan PATI. Siapa dia PATI ini dan juga penguatkuasaan. Ketiga-tiga pihak ini yang sepatutnya dipersalahkan. Inilah yang dikatakan tiga pihak, tiga jahanam.

Tiga jahanam ini hendaklah kita jahanamkan mereka semua. Ini tidak akan berlaku sekiranya kita dapat atasinya. Kenapakah tidak dipantau? Selama 14 tahun berlaku. Akhirnya kita berasa malu

malah terpaksa Ke Bawah Duli Tuanku turun ke padang kerana berlakunya perkara ini. Terbabit semua nama. Terbabit habis semua nama dalam hal ini. Jadi, salah-menyalah, tuduh-menuduh dan saling menuding jari. Saya ingat lagi apa yang dikatakan pada tahun 1974 oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Kedua. Dia kata *"Kalau kita hendak maju, hendak berjaya jangan pandai sangat menyalahkan orang lain atas kelemahan diri kita sendiri. Perbetulkan, laksanakan, insya-Allah berjaya"*.

Inilah yang sepatutnya masih dipegang dan masih relevan lagi. Kerana kita saling tuduh menuduh. Pemimpin berdekatan di situ apa yang dia buat? Kamu kata kamu pemimpin tetapi mendengar sahaja. Dengar sahaja! Bercakaplah sedikit, jangan 'ontok' sahaja. [Ketawa] Inilah perkara kita tidak ada kesetiaan tadi. Saling tuduh-menuduh. *"Eh! Apa kamu buat 14 tahun?"* Disebabkan mereka, tiga jahanam ini sudah bersepakat.

Oleh sebab kubis sudah hantar kumannya tiap-tiap hari, cili hendak letak mana? Maka kita sudah habis. [Ketawa] Jadi manusia jangan belot. Inilah kesetiaan yang penting. Jadi, saya minta supaya orang-orang ini jangan dilepaskan, tangkap mereka! Hukum mereka! Biar dia rasa. Kalau tidak ini habis. Baru sahaja berlaku yang ini, bertambah lagi, Janda Baik sudah habis dan kita akan dengar pula laporan-laporan menyatakan tanah di Bukit Tinggi, Janda Baik sudah habis ditarahnya.

Bayangkan banjaran ini akan ditarah. Contohnya esok berlaku gempa bumi di Sumatera, kita pun terlibat sama. Inilah perkara yang kita perlu jaga. Jadi, kita kena mengambil tindakan dan jangan senang hati hendak menceroboh dan hendak cepat kaya, kita lupakan perkara ini. Inilah penyebabnya Tuan Yang di-Pertua, kerana apa? Oleh sebab tidak ada tertanam jiwa amanah itu tadi.

■1220

Baru-baru ini saya dapati bahawa manusia kita hari ini tidak takut kepada Allah walaupun Allah melihat. Mereka lebih takut kepada kamera, CCTV. [Ketawa] Itu dia yang jadi begini. Ini perkara yang paling buruk sekali. So, seumpama ini saya minta tadi gejala rasuah adalah perkara utama. Ini ketara sangat apabila dua pegawai tadi ditangkap. Jadi, kita tengoklah, minta kita ambil betul-betul, kita hukum mereka supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Jadi, penting tadi kerajaan perlu memperkasakan aspek perancangan, pemantauan dan penguatkuasaan. Dengan izin, *mistakes happen anytime* kalau kita tidak pantau. Berlaku kejahatan kalau- tadi penting sekali kita ada satu mekanisme iaitu cara memantau tadi, memantau dia. Sistem kita, mekanisme. Kalau semata-mata biarkan, mereka akan hakis, mereka ceroboh lagi dalam, lagi-mereka ini jahat hati. Hati sudah jahat, hati dia tidak ada lagi dalam keimanan itu. Itu penting. Ada ilmu tetapi tidak ada iman, maka perkara mungkar akan berlaku, jahat rupanya dia.

Jadi, hari ini kita dapati bahawa kita kena juga masukkan sedikit, tanamkan budaya integriti itu, amanah itu kepada pegawai-pegawai kita. Tidak ada integriti, tidak ada amanah. Dia tidak takut mati, habis dia sapu. Ini perkara satu-satu akan kita dengar. Bahawa macam-macam kita akan dengar. Masalah tadi baru saja kita dengar tadi, judi haram. Saya dengar tadi, *'Oh, marah'*. Okeylah Yang Berhormat Menteri, kita bagi dia sejukkan hati kita, itu ini, kita tadi hendak tanya, apakah lagi tindakan paling tegas diambil kepada judi haram ini?

Oleh sebab saya kalau pergi ke surau di kampung saya, ke masjid, jadi mereka bantai saya, apa lah ini Datuk Seri, kenapa? Apa tindakan kita, cakap saja, esok kita hentam esok, bila? Lari esok, saya berdebar. Jadi, kita kena ambil tindakan yang paling tegas sekali. Ibarat kalau kita pukul dia itu, kalau kena hidungnya, kena telinga, dia terus bisu. Kalau kita pukul, pukul mati, masuklah, jangan maaf lagi. Perkara ini kita *consult* tadi betul, kadangkala anak marah kita, cucu kita pun terperangkap oleh Allah, apa jadi ini? Berbuih mulut kita tetapi sehari dua ini saya berterima kasih kepada sahabat kita iaitu Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang mengarah anak buahnya supaya tegas. Bagus, kita hendak lagi kuat. Kita pun mestilah bekerjasama dengan mereka. Jangan kita terus salah saja, menuding jari. *[Ketawa]* Menuding jari, oh jangan. Ingat apa pesan Tun Razak tadi, ingat pesannya, ya itu dia.

Jadi, pihak berkuasa iaitu telah menyatakan bahawa ini perlulah kita laksanakan, kalau tidak nanti kita akan terlambat. Jadi, isu PATI tadi. Terjadi tanah runtuh di Cameron Highlands tadi, isu PATI juga hangat dibualkan. Di Cameron Highlands saja dikatakan ada 30,000 orang warga asing di Cameron Highlands iaitu hampir ramainya adalah warga Bangladesh iaitu seramai 30,000 orang. Pakistan, Myanmar, Vietnam, Nepal dan lain-lain. Kita dapati bahawa warga asing ini tadi yang ada di negara kita juga, macam-macam dibuatnya. Ada yang membuat kedai runcitnya, pasar malamnya pun ada, ladang ada, macam bebas dia, bebas. Kereta sapu pun dapat. Apakah tindakan kita? Contoh, satu di bandar raya, di Kampung Baru, Dato' Keramat, ramai itu, ramai dia. Dia berniaga lah itu. Eh, saya pun...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Mohon laluan Yang Berhormat Datuk Seri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon laluan.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Silakan Datuk, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dulu, dengar dulu. Sila teruskan.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad, juga mentor saya suatu ketika dahulu. Berbalik kepada soal PATI. Kita tahu di Cameron Highlands dan juga di kota raya Kuala Lumpur. Saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, sebab saya tengok di Kuala Lumpur ini bukan sahaja di Jalan Silang, bukan saja di Cahaya Suria, malah PATI ini juga telah masuk ke perumahan-perumahan. Saya dapati daripada rakan-rakan saya, contohnya di rumah pangsa Desa Rejang, Setapak. Premis yang dimiliki oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang diberi kepada rakyat tempatan bumiputera, akhirnya dijual dan disewa kepada PATI. Ini berlaku di Desa Rejang. So, saya minta komen daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tekan Yang Berhormat, tekan apa itu...

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat Senator, perkara ini juga sangat sudah dimaklumkan kepada Bandaraya. Kebetulan saya tadi menjadi- anak-anak buah saya menjadi orang katakan ahli lembaga daripada Bandaraya dan kita juga sudah maklum bahawa ini sangat serius. Bukan sahaja di rumah itu, bahkan gerai-gerai. Saya katakan bahawa ini memang serius

sangat saya kata. Pada ketika itu saya- masalah kata pasar sajalah, pasar. Eh, nampak macam mana orang ini masuk? Jadi, saya tanya dia, "*Macam mana engkau dapat?*" Ini saya kata kita sangat kurang tapisan.

Jadi, hari ini kita tahu pihak Bandaraya sudah buat tapisan yang paling bagus sekali saya dengar. Kita kena bagi sokongan dengannya. Satu ini cerita lain pula, saya kata satu hari *last year*. Saya telah duduk di kedai kopi situ dan dengar banyak yang orang ini bercakap. Saya dengar-dengar itu, saya panggil seorang. "*Eh, panjang, macam mana ini?*" Dia cakap itu saya rasa dia kata, "*Alaa, bisa saja kita atur itu, pokoknya kalau kita setuju ini, gampang saja*". Itu saya kata, "*Eh, mari sini. Tadi saya kata, bisa itu ular, pokok itu kelapa, gampang itu mencarut*", saya kata. Saya marah dia.

Jadi, macam mana berlaku? Jadi, maksudnya sudah ramai, seolah-olah dia boleh beli orang kita, ini jagalah. Akan tetapi saya rasa sangat berpuas hati bahawa hari ini pihak-pihak kita sangat bertegas. Perkara yang kata sahabat saya tadi, anak buah saya itu. Jadi, kita akan terus bertenang. Terus bersama. Kita punya Ahli Yang Berhormat itu adalah ahli Lembaga Dewan Bandaraya. Betul ya Datuk? Oh, sudah habis, terima kasih.

Jadi, itu kita kata sistem penguatkuasaan ini perlulah dikuatkan sistem penguatkuasaan ini, kalau tidak hancur kita, kalau tidak habislah ya. Mengikut Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot, dianggarkan terdapat seramai 6.7 juta orang warga asing di Malaysia, di mana 4.6 juta adalah PATI. Bayangkan apa jadi. Tidak mustahil ia berpunca daripada kurang pemantauan, pelaksanaan dan ketirisan akibat gejala rasuah di kalangan penguat kuasa. Yang mana tadi jagalah.

Akan tetapi ini kita jaga. Soal ketirisan adalah serius ketika ini kerana tiada negara lain di dunia ini yang selembut Malaysia dalam memerangi isu PATI, kata Tan Sri Rais Yatim. Saya tengok bukan itu saja, akhir-akhir ini berlambak-lambak pula warga daripada Nigeria membanjiri kawasan tertentu seperti Selayang, Nilai dan Ampang, Pak Hitam. Saya pelik dan saya rasa berdebar. Suatu hari itu saya lalu ke Chow Kit Road, Pak Hitam ini dikelilingi oleh anak dara cantik-cantik, tiga empat orang, eh saya pun cemburu. [*Ketawa*] Kenapa budak Melayu kah, Thailand kah, kalau Thailand tidak marah. Eh, budak Myanmar kah, ini kenapa? Macam-macam dia buat habuan kepada anak dara kita.

Kita minta tindakan yang tegas diambil kepada orang ini, menyamar, banyak sangat, macam-macam perkara selain dari Myanmar, Bangladesh. Jadi, baru-baru ini ada orang tanya saya, "Datuk macam mana *you* hendak tahu orang Bangladesh, orang Melayu, orang India semua ini? Aah, senang saya kata, mari sini, panggil empat lima orang Bangladesh, seorang orang Cina, Melayu dan India mari sini.

■1230

Panggil seorang ibu tunggal lalu sini. Tidak perlu yang hidung mancung, lesung pipit, tidak perlu. Ibu tunggal. Kalau orang Melayu pandang, tidak. Kalau macam India, tidak pandang. Akan tetapi kalau Bangladesh ini dia pandang lima kali atau empat kali, bawah, kiri, kanan, dari atas sampai punggung habis pandang. Itu bezanya. Bangladesh. Jangan beri dia datang potong rumput rumah kita, jangan beri. [*Ketawa*] Hah! Fahamlah.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: [*Bangun*]

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Itu jagalah. Ini...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Sila, sila.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertariklah bila Yang Berhormat Senator sebut hendak kita membezakan macam mana hendak tahu sama ada dia pendatang atau tidak. Walaupun pelbagai penguatkuasaan kita buat, walaupun pelbagai tindakan yang dilaksanakan tetapi dalam masa kita bercakap sekarang ini pun, lambakan mereka ini berleluasa. Pertamanya, adakah Yang Berhormat Datuk percaya ini kerana sebab kita gagal menangani masalah ini? Ataupun yang keduanya sebab kemewahan yang ada dalam negara ini? Kenapa mereka tidak pergi ke negara lain, contohnya? Kenapa semua hendak datang ke Malaysia?

Walaupun ramai orang kata, khususnya pembangkang kata negara ini ditadbir cara salahlah, macam-macam andaian, persepsi buruk dilontarkan oleh pembangkang khususnya kepada negara Malaysia ini tetapi mereka ini datang. Apakah pandangan Yang Berhormat Senator dalam soal ini? Kenapa perkara ini berlaku, masih lagi terus berlaku? Saya yakin akan berlaku sampai bila-bila. Jadi mohon pandangan Yang Berhormat Senator.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Megat. Orang tuanya kawan baik saya. Tadi saya hendak mengatakan ini yang Tuan Yang di-Pertua, sebab tarikan kekayaan negara kita inilah yang mereka datang berlumba-lumba. Tengok tidak lama lagi, PM kita apa- akan dari Bangladesh atau mana, dari Yang Berhormat masuk. Tadi pun kita dengar bahawa Menteri kata ada yang sampai ke ladang dia buat, sampai ke laut dalam pun dia pergi. Apakah tindakan kita? Ini kita- laut dalam. *[Ketawa]* Apa dia buat? Ini mungkin jadi satu kekayaan kita, mungkin kelemahan kita sedikit, kelembutan kita tadi ambil tindakan, itu dia. Mesti sebab jika kita lembut. Jadi di sini, banyak sekarang ini di IPTS, institut pengajian tinggi, ramai dia.

Jadi kita minta tadi supaya kerisauan itu tidak berlubang, tidak berterusan. Kita ingat bahawa, kita minta pihak kerajaan supaya ambil tindakan yang paling tegas sekali sebab kedatangan mereka ini bawa macam-macam gejala yang tidak sihat. Dengar sahajalah. Ada kes bunuhlah, ada anak luar nikahnya, macam-macam lagi yang tidak sedap didengari. Jadi saya minta supaya perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, kita timbulkan kepada pihak Menteri kita. Saya juga...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tentang tindakan yang tegas mesti diambil. Jangan lupa yang tindakan tegas itu mesti diambil oleh penguat kuasa. Kalau penguatkuasaan sekarang dikira sangat lemah, jadi macam kita boleh jalankan tindakan yang tegas? Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya rasa tadi kerjasama daripada kita ini yang katakan pemimpin atas dan bawah tadi, yang kecil dan besar mesti diberikan. Kita juga desak supaya kerajaan itu bertindak tegas. Saya pernah beritahu Yang

Berhormat Senator tadi, kenapakah berlaku peristiwa yang teruk di Cameron Highlands ini. Ini dia, mana sebabnya, apa sebabnya. Mungkin pemimpin situ tadi buat endah tidak endah, sambil lewa sahaja. Sebab itulah, sebab kita tadi yang dikatakan pemimpin pun tidak memberi kerjasama yang kuat, beri terus. Ini yang penting. Kerjasama pihak pemimpin atas dan bawah, tengah dan tepi mestilah diberi sama dan kita akan desak, kita minta kerajaan tadi mengambil tindakan tegas juga. Itu yang mustahak sekali. Ini juga saya rasa sangat penting.

Jadi saya di sini, Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, supaya kes PATI ini terus diambil tindakan yang paling tegas dan kita sudah paling risau, maksimum. Inilah harapan kita di Dewan ini. Satu tadi saya dengar...

Dato' Dr. Johari bin Mat: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: ...Macam-macam berlaku...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tuan Yang di-Pertua, boleh hendak mencelah sedikit? Boleh Yang Berhormat Senator?

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua tadi saya hendak beritahu bahawasanya akhir-akhir ini tengah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun untuk...

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Tidak nampak, tidak nampak. Sila, sila. *[Ketawa]* Tidak perasan tadi.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Datuk Seri Halim berbincang tentang PATI ini dan saya rasa perkara ini telah dibincangkan panjang lebar di dalam Dewan ini juga di luar sana dan termasuk akhbar-akhbar. Salah satu yang terakhir ini saya tengok Menteri Dalam Negeri mencadangkan supaya pihak yang terlibat membawa PATI masuk itu diberi sebatan. Ini menunjukkan suatu keseriusan yang telah oleh pemimpin dan khasnya Menteri Dalam Negeri walaupun saya tengok ada juga yang memberi pandangan yang kontra kepada itu. Ini saya merasakan yang pastinya tindakan tegas. Jangan perlu ada lembut-lembut lagi sebab kita sudah sebagaimana yang diberi tadi 6.7 juta orang berada dalam negara kita dan saya bimbang akhirnya akan terjadi perkara yang lebih buruk lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat Senator? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Saya bersetuju sangat itu. Saya amat bersetuju. Itu tadi saya katakan bahawa kerjasama- tadi juga saya katakan bahawa saya berterima kasih Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi yang memberi jaminan akan mengambil tindakan. Itu saya senang hati. Minta dilaksanakan, doa dilaksanakan. Saya juga beritahu kepada dia bahawa saya rasa dia kata kita minta juga kerjasama diberi kepada- saya berpendapat akhir-akhir ini, orang kita ini, bahawa orang yang rakus itu, orang ini dia suka hidup atas pagar iaitu kanan kenyang, kiri tidak lapar, makan keliling. Orang ini yang ditangkap, pemimpin yang dikatakan pemimpin atas pagar ini. Kanan kenyang, kiri tidak lapar, makan keliling. Ini penting pada kita. Jangan main-main.

Saya juga beritahu kepada orang tertentu bahawa saya kata saya kena pergi *on the ground*. Hari ini kita bukan lagi bercakap macam hendak cakap macam hari tu tentang Cameron Highlands. Dari kita dengar daripada mimik muka dia tetapi *move fact now*. Sebab saya kata hari ini, anak-anak buah kita ini bukan lagi bodoh-bodoh. Mereka cerdik. Mereka bukan jadi pemimpin bak kata pantun orang Melayu Tuan Yang di-Pertua, '*Bangun Oh! Bangau, Mulut ternganga masuk langau*'. Tidak. Mereka hari ini menjadi pemimpin, '*Landak Oh! Landak, Otak berfikir bijak bertindak*'. Itu dia. [Tepuk] Jadi itu juga ini. Jadi itu juga pemimpin yang '*Landak Oh! Landak, Otak berfikir bijak bertindak*'. Ini dia. Jadi segala peristiwa ini saya dengar tadi juga seperti kata kawan-kawan kita, daripada—kawan ini cerita pasal perkauman, menyatukan bangsa dan itu, macam-macam. Bagaimana hendak merapatkan lagi, macam-macam akta kita buat.

Apa yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat. Kerapatan, muhibah ini berlaku kepada hormat-menghormati. Ini dia. Macam tadi saya dengar baru masuk "*Kring! Kring! Kring*". Eh, macam sekolah *bell* tetapi itu tanda hormat. Kita hormat Tuan Yang di-Pertua masuk, tunduk kita, hormat. Dia pun beritahu kita, dia hormat kita, dia beritahu kita dahulu, tanda hormat. Hormat itu iaitu hormat yang tua, kasih yang muda. Kenapa hari ini berlaku banyak ketirisan, banyak gejala dadah semua kenapa ini, sebab kita tidak hormat pada yang muda, tidak kasih pada yang muda. Cuba kasih kita tolong dia, kita pujuk dia, pimpin dia, hantar dia ke pusat serenti, kita tolong. Itu yang dikatakan hormati yang tua, kasih yang muda. Ada pantun orang Melayu Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya bacakan?

■1240

*Bunga melur, bunga melati,
Mari pakai di sudut hati,
Budaya orang kita yang tua dihormati,
Yang muda dikasihi.*

Kita amalkan, kita amalkan itu, hormati. Kita hormati kepada siapa? Adakah kita dengar orang itu berjaya sebab dia tak hormati bapa dia? Jarang, jarang. Kalau kamu derhaka ibu bapa, jangan kamu rasa syurga, kamu rasa nikmat hidup ini, jangan. Ha, itu, orang Islam, orang Melayu kita. Hormati yang tua, kasih yang muda. Ha, itu dia.

Ini kita tidak. Balik, kita cakap "*hangin*", bantai. Jauhkan kita, tak sampai kita. Akhir tak sampai, asyik itu sahaja. Rasa dendam, rasa marah. Macam mana itu? Cuba taburkan, wangikan dengan rasa kasih sayang. *Insyah-Allah*, kasih sayang, hormat-menghormati itu. Saya marah juga dengan CEO ini. "*Sack, sack*." Jangan begitu saya kata, kamu mesti cari pelengkapanya, *complimentary*, lengkap melengkapkan. Jangan cari salah. Itu cara kita buat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Baiklah, baiklah. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, selain tadi yang jangan lupa kepada hormati yang tua kasih kepada yang muda, jangan lupa pada

terima kasih. Orang berbudi kepada kita. Cuba kita tengok, oh, bagi kita duduk sini, bagi kita pakai *tie*, bersyukur kita. Siapa juga manusia yang tak tahu budi orang, apa jadi dia? Jadi kalau kita hormat orang itu, kita tahu baik buruknya, jantan betina, kita tahu ini lelaki, ini perempuan, kita tahu. Jadi jangan lupa budi, budi yang kerajaan bagi kepada kita. Ada pantun dia Tuan Yang di-Pertua. Pantun yang berbunyi...

*Di atas bukit tanamnya ubi,
Burung tempua buat sarang,
Bukan budi sebarang budi,
Budi baik dikenang orang.*

Ha, ini dia. Jadi kita jangan tak tahu budi orang ini, jadi kita buat tak endah, jangan. Inilah akibatnya kita jauh. Ini dia.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: *[Bangun]*

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya amat terkesima dengan apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Saya rasa tak sia-sialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik sebagai Senator yang terbaru.

Cuma saya nak tanya, tadi Yang Berhormat ada sebutkan dua kata kunci penting iaitu hormat dan juga syukur. Apakah gejala yang kita dapat lihat hari ini di kalangan anak muda, perkauman yang begitu meruncing berpunca daripada dua faktor ini? Kalau Yang Berhormat boleh ulas daripada dulu berbanding dengan sekarang. Ini proses peremajaan juga kita bercakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua tahu saya 40 tahun berjuang baru dapat kerusi ini. *[Ketawa]* Maaf, baru 40 tahun berjuang. Yang Berhormat Datuk Seri Nalla tahu juga ya. Jadi Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Timbalan Ketua, kerja dengan menteri-menteri 40 tahun, 30 tahun baru jadi Senator. Itu sebab saya bersyukur. Saya bersyukur, itu sebab waktu sesi, saya jarang keluar, duduk sini. Saya tak nak keluar. Kawan-kawan kita, saya tak nak keluar.

Jadi itu dia, tak hormat tadi. Saya tahu, ini satu perkara yang tidak menghormati orang- baru ini di negara mana ini Yang Berhormat Datuk Khairuddin, yang ada mandi bogel itu, di mana itu?... *[Disampuk]* Di Pulau Pinang, di Pulau Pinang ya. Macam-macam gejala, macam-macam. Ya Allah, malunya saya. Ha, itu tak hormat, tak hormat pada budaya orang. Jadi gitulah. Jadi pentingnya hormati yang tua, kasih yang muda, mengenang budi, balas budi.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, tolong gulung. Masa dah cukup.

Datuk Seri Haji Abd. Halim bin Abd. Samad: Baiklah. Jadi itulah perkara-perkara Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya sampaikan dan ini pun *my maiden speech*, jadi saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, yang saya baru kenal 40 tahun juga. Jadi saya rasa

terima kasih banyak dan dengan itu saya menyokong Bajet ini. Sekian, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Wa'alaikummussalam*. Begitulah bunyinya orang lama berucap dan mempunyai banyak hikmahnya untuk menjadi panduan kepada pihak yang muda.

Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Hamzah tadi yang kebetulan dia keluar buang air. Saya silakan sekarang.

Selepas ini saya nak bagi tahu ya, nama-nama ini saya harap elok berada kalau boleh kita bagi peluang kepada semua iaitu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Puan Hajah Zaitun, Yang Berhormat Datuk Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang Berhormat Datuk Khairuddin, Yang Berhormat Datuk Kazim Yahaya, Yang Berhormat Dato' Boon Som. Mereka ini nama-namanya ada di sini dan saya harap kalau tak sempat pada ini, belah petang nanti saya rasa ada giliran, kita cuba selesaikan untuk memberi peluang kepada semua yang ada di sini untuk berucap pada hari ini. Sekarang saya silakan Yang Berhormat.

12.45 tgh.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa] *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Seri Abd. Halim itu untuk bersyukur. Saya lafazkan di Dewan Negara yang mulia ini saya bersyukur ke hadrat Allah SWT yang mana pertamanya telah menganugerahkan seorang pemimpin yang benar-benar mampu untuk menentukan bahawa negara Malaysia ini terus maju, aman dan damai. [Tepuk]

Saya lafazkan juga berterima kasih kepada Allah SWT... [Berucap dalam bahasa Arab] Terima kasih ya Allah yang telah menurunkan ataupun memberikan amanah kepada hambanya yang bernama Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak berserta rakan-rakan sahabat kepimpinannya yang telah membolehkan kita pada hari ini dinyatakan ataupun dikeluarkan iaitu Penyata Anggaran Perbelanjaan Kertas Perintah 41 tahun 2014 bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2015 dan ianya telah pun menepati kehendak, keperluan rakyat jelata seluruh negara di semua peringkat. *Alhamdulillah*.

Perkara keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih atas usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional, saya sebut lagi satu kali iaitu usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah kenal erti jemu berusaha untuk mengangkat taraf hidup dan kesejahteraan rakyat Malaysia semenjak merdeka hinggalah ke hari ini. Kerajaan Barisan Nasional inilah yang telah berjaya mengangkat martabat bangsa dan negara daripada ditindas ke satu dimensi baru iaitu Malaysia yang aman makmur.

Juga, saya ingin nyatakan iaitu hanya dengan kepintaran kepimpinan Barisan Nasional sahajalah Malaysia kini disegani. Malahan, suara Kerajaan Malaysia sentiasa dihormati dan diberikan tempat yang sewajarnya di peringkat antarabangsa seperti salah satu daripadanya iaitu memenangi

kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan memperoleh 187 undi daripada jumlah kesemuanya 192 undi.

Bertepatan jugalah seperti mana yang saya sebutkan tadi, yang dianugerahkan oleh Allah kepimpinan ini, yang diletakkan tanggungjawab kepada tangan ini iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib yang selalu kita fahami beliau bahawa apa yang sentiasa berada di hatinya sendiri iaitu dia kata, yang berada membantu kepada yang kurang termasuk yang disebut tadi oleh Datuk Seri Haji Abd. Halim tadi, yang kaya membantu kepada yang miskin, yang sihat membantu kepada yang sakit, yang tua kasih kepada yang muda, juga yang muda menghormati kepada yang tua

■1250

Inilah amalan, budaya yang sering terisi di dalam hati kepimpinan yang ada sekarang. Jadinya terjemahan kepada itu, maka kita dapati bahawa anggaran ataupun bajet yang dikemukakan ini lengkap untuk memenuhi kehendak rakyat jelata Malaysia makmur dan aman damai ini. Cuma yang menjadi kekhuatiran ataupun kebimbangan saya pada masa ini adalah tahap keamanan kita begitu baik, tahap kesejahteraan rakyat begitu baik ini cuba dicabuli oleh segelintir rakyat Malaysia yang sudah lupa. Mungkin yang sudah langsung tidak ada di hatinya, apakah nikmat keamanan negara ini benar-benar diperlukan.

Jadinya kita lihat bahawa terlalu berleluasa amanah fitnah, menghasut rakyat melalui alam siber, media sosial. Sedangkan tadi pun saya menerima satu telegram Tuan Yang di-Pertua, iaitu dia tunjukkan gambar Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bercium dengan babi, maaf menyebut perkataan tersebut. Gambar Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak seorang Islam, seorang pemimpin negara yang kita hormati, diletakkan bercium dengan babi.

Jadinya perkara ini seharusnya tidak berlaku dan banyak lagi gambar-gambar lain yang dihantar. Sebagai contohnya gambar muka Datin Sri Rosmah Mansor berlanggar, pecah perut dan sebagainya. Perkara ini tidak harus berlaku. Mereka sudah tidak kenal lagi, tidak menginsafi lagi erti nikmat keamanan. Mungkin perkara ini sudah berlaku lama. Saya selalu sebut hendak bagi ingat Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abd. Halim, Tuan Yang di-Pertua, saya kata PBBJB, hendak bagi ingat. Ini kerana sudah tua ini kadang-kadang ingatan selalu terlupa Tuan Yang di-Pertua. Huruf 'P' itu kita maksudkan Portugis, kita dijajah Portugis, Belanda, British, Jepun, balik British, dijajah. Sekian lama dijajah, akhirnya kita merdeka. *Alhamdulillah* pada hari ini kita hidup aman sejahtera. Akan tetapi apakah nikmat ini kita hendak buang, hendak kita hapuskan. Itulah persoalan yang berlaku sekarang. Jadi sewajarnya media sosial ini menjadi satu manfaat kepada rakyat jelata, tetapi telah disalahgunakan untuk tujuan-tujuan yang boleh membawa maksud biadab dan memusnahkan kebahagiaan masyarakat.

Jadinya dalam soal ini, beberapa tindakan media sosial yang mencabul dan merosakkan keberkesanan sosiobudaya Malaysia yang meluas dan berat padahnya ini, Islam juga sering dipersendakan seperti yang saya sebutkan tadi. Raja-Raja kita dicemuh dan diejek bukan sekadar bangsa lain, yang sebangsa sendiri pun mengejek, sanggup memperlekehkan Raja kita. Para pemimpin

negara juga dibelasah dengan fitnah demi fitnah setiap hari, seolah-olah Malaysia ini sudah tidak punyai kuasa ataupun kedaulatan undang-undang untuk membanteras perkara ini. Soalnya, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap tuan-tuan punya media sosial supaya mereka akur kepada lunas undang-undang, menghormati hak bermasyarakat dan tuntutan kenegaraan.

Soal ini masih belum menemui jawapan yang mantap biarpun ada reaksi agar media sosial ini disekat dan dipantau secara jelas seperti yang pernah berlaku. Ingin saya kongsi bersama berkenaan dengan yang kita selalu dengar bahawa kesalahan ini sering dilakukan tetapi tidak mendapat tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang. Apa yang kita faham iaitu apabila berlaku kesalahan ataupun jenayah fitnah memfitnah ini, sering kali kita mengadu dan membuat laporan kepada pihak polis. Selepas itu tanggungjawab untuk menyasat adalah polis dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Mengikut kefahaman saya iaitu kuasa yang ada di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia adalah terhad adalah terhad, hanya boleh menyasat tetapi mesti menunggu arahan daripada Peguam Negara untuk bertindak dalam perkara ini. Manakala ada perkara yang sama juga iaitu adapun kekangan yang dihadapi oleh mahkamah ataupun di pihak Peguam Negara adalah untuk mensabitkan kesalahan yang dilakukan ini. So jadinya, sebagaimana yang kita faham bahawa media sosial ini didaftar di luar negara dan mahkamah memerlukan bukti-bukti asal untuk mensabitkan kesalahan kepada penjenayah. Ini menjadi satu kekangan. Dahulunya saya pun tidak faham Tuan Yang di-Pertua, kenapa kerajaan tidak bertindak, kenapa kerajaan begitu sampai maaf cakap, begitu cabul.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani: Minta laluan sedikit Yang Berhormat. Masa sudah tidak mengizinkan. Pertamanya, kita hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi kenyataan bahawa untuk kekalkan Akta Hasutan. Apa yang saya lihat di sini fitnah melalui siber ataupun talian ini cukup berleluasa. Ia sudah tentu menggoncang keamanan, keharmonian, kesejahteraan yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kita syorkan di sini bahawa dalam penambahbaikan akta tersebut, di samping kita mempertahankan akta itu, kita juga minta dikaji balik supaya ditambah baik fitnah melalui siber, fitnah melalui talian ini dimasukkan sekali supaya SKMM ataupun sesiapa yang bertanggungjawab boleh melaksanakan tanggungjawab dan boleh kita ambil tindakan kepada pemfitnah-pemfitnah yang cukup hebat hari ini. Terima kasih.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih kepada sahabat saya- batu, keras ini. Jadinya saya memang bersetuju apa yang disebutkan tadi iaitu supaya dipinda undang-undang yang kita tahu yang sekarang boleh diguna pakai melalui Akta Hasutan ini. Juga saya berterima kasih, terlupa hendak sebut tadi. Dari semalam ingat hendak berterima kasih di atas pengumuman mengekalkan Akta Hasutan.

Ini kerana dahulu saya pun sendiri merasa bimbang, ada juga kedengaran bahawa Akta Hasutan ini akan dimansuhkan. Akan tetapi apabila kita mendengar pandangan dari semua pihak, daripada kampung-kampung, daripada pekan-pekan, bandar dan semuanya dan juga berbilang bangsa, bukan sekadar orang Melayu sahaja, kaum-kaum lain juga menyebut. Maknanya untuk menahan manusia ini daripada melakukan kesilapan, mesti ada satu ikatan yang beliau takut. Kalau

kita mengikut dari segi kehidupan sebagai contoh, dari alam kanak-kanak, dewasa dan sebagainya sehingga ke alam yang sudah lama, bukan tua Tuan Yang di-Pertua, alam yang lama. Pada peringkat awal mengikut keyakinan kita sebagai seorang Islam, pada peringkat awalnya kanak-kanak ini diberikan nikmat dan rahmat yang begitu banyak sekali. Tidak ada kencing manis, tidak ada sakit darah tinggi. Kalau adapun demam-demam sebegitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekarang masa menunjukkan tepat jam satu. Kita tangguhkan perbahasan kita sehingga jam 2.30 petang nanti. Yang Berhormat ada 14 minit lagi untuk sambung dan juga kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, selepas jam 2.30 petang nanti *insya*-Allah. Sekarang kita tangguhkan sidang kita sehingga jalan 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]

2.32 ptg.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah sebelum saya menjemput Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, saya ada satu hendak sebutkan di sini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara telah menerima permohonan untuk mengedarkan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Pendatang Asing di Sabah dan juga Laporan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah 2013. Dengan ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sudah bersetuju supaya laporan-laporan tersebut diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini dan harap sekian maklum. Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim ada 14 minit lagi Yang Berhormat ya.

2.33 ptg.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu sebentar Yang Berhormat, selepas itu saya akan panggil Dr. Syed Husin Ali dan selepas itu juga Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam, minta bersedia.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Juga terima kasih kepada sahabat-sahabat Senator. Saya teruskan kepada hujah-hujah saya tadi iaitu ketika saya berhenti tadi mempersoalkan tahap nikmat yang berkurangan dari semasa ke semasa. So jadinya dalam kaedah kehidupan kita sendiri pun apabila sudah sampai ke tahap terlalu lama kita hidup maka sudah pasti ujian cabaran daripada yang menjadikan kita, daripada Allah SWT itu, tidak lain dan tidak bukan untuk menasihati kita ataupun Dia masih sayang kepada kita. So jadi akhirnya apabila diletakkan, diturunkan sakit-sakit yang serius seperti mana yang saya katakan kencing manis dan sebagainya, maka kita lebih serius untuk lebih taat kepada Dia dan mengingati yang menjadikan kita itu.

Perkara ini saya sebut adalah untuk mengingatkan kita semula bahawa tahap keamanan negara sudah lama kita nikmati. Sejak kemerdekaan, sudah berpuluh tahun kita nikmati maka ini

sampailah ujiannya, sampailah cabarannya, maka berlakulah perkara-perkara yang sedemikian rupa yang mencabul keamanan dan kesejahteraan negara yang kita fahami itu. So jadinya untuk memperbetulkan kepada perkara ini mestilah ada satu perkara yang boleh mengingatkan kita semula bahawa betapa pentingnya nikmat keamanan yang kita ada ini. Maka dengan itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Hasutan ini perlu dikaji semula dengan teliti supaya kuasa yang secukupnya kepada kerajaan iaitu kepada polis, Kementerian Dalam Negeri juga kepada SKMM juga kepada mahkamah, untuk memampukan, mensabitkan kesalahan kepada penjenayah-penjenayah ini dengan lebih efektif.

So, jadinya seperti mana yang saya sebutkan tadi, sekiranya mahkamah memerlukan bukti asal untuk mensabitkan pesalah atau penjenayah ini sukar diperoleh melalui media massa untuk diperoleh daripada luar negara, maka wujudkan satu kaedah, bagaimana kaedah ini boleh dimasukkan ke dalam rang undang-undang supaya kita boleh mensabitkan kesalahan tersebut dan kita menghukum penjenayah-penjenayah ini dengan setimpalnya. Ini kerana kalau dalam keyakinan kita sebagai orang Islam iaitu fitnah ini menyamai kesalahan membunuh. Sudah kita sebut di situ bahawa orang-orang Islam faham bahawa memfitnah ini merupakan satu kesalahan yang boleh disamai dengan membunuh.

Jadi dalam negara ini sekiranya melakukan kesalahan membunuh maka hukumannya adalah digantung sampai mati ataupun dihukum penjara yang seberat-beratnya, hukum penjara seumur hidup. Jadi itulah harapan saya supaya hukumannya juga mestilah setimpal. Kita tidak mahu hukumannya hanya sekadar untuk diberi hukuman, dikenakan RM1,000 ataupun RM100.

So jadi rakyat sudah tidak takut, rakyat sudah merasai bahawa perkara ini mudah sahaja melakukan mohon maaf, mohon maaf secara terbuka. Saya minta maaf atas kesalahan saya pada hari tersebut atau sebagainya ataupun membayar RM1,000 maka perkara ini berleluasa. So saya harapkan perkara ini dapat dibuat, dikaji selidik dengan berat, dikaji benar-benar secara teliti dan dimasukkan dalam undang-undang ini dalam Akta Hasutan negara.

Seperkara lagi yang ingin saya sebutkan adalah apabila kita melihat bahawa juga sebagaimana yang telah disebut oleh ramai di antara kita iaitu tahap perpaduan kita telah pun agak membimbangkan. Tadi pun disebut ada menyentuh perasaan kaum India, itulah tadi ada sebut kelinglah sebagainya. Begitu juga tahap tadi ada yang sebelum ini menyebut bahasa dan sebagainya. Dalam kefahaman saya iaitu untuk kita hidup bersama dengan perasaan kasih sayang mesti adalah satu-satu perkara yang boleh mensabitkan kepada perkara tersebut. Kebiasaannya adalah, iaitu ada titik-titik persamaan dan kesukaan bersama. Izinkan saya untuk- tetapi saya tidak berapa pandai Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap, cakap Cina ya ataupun bercakap dalam bahasa Tamil, tetapi pagi tadi saya belajar sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Baguslah itu Yang Berhormat.

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Sedikit sahaja saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Cakap baik-baik ya jangan sampai salah makna nanti susah.

[Ketawa]

Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim: Kalau salah makna saya mohon maaf sekiranya begitu, ya. Maksudnya apabila satu-satu majlis kita pergi ataupun kita berjumpa dengan ramai kaum yang bangsa Cina. Maka kalau sekiranya saya sebut '*ta chia how*'. Saya sebut sebegitu. [Tepuk]

■1440

"*Taa chia how.*" Betul kah sebutan saya begitu Yang Berhormat? Jadi dia pun cakap, "*How.*" Jadi perasaan yang tersentuh awal itu mula terbit, ia akan timbul, sudah pasti terbit. Ataupun dalam Islam apabila berjumpa dengan sesama kita Islam, kita kata, '*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*' Maka akan timbul perasaan kasih sayang itu seperti mana mengikut kata Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Perasaan itu terbit dengan secara automatik.

Begitu juga dengan kaum India. Kalau India katakan *vanakam*. Tadi dan tanya juga di luar, adakah perkataan yang lebih baik daripada itu? Ada yang sebut kata *ana warakem, wanekem*, itu lebih halus katanya. Akan tetapi yang biasa kita sebut *vanakam*. Makna terus kita terikat bahawa ini kita ada persamaan yang sama, ada hormat-menghormati, menghayati dan sebagainya.

So jadi inilah perkaranya apabila saya lihat iaitu dalam sudut keperluan perpaduan ini. Perkaranya adalah untuk mencari negara untuk meneruskan dan menikmati dengan keamanan negara serta kesejahteraan rakyat. So jadinya bab ini dalam sudut kefahaman saya untuk mencari perpaduan ini mesti ada ilmu. Lagi satu amal dan juga kejayaan. Ilmu perpaduan adalah seperti mana yang saya sebutkan tadi mesti ada titik-titik persefahaman dan keperluan bersama.

Jadi yang hendak kita amalkan bagaimana pula caranya? Saya teringat dan tersentuh dengan kata-kata Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah yang mengatakan bahawa apabila untuk mendidik seseorang manusia ini mestilah dari awalnya lagi, dari umur bawahnya lagi. Umpamanya daripada Darjah 1 hingga Darjah 6. Pada masa itu tahap pembelajarannya menerima.

Jadi, itu yang menyentuh dalam perkara ini saya melihat bahawa sekolah satu bumbung tadi yang disebut menyediakan sekolah satu bumbung supaya semua bangsa dalam negara ini bersama. Maka di situlah titik-titik pertemuan, titik-titik persamaan akan dirasai.

Akhirnya saya begitu yakin sekali bahawa tahap perpaduan ini dapat kita kekalkan sehingga ke akhir zaman di Malaysia ini. So inilah keadaannya di mana saya merasakan bahawa saya agak kerugian mengikut pengalaman saya kerana pada ketika saya bersekolah dahulu, saya tidak dapat untuk mempelajari bahasa yang lain seperti bahasa Cina, bahasa India dan sebagainya. Sekarang sudah tumpul sedikit bak kata Tuan Yang di-Pertua, kepala dan akal sudah tidak berapa ini, sudah tua.

Jadi mungkin kebarangkaliannya apa yang kita laksanakan yang sudah-sudah mungkin ada kesilapan. Jadi atas kesedaran bahawa keamanan negara ini merupakan satu perkara yang amat penting di dalam kita mengecap kesejahteraan kehidupan di samping yang lain-lain. Maka apalah salahnya kita berkompromi.

Saya ingin mencadangkan supaya kita mengadakan sekolah satu aliran tanpa mengetepikan bahasa-bahasa yang lain supaya kita boleh duduk satu bumbung, bercakap yang sama kerana bahasa Malaysia merupakan bahasa Persekutuan, maka itu wajib. Bahasa yang lain tidak salah, tidak

mengetepikan bahasa-bahasa lain dan diwajibkan supaya bahasa Mandarin dan juga bahasa Tamil dilaksanakan di sekolah-sekolah yang kita sebutkan sekolah aliran ini.

Itulah harapan saya supaya *insya-Allah* tahap keselamatan negara akan dapat dipertahankan dan tahap kesejahteraan rakyat dapat dipertahankan dan *insya-Allah* juga semoga Allah terus memberikan nikmat dan rahmat-Nya kepada rakyat Malaysia keseluruhannya. Dengan itu saya menyokong kepada pembentangan Anggaran Perbelanjaan Kertas Perintah 41, Tahun 2014, bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Bagi Tahun 2015. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

2.45 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana membenarkan saya untuk berbahas bersama hari ini. Kita mengetahui bahawa Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri adalah bajet yang terbesar perbelanjaan dari segi pembangunan dan juga operasi dan ini perkara yang memang dijangkakan.

Akan tetapi walaupun kita mengalu-alukan tentang banyaknya perbelanjaan, ada dua masalah besar yang menyentuh hati saya. Pertama ialah soal yang selalu disebutkan iaitu soal defisit kerana defisit ini sudah 16 tahun berlaku dan tidak pernah ada surplus. Kali ini ada percubaan untuk mengurangkannya kepada 3% defisit.

Sebenarnya saya tidak yakin bahawa boleh dicapai defisit 3% ini. Pertamanya ialah kerana nanti akan sepanjang tahun 2015 akan berlaku akan dibenarkan perbelanjaan tambahan, perbekalan tambahan dan in iakan menambahkan defisit.

Keduanya lebih serius ialah kejatuhan harga minyak dan kelapa sawit yang dijangka lebih teruk pada tahun hadapan. Kejatuhan ini akan mengakibatkan pendapatan berkurangan dan lebih besarlah akan berlakunya jurang antara perbelanjaan dengan hasil.

Ketiganya ialah kerana sekarang ini wang Malaysia, wang ringgit semakin merudum turun dibandingkan dengan Singapura, dibandingkan dengan Amerika Syarikat. Akibat daripada ini ialah apabila nilai wang kita semakin teruk dan katanya akan lebih teruk daripada tahun 1997 dahulu, bererti ialah barang yang kita eksport akan murah harganya, menguntungkan para import di luar negara dan barang yang kita import akan bertambah mahal. Apabila berlaku demikian, bukan sahaja ekonomi terjejas, bukan sahaja hidup rakyat akan terjejas bahkan defisit daripada belanjawan ini akan juga terjejas.

Jadi oleh sebab demikian, saya kira adalah perlu mungkin pada tahun hadapan digubal semula perbelanjaan dan pendapatan bagi belanjawan. Perkara yang kedua ialah mengenai dengan keseimbangan di antara belanja mengurus dengan belanja pembangunan. Ini menyentuh soal pola perbelanjaan. Pada tahun 2010 dahulu, jumlah dan peratus perbelanjaan adalah sebanyak RM151.6

bilion ataupun 74%. Itu perbelanjaan bagi mengurus dan pada tahun 2014 ini jumlahnya ialah RM221 bilion ataupun 84%.

Jadi kita lihat penurunan berlaku daripada jumlah dan juga peratus peruntukan bagi pembangunan. Ada sekarang ini percubaan hendak dinaikkan sedikit lagi daripada segi peratusnya tetapi masih belum mencukupi kerana hanya naik sampai barangkali kira-kira 17% atau 18% sahaja.

■1450

Seperti yang pernah disebutkan lebih awal, kita memerlukan lebih banyak lagi, lebih tinggi lagi *percent* nya bagi pembangunan. Walaupun pada umumnya peruntukan bagi pembangunan cuma kira-kira kurang daripada 20% iaitu kira-kira 12% hingga 14%. Kita dapati pula di Jabatan Perdana Menteri pola sebaliknya berlaku. Di Jabatan Perdana Menteri lebih tinggi peruntukan bagi pembangunan daripada pengurusan. Bagi Perdana Menteri sahaja misalnya, kita dapati bahawa peruntukan bagi pembangunan ialah RM13 bilion yakni P.6 dan bagi pengurusan hanya RM6 bilion iaitu B.6.

Jadi kalau misalannya kita lihat angka ini bukan sahaja keseluruhan untuk Perdana Menteri itu peruntukan pembangunannya adalah sepertiga daripada seluruh pembangunan dalam bajet tetapi juga kita dapati bahawa peruntukan RM13 bilion bagi pembangunan itu adalah dua kali ganda daripada peruntukan bagi pengurusan. Bererti di sini bahawa Perdana Menteri mempunyai peruntukan yang begitu besar bagi pembangunan yang boleh digunakan bila-bila waktu yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak benda yang boleh dilakukan tentang soal mengurangkan defisit dan juga memperbaiki keseimbangan tadi. Mengurangkan defisit misalannya, kita boleh pastikan supaya penstrukturan semula subsidi ditimbang semula. Sekarang ini penstrukturannya lebih berat kepada golongan bawahan daripada atasan. Ambil sahaja misalannya soal minyak tadi. Subsidi bagi RON95 dihapuskan dan harganya sudah naik 40 sen sejak pilihan raya dulu. Kalau betul-betul kita hendakkan penstrukturan semula subsidi, kita harus fikirkan bagaimana dengan subsidi-subsidi yang banyak diberikan kepada syarikat-syarikat besar, kepada korporat-korporat besar. Untuk IPP misalnya, diberi sampai RM20 bilion peruntukan dan saya kira harus ditimbang semula soal ini. Mengapa kita berani untuk menghapuskan subsidi bagi golongan miskin...

Dato' Lim Nget Yoon: Minta laluan.

Dr. Syed Husin Ali: Saya punya ucapan ini agak panjang, jadi kalau laluan ini melainkan Tuan Yang di-Pertua benarkan sedikit tambahan masa.

Dato' Lim Nget Yoon: Sedikit sahaja.

Dr. Syed Husin Ali: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, bukannya hapuskan subsidi petroleum ini ialah satu cara yang paling baik supaya memang tidak ada *corruption*, tidak ada penyeludupan dan sebagainya. Wang diijamatkan memanglah mesti digunakan balik kepada rakyat, itulah yang mesti kita janjikan. Selain daripada itu, tidakkah ini satu cara yang paling tepat dan tepat pada masa sekarang sebab harga minyak dah turun. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Telah saya sebutkan tadi bahawa soalnya kalau kita hendak menghapuskan subsidi, mengapa hapuskan hanya untuk masyarakat yang berpendapatan rendah? Mengapa tidak dihapuskan bagi yang dapat RM20 bilion misalnya daripada IPP, YTL atau sebagainya. Jadi itu yang menjadi soal saya. Kalau hendak dihapuskan semua, itu soal lain. Satu lagi ialah kalau benar kita hendak mengurangkan defisit tadi, maka harus diperuntukkan lebih banyak lagi perkembangan industri. Perkembangan industri di Korea, di Taiwan misalnya dan di Singapura adalah jauh lebih besar, lebih tinggi dan lebih ke depan daripada kita. Saya percaya kalau industri dapat diperkembangkan maka kita boleh mengurangkan defisit tadi.

Soal yang berkaitan, yang berikutnya Tuan Yang di-Pertua ialah tentang kesenjangan ataupun *gap* di antara kaya miskin dalam sosioekonomi. Ada tiga aspek daripada kesenjangan, pertama ialah berkaitan dengan kawasan. Ada kawasan negeri yang kurang pendapatannya, ada kawasan negeri yang tinggi pendapatannya. Desa misalnya kurang, bandar misalnya bukan sahaja pendapatan per kapita tinggi tetapi pelbagai kemudahan ada di bandar dibandingkan dengan desa.

Dari segi kaum, kita dapati misalnya pendapatan pukul rata seperti mana yang diberi oleh angka-angka rasmi, kita dapati pendapatan secara keseluruhan orang Melayu jauh lebih rendah daripada orang Cina. Orang Cina RM6,366 orang Melayu RM4,457 tetapi ini pukul rata. Keadaannya adalah lebih buruk kalau kita ambil misalnya yang maha kaya dan yang maha miskin. Yang maha kaya misalnya yang dapatan lebih daripada, yang menjadi *billionaire* kebanyakannya daripada seratus misalnya yang terkaya dalam Malaysia ini majoritinya ialah orang bukan Melayu. Walaupun kita sudah lama hendak menaikkan tarafnya kononnya orang Melayu tetapi masih ketinggalan dan kalau adapun mereka yang boleh di bilang dengan jari dan dekat misalnya dengan kuasa kepimpinan ataupun yang dikatakan kroni.

Dari segi kelas tadi, inilah dia menunjukkan bahawa jurang begitu besar di antara yang kaya dan yang miskin tadi, yang terkaya dan termiskin. Oleh kerana itu perlulah ada sesuatu yang harus dilakukan kerana kesenjangan yang besar, yang semakin membesar ini mempunyai akibat yang sangat buruk. Sultan Perak misalnya telah menyatakan bahawa masalah kesenjangan ini mengakibatkan korupsi. Bahkan bukan korupsi sahaja, bagi saya ia boleh mengakibatkan berbagai-bagai masalah sosial seperti kemiskinan, pengangguran, jenayah, konflik kaum, keburukan kesihatan dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita harus lakukan sesuatu bukan sahaja untuk menaikkan taraf yang di bawah tetapi kalau boleh untuk memberikan siling bagi golongan yang di atas. Akan tetapi sekarang ini mekanisme seperti itu tidak dapat dilakukan oleh kerana sistem ekonomi kita membenarkan pengumpulan harta yang tidak terbatas. Kita tahu pengumpulan harta yang tidak terbatas tadi bukan sahaja buruk akibatnya tetapi kalau kita lihat misalnya pengajaran Islam, al-Quran sendiri menyatakan dalam Surah *Al-Hashr* ayat ketujuh, umpamanya yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Antara maksudnya, ketetapan yang demikian supaya harta itu tidak beredar di antara orang-orang kaya di kalangan kaum, biar pergi misalnya pada golongan yang miskin. Salah satu daripada langkah kerajaan untuk membantu golongan miskin ialah dengan memberikan BR1M. BR1M RM900 diberikan...

■1500

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencelah sedikit, satu minit, sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu sahaja tentang- saya bersetuju sangat dengan pandangan Tuan Syed tentang kewujudan kesenjangan di negeri kita ini yang Tuan Syed bahagikan kepada tiga dimensi. Kawasan bandar dan luar bandar, kaum dan kelas. Yang saya hendak tahu, ada tidak dalam mana-mana kajian Tuan Syed, satu model yang boleh kita tiru atau tidak, kita jadikan panduan untuk mengatasi pelbagai kesenjangan itu. Kalau tidak ketiga-tiganya, salah satu daripada kesenjangan itu, model yang boleh kita gunakan untuk mengatasi tiga dimensi kesenjangan yang Tuan Syed sebutkan tadi. *Assalamualaikum*, terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Perkara ini sebenarnya akan saya sentuh. Ini tentang BR1M. Kita tahu bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir, menganggap BR1M ini sebagai korupsi, sebagai membeli undi. Itu pandangan beliau dan kebetulan saya setuju pula dengan pandangan itu. Akan tetapi yang saya kurang senang ialah bahawa BR1M ini sebagaimana yang pernah disebutkan, kadang-kadang pergi kepada golongan yang tidak sewajarnya mendapat BR1M itu. Umpamanya, *limit* atau batasan bagi mendapat BR1M adalah RM4,000.

Kalau misalnya empat orang berpendapatan RM4,000 tetapi ada tiga anak, saya rasa kurangnya dia punya peluang patut diberikan berbanding dengan orang yang berpendapatan RM2,000 ke bawah. Jadi, saya menganggapkan bahawa harus bukan sahaja difikirkan tentang per kapita tentang pemberian BR1M itu tetapi lebih banyak diberikan kepada golongan bawahan yang memerlukan.

Satu lagi ialah bahawa kita misalnya dalam soal BR1M ini. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan untuk BR1M pada tahun 2014 adalah sebanyak RM4.6 bilion, berbanding dengan RM1 bilion pada dua tahun yang lalu. Ini jumlah yang besar, RM4.6 bilion. Saya menganggap BR1M itu memberikan penyelesaian *short term*, jangka pendek. Habis dapat duit BR1M, habis hangus, hilang kisah, dia masih tetap dalam keadaan yang demikian. Jadi, yang sepatutnya dilakukan ialah sebagaimana yang pernah saya sebutkan berkali-kali di sini, kita perlu menambahkan lagi peruntukan yang boleh disasarkan kepada golongan susah dan golongan miskin.

Di sini saya bersetuju, misalnya dengan Yang Berhormat saudara Adam, yang telah memfokuskan tentang golongan miskin dan golongan desa. Memang perlu lebih banyak lagi diperuntukkan bagi golongan tersebut. Sekarang ini kita lihat bahawa untuk pertanian hanya kira-kira RM3.17 bilion sahaja diperuntukkan. Saya percaya patutnya sepuluh kali ganda daripada itu kerana ini kalau hendak samakan dengan belanja buat jalan kereta api yang baru di sini yang RM20 bilion, ertinya dia tujuh tahun belanja pada pertanian, boleh buat satu jalan kereta api.

Jadi, menjawab soal yang disebutkan tadi, ada beberapa langkah yang boleh dibuat untuk menyelesaikan soal sasaran kepada golongan miskin dan petani ini seperti berikut:

- (i) memberi bantuan kewangan atau bahan makanan secara tetap kepada isi rumah miskin, miskin tegar. Kita mesti tumpu kepada miskin tegar;

- (ii) memberikan kepada petani-petani peruntukan yang lebih bagi penggunaan teknologi dan cara-cara yang lebih baik untuk pengeluaran;
- (iii) memberikan subsidi kepada petani, terutama sekali apabila harga pasaran hasil keluaran mereka merudum. Ini dilakukan walaupun di Amerika. Mereka ada misalnya kawasan-kawasan pertanian besar, bila keadaan harga jatuh bagi petani, dia bagi bantuan. Di sini patutnya, bila harga petani merudum jauh, turun jauh, patutnya mesti ada peruntukan;
- (iv) memberi subsidi kepada golongan miskin untuk membeli rumah murah. Jadi, ada yang teruk sangat hidupnya, terutama sekali dalam miskin tegar tadi;
- (v) memperkenalkan cukai progresif dan bukannya cukai agresif.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita harus mengumpulkan wang BR1M dengan peruntukan lain bagi mengadakan langkah-langkah tersebut supaya banyak dapat diperuntukkan kepada golongan miskin tetapi kita mesti kawal juga. Di sini saya rasa walaupun ada percubaan tetapi masih belum lagi kawalan yang memuaskan bagi mengawal harga barang-barang. Saya tidak hendak panjangkan hal ini, cuma hendak mengatakan secara perbandingan, contohnya diri saya sahaja. Masa saya mula-mula menjadi pensyarah pada tahun 1967, gaji permulaan saya RM1,200. Rumah yang boleh saya beli harganya cuma RM54,000. Ikan kembung waktu itu RM2. Baju yang saya pakai RM10.

Akan tetapi sekarang walaupun *double*, dua kali ganda pendapatan, RM3,000 misalnya pensyarah yang baru tetapi harga rumah sekarang susah hendak dapat, rumah cara yang saya dapat RM54,000 tadi, susah hendak dapat. RM600,000 sekarang, ikan kembung bukan lagi RM2 tetapi sudah RM12 sampai RM15. Baju yang RM10 sudah naik pada RM50. Jadi, apa yang nyata sekarang ialah bahawa kenaikan pendapatan adalah lebih perlahan daripada kenaikan harga barang-barang. Ini trend yang biasa dan ini berlaku juga kepada kita, kenaikan bagi Ahli Parlimen, elaun mereka adalah kurang daripada kadarnya daripada kenaikan-kenaikan harga barang-barang.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya pindah kepada soal GST dan SST. GST dianggap sebagai salah satu cara juga untuk menaikkan pendapatan supaya boleh mengurangkan defisit. Betul itu boleh berlaku. Ada orang mengatakan GST mungkin menyebabkan harga barang naik, ada orang mengatakan akan turun. Saya pun percaya ada yang naik dan ada yang turun dan kita tunggulah masanya untuk melihat mana yang lebih banyak, harga naik atau yang harga turun. Tidak payahlah kita berhujah tentang hal ini.

Akan tetapi yang hendak saya sebutkan di sini ialah bahawa GST ini sebenarnya, akibatnya adalah terutama sekali kepada golongan termiskin lebih daripada golongan yang kaya. Ini ialah kerana semua *across the board* 6% dikenakan- 6% bagi yang miskin, 6% bagi yang kaya. Saya anggap bahawa ada cara untuk mengatasi ini. Caranya ialah dengan mengadakan SGT iaitu *Sale Gains Tax*, Cukai Keuntungan Jualan. Cukai Keuntungan Jualan ini ia dikenakan terutama sekali kepada golongan yang mendapat untung daripada perniagaan yang besar-besar. Tidak misalnya dikenakan kepada golongan bawahan.

Satu lagi ialah *Inheritance Tax*. Banyak orang mengumpul harta yang banyak dan sepatutnya boleh di cukai yang agak tinggi ke atas mereka. Supaya pengumpulan harta yang dibuatnya tidak sampai juga kepada anak dan cucu berkumpul besar-besar. Di sinilah saya mengharapkan bahawa *Inheritance Tax* dan *Sale Gains Tax* itu akan digunakan dengan lebih efektif lagi bagi mencukai golongan yang kaya dan jangan memberatkan golongan yang miskin.

Sekarang ini yang kaya kadang-kadang dikurangkan cukainya. Cukai pendapatan kurang daripada 26% kepada 24%. Cukai syarikat kurang daripada 25% kepada 24%. Jadi, yang tinggi kurang, yang bawah macam-macam bebanan, subsidi pun dibuangkan. Dalam bahagian ini ada misalnya, banyak cadangan tentang macam mana hendak naikkan yang di bawah, hendak turunkan yang di atas. Ini sebenarnya menjawab apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus tadi. Sebuah badan yang NGO bernama *Blind Spot* telah mengeluarkan sebuah artikel yang agak pendek tetapi berkesan.

■1510

Artikelnnya ialah *Malaysia's Vicious Inequality and Proposed Actions to Remedy It*. Mereka ada kemukakan berbagai-bagai-bagai cadangan termasuk yang dilakukan oleh, yang dilaksanakan oleh negara-negara lain dan saya simpulkan di sini, rumuskan di sini tidak kurang daripada 15 cadangan. Saya tidak hendak membaca semuanya 15 dan takut tidak cukup masa nanti tapi saya harap siapa ada masa, silalah baca artikel *Blind Spot* itu mengenai cara-cara untuk mengurangkan kesenjangan sosioekonomi tadi.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya berpindah kepada soal pendidikan. Dalam soal pendidikan ini ada tiga perkara yang hendak saya sebutkan. Satu ialah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada empat minit lagi Yang Berhormat ya.

Dr. Syed Husin Ali: Tidak boleh dapat lebih sikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Empat minit had dia.

Dr. Syed Husin Ali: Satu, nilai bahasa. Nilai bahasa sekarang ini Bahasa Kebangsaan semakin turun nilainya dan kita dapati bahawa sekarang ini kedudukan bahasa Inggeris lebih dipentingkan. Bahkan di Kuala Lumpur sekarang ini ada sekolah-sekolah yang masih menggunakan bahasa Inggeris untuk belajar sains dan matematik dan *textbook* dan buku-buku teksnya semua dalam bahasa Inggeris di Kuala Lumpur. Ada sikap memandang tinggi dengan bahasa Inggeris.

Semalam telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Adam bin Abdul Hamid dan saya setuju iaitu tentang bukan saja penggunaan bahasa Inggeris bahkan akronim-akronim pun menggunakan bahasa Inggeris, GST dan sebagainya. Kita tidak hendak menggunakan yang bahasa Melayu dan saudara Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah telah menyatakan patut kita adakan satu akta. Satu akta ini susah hendak dijalankan. Sebab apa? Paling susah nanti ialah mengubah akronim seperti UMNO, MIC dan MCA. Kalau kita boleh ubah itu, berani ubah itu, boleh ubah akronim yang lain dan bahasa yang lain.

Perkara yang kedua dari segi pendidikan ini ialah tentang kemerosotan mutu pelajaran di sekolah-sekolah. Ini tidak payah saya bincangkan panjang, cuma saya hendak menarik perhatian di sini

bahawa kalau kita hendak naikkan tahap sekolah lebih baik, pelajaran Bahasa Melayu yang lebih pesat, maka kita memerlukan peruntukan yang besar bagi pendidikan. Sekarang ini peruntukan pendidikan paling tinggi iaitu sebanyak RM56 bilion. Cuma pada pelajaran, di bawah daripada pendidikan tinggi, pendidikan universiti, peruntukan mengurus ialah RM39 bilion. Akan tetapi peruntukan bagi pembangunan hanya RM1.6 bilion. Kurang daripada 5% peruntukan pembangunan untuk pendidikan, kurang 5%.

Bukan itu saja, sekarang ini RM1.6 bilion tapi sebelum daripadanya, pada 2010 dan 2011 peruntukan bagi pendidikan untuk pembangunan adalah sebanyak RM3.5 bilion dan RM3.9 bilion. Bererti bukan saja peruntukan pembangunan kurang daripada 5% tetapi peruntukan sekarang ini kurang daripada 2, 3, 4 tahun dahulu, separuh daripada itu kita dapat tahu. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan saya 4 hingga 5 minit Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua minit lagi Yang Berhormat. Gulung ya, gulung.

Dr. Syed Husin Ali: Alam sekitar sebab ini, topik yang lain...

Timbalan Yang di-Pertua: Buat secara ringkas.

Dr. Syed Husin Ali: Ya. Alam sekitar ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan satu isu yang sangat penting sekarang ini dan kita dapati walaupun ada kementerian ada kita dapati juga bahawa peruntukan bagi alam sekitar, penjagaan alam sekitar hanya RM2.7 bilion. Di sini juga saya percaya oleh kerana masalah alam sekitar ini sangat besar, perlu dinaikkan lagi. Soal alam sekitar ini bukan saja di situ disebutkan, bahawa dalam Al-Quran pun perkara ini dipandang penting soal alam sekitar ini. Allah SWT berfirman, menurunkan Surah Al-A'raf, ayat 74 berfirman... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ertinya, "*Maka kenangkan lah nikmat-nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di atas bumi ini*". Jadi bukan sekarang saja masalah ini penting, bahkan dalam agama pun diajar supaya kita mementingkan soal ini.

Salah satu daripada keadaan alam sekitar yang makin teruk sekarang ini adalah apa yang dikatakan sebagai *global warming* ataupun *climate change*. *Global warming* antara sebab yang serius adalah kerana adanya pembakaran fosil dan juga misalnya pengeluaran simen dan sebagainya. Selain daripada kereta, atau rokok yang dihisap dan sebagainya. Kita dapati bahawa kerajaan telah menjanjikan akan menurunkan pada 40% masalah alam sekitar ini. Akan tetapi nampaknya mungkin tidak boleh dicapai kerana salah satu punca ataupun *carbon dioxide* yang keluar, yang mengancam alam sekitar ialah tenaga elektrik.

Tenaga elektrik tiap-tiap tahun memerlukan 40 juta tan batu arang. Jadi, selagi tidak dikurangkan penggunaan arang itu, maka akan berlakulah masalah-masalah yang besar. Ada satu percubaan hendak gunakan umpamanya *nuclear energy* tapi saya rasa kita harus kaji juga apa implikasinya dan saya pernah membuat ucapan penangguhan tentang hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Gulung Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Karbon dioksida bertambah juga kerana empangan hidroelektrik bertambah. Bukan saja dengan Bakun dulu, sekarang banyak lagi hendak dibuat di Sarawak. Sama ada di Murum ataupun di Baram, semua ini akan mengakibatkan buruk kepada alam

sekitar kerana empangan ini akan mengeluarkan apa yang dikatakan sebagai gas metana. Gas metana ini bila naik dan dia turun, dengan hujan menyebabkan *acid rain*, hujan asid dan hujan asid ini boleh merosakkan pertanian orang biasa.

Kemudian ada juga misalnya projek-projek seperti hendak mengadakan *caviar production* dengan *sturgeon* dengan ikan yang keluar *caviar*, disangka, dikatakan ini akan mendatangkan untung yang banyak. Perdana Menteri pun telah menguar-uarkan perkara ini di luar negara. Cuma masalahnya ialah kita tidak ada kajian yang penuh untuk mengkaji apakah impaknya kepada masyarakat dan pada *environment*, EIA tidak cukup. Di sini kita dapati misalnya *caviar sturgeon* ini akan ditenakkan berdekatan dengan Taman Negara. Taman Negara ini satu tempat yang sensitif dari segi *environment*. Bukan saja itu, akan diadakan pula satu ladang 10,000 hektar dekat dengan Taman Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat. Saya sudah bagi empat minit lebih tadi.

Dr. Syed Husin Ali: Jadi sebagai kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi bahawa tiga perkara yang penting yang saya perhatikan dalam bajet ini ialah soal ekonomi, soal pendidikan dan soal *environment*. Dalam soal *environment* ini kita harus menganggap bahawa *environment* ini sudah menjadi satu faktor yang jauh lebih penting sekarang ini daripada masa yang lalu. Oleh kerana itu, harus diberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

3.19 ptg.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 atau Bajet 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2014 dan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam di Dewan ini.

■1520

Bajet 2015 yang bertemakan "*Ekonomi Keperluan Rakyat*" yang menitikberatkan keseimbangan antara *capital economy* dan *people economy* adalah merupakan bajet yang terbaik yang pernah dibentangkan oleh kerajaan kerana ia benar-benar mendahulukan kepentingan rakyat kerana ia telah dibuat secara *inclusive*. Saya menyatakan demikian kerana ia telah mengambil kira pandangan semua pihak dengan mengadakan pelbagai dialog dengan semua sektor seperti pegawai kerajaan, sektor swasta, institusi-institusi ekonomi, pertubuhan-pertubuhan sukarela, institusi pengajian tinggi, badan-badan profesional, NGO, dewan-dewan perniagaan, ahli-ahli politik termasuk orang-orang persendirian kerana mereka boleh berkomunikasi terus dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan seperti melalui *Twitter*, *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya.

Walaupun pihak pembangkang cuba membentangkan belanjawan alternatif pembangkang tetapi nampaknya tenggelam oleh belanjawan Bajet 2015 Ekonomi Keperluan Rakyat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali ada sebut sedikit berkaitan dengan belanjawan pembangkang tapi nampaknya belanjawan pembangkang tidak dapat menandingi belanjawan BN kerana ia tidak pun dibincangkan.

Saya difahamkan jika belanjawan pembangkang ini dilaksanakan, ia akan mengurangkan pelaburan. Dengan pengurangan pelaburan, maka pekerjaan juga akan berkurangan dan pengangguran banyak akan berlaku. Oleh sebab itulah belanjawan PKR telah tidak mendapat sambutan. Bahkan kalau kita baca ulasan-ulasan pakar ekonomi juga telah menolak belanjawan alternatif pihak pembangkang.

Kalau kita lihat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tadi, kita mencuba menggunakan defisit 3%, memang kita boleh capai. Dahulu semasa di Melaka, Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu pembangkang, dia tidak setuju saya buat defisit bajet. Akhirnya saya dapat buat surplus bajet sampai enam hingga lapan tahun tapi akhirnya bila beliau dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang, beliau buat defisit bajet. Jadi ini cakap tidak serupa bikinlah. Belum pegang dia tidak tahu. Kadang-kadang kita perlu defisit bajet, kadang-kadang kita perlu surplus bajet

Tadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali juga telah menyebut kita patut bergerak ke arah industri teknologi tinggi. Sebenarnya telah pun kita gerakkan. Dalam pembentangan belanjawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebut kita menuju ke arah ekonomi perkhidmatan. Ini meliputi pusat perbankan, pusat pelaburan dunia dan sebagainya, ICT, bioteknologi, apa sahaja seperti mana yang berlaku di banyak negara yang ekonominya berasaskan perkhidmatan.

Walaupun kita mengalami *slack* sedikit pada ketika ini oleh kerana kejatuhan ringgit akibat jatuhnya harga minyak dunia tetapi seperti yang disebut oleh Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, ia boleh menyebabkan pelabur mengambil kesempatan untuk melabur kerana kos melabur di Malaysia telah menurun dan pelancong-pelancong juga boleh datang dengan lebih ramai dan ia sekali gus akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dan akhirnya ekonomi akan tumbuh kembali dan ekonomi dapat disusun semula mengikut pergerakan ekonomi itu sendiri.

Berkenaan itu, kita perlu yakin kepada kebolehan kita dan ini dapat kita tunjukkan semalam apabila Perdana Menteri Bangladesh datang walaupun dia tahu ada 15,000 Bangla tidak ada permit tapi beliau minta lagi tambah dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah luluskan tambahan 12,000 lagi pekerja daripada Bangladesh untuk bekerja dalam sektor perladangan di Sarawak yang perlukan 62,000 lagi.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih lagi diyakini oleh pihak luar negara termasuk Perdana Menteri Bangladesh yang berada di sini pada hari ini. Jadi kalau besok hendak tahu siapa pak Bangla, Yang Berhormat kena tengoklah kalau dia pandang Tuan Yang di-Pertua lama sedikit, itu 'Pak Bangla' lah macam kata Yang Berhormat Tan Sri Halim.

Tuan Yang di-Pertua, nawaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk rakyat dan negara begitu jelas apabila beliau menyatakan, "*Pokoknya, kita tidak mahu mewariskan Malaysia dengan*

kewangan Persekutuan yang terbeban dengan masalah hutang". Beliau sambung lagi, "*Ekonomi keperluan rakyat ialah apabila kita mencapai negara maju, nikmat kekayaan dan kemakmuran sebenar negara akan melimpah ke kaki-kaki halaman serta mengetuk pintu-pintu rumah setiap rakyat di negara ini*". Inilah niat Yang Amat Berhormat dan matlamat beliau dalam menerajui Malaysia menuju Malaysia maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian Malaysia dalam pelbagai bidang seperti mana yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sama ada dalam negara, dalam ASEAN, dalam Asia ataupun di peringkat antarabangsa, adalah kerana dasar perancangan dan pelaksanaan yang teliti oleh pihak kerajaan yang disokong oleh rakyat jelata. *Capital economy* dan *people economy* adalah dasar yang amat *inclusive* yang boleh membawa perubahan yang besar menuju tahun 2020.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang selama enam tahun yang lepas berjaya melonjakkan lagi pencapaian negara dalam pelbagai bidang. Walaupun telah disebut beberapa kali, mungkin saya hendak sebut juga lagi sekali, mudah-mudahan dapat diingati oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya daripada pihak pembangkang.

Sebanyak 196 projek dari 12 NKEA dan enam SRI telah dilaksanakan dengan jumlah pelaburan RM219 bilion dan 437,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi telah diwujudkan. Kedua, ekonomi negara tumbuh positif dalam semua sektor dan mencatatkan KDNK 6.3% yang paling tinggi dalam negara ASEAN. Ketiga, indeks Bursa Kuala Lumpur juga telah naik dua kali ganda dari 884.45 pada Jun 1999 kepada 1,892.65 pada Julai 2014, tertinggi dalam sejarah negara. Defisit fizikal negara telah dapat diturunkan daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.9% pada tahun 2013 dan dijangkakan turun kepada 3.5% pada tahun ini. Jadi Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, jangan bimbang ya kerana nampak ia semakin menurun.

Kemasukan pelabur asing dalam tahun 2013 sebanyak RM38.7 bilion adalah yang tertinggi dalam sejarah negara. Mudah Menjalankan Perniagaan 2014 Bank Dunia melaporkan Malaysia mengekalkan kedudukannya di tangga 10 negara teratas buat dua tahun berturut-turut iaitu di kedudukan keenam untuk tahun 2014 dan kelapan pada tahun 2013 daripada 189 buah negara.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mencapai banyak lagi kejayaan dalam tempoh enam tahun ini. Satu peristiwa yang amat menyayat hati kita iaitu MH370 dan MH17, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjaya menyelesaikan isu MH17 dengan berunding dengan pihak pemberontak Ukraine sehingga berjaya membawa jenazah mereka yang terkorban kembali ke tanah air.

■1530

Malaysia telah pun diterima sebagai anggota penyiasat antarabangsa MH17. Malaysia juga iaitu Perdana Menteri telah berjaya menjadi pendamai antara MILF dan Moro di Filipina Selatan dan tidak lama lagi tahun hadapan Perdana Menteri kita juga akan dilantik sebagai Pengerusi ASEAN. Kuala Lumpur bandar raya popular membeli-belah selepas New York, Tokyo dan London.

Kini kemiskinan di Malaysia adalah lebih kurang 1%, miskin tegar 0%. Pertumbuhan ekonomi 6.1% paling tinggi di ASEAN, bursa saham sudah disebut tadi. Malaysia juga dilantik sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mendapat pengiktirafan 'Kepemimpinan Islam Global' di Dubai baru-baru ini. Malaysia dipandang tinggi di bumi Gaza dengan dapat mendamaikan antara Hamas dan juga Al-Fatah dan *insya-Allah* tidak lama lagi selatan Thailand juga mudah-mudahan akan dapat didamaikan menerusi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Tahniah kepada Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd. Najib.

Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu bersyukur atas nikmat yang kita kecapi. Kita perlu tingkatkan kesatuan dan *solidarity* hati kita... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Jika kita bersyukur nikmat-Nya akan bertambah, jika kita kufur nikmat azab-Nya amatlah dahsyat*". Kita tidak mahu apa yang telah kita bina selama ini runtuh seperti mana yang telah berlaku di banyak negara pada ketika ini. Bak kata pepatah, "*Meruntuhkan sebuah bangunan lebih mudah dari membinanya*". Hari ini kalau kita baca akhbar, 200,000 orang telah terkorban di Syria. Dahulu di Aceh sampai diturunkan mala petaka yang besar beratus ribu, barulah masing-masing insaf dapat hidup dalam aman dan damai.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta ISA dan Akta Buang Daerah dimansuhkan, negara kita menjadi bercelaru. Sikap hormat-menghormati sesama agama, sesama bangsa, antara agama dan antara kaum menjadi rapuh, kes jenayah meningkat. Orang jahat bercampur dengan orang baik dengan bebas. Keganasan fizikal, keganasan siber, termasuk fitnah siber menjadi-jadi. Ini kerana banyak desakan daripada pihak pembangkang dan akhirnya kita terpengaruh dengan meminda perkara-perkara utama yang patutnya boleh menjaga keselamatan kita. Apalah ertinya hidup jika akhirnya nyawa tidak lagi dapat penghargaan.

Perkara ini perlu dibendung segera sebelum terlewat. Kalau dahulu penjenayah-penjenayah seperti IS boleh ditangkap awal di bawah ISA, tetapi kini kita perlu biarkan mereka lakukan kejahatan dahulu baru boleh didakwa. Apalah gunanya kalau, "*Nasi sudah menjadi bubur*". Oleh kerana itulah, saya berharap kita semua rakyat Malaysia akan menyokong keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertahankan Akta Hasutan dengan penambahbaikan demi keselamatan kita semua.

Antara pembaikan yang boleh adalah seperti tidak ada lagi penghinaan kepada agama Islam, juga agama-agama lain dan melarang sebarang perbincangan untuk memisahkan Sabah dan Sarawak dari Malaysia. Saya juga ingin mencadangkan nanti dalam penambahbaikan Akta Hasutan, boleh juga menahan mereka yang dijangka boleh mengancam keselamatan negara seperti gerakan IS ini. Mencegah lebih baik dari mengubat dan orang-orang jahat tidak boleh dicampurkan dengan orang baik.

Tuan Yang di-Pertua, ramai yang sudah lupa bahawa kemakmuran dan keamanan yang ada pada hari ini bukan datang bergolek. Ia datang melalui perancangan yang rapi oleh pihak kerajaan. Ramai sudah lupa pepatah yang mengatakan, "*Jika kita minum air, kita perlu tahu dari mana puncanya air itu, janganlah diracuni punca air itu kerana itu akan memudaratkan kita sendiri*". Oleh yang demikian, bersyukurlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkaitan dengan GST. Mulai tahun hadapan, GST akan diperkenalkan menggantikan SST. GST adalah cukai yang lebih adil dan membela rakyat

miskin. Mereka yang dahulu tidak membayar cukai padahal mereka patut membayarnya akan membayar cukai dan pendapatannya boleh diberikan kepada golongan miskin sesuai dengan ayat Al-Quran yang disebut oleh Dr. Syed Husin tadi.

GST lebih baik daripada cukai yang dicadangkan oleh pihak pembangkang kerana macam yang saya sebut tadi yang juga telah diulas oleh pakar-pakar ekonomi, jika cukai pembangkang itu dilaksanakan, dia akan mengurangkan pelaburan dan akibatnya ekonomi bertambah perlahan dan pengangguran akan meningkat. Kalau kita lihat dalam belanjawan alternatif pihak pembangkang, nampak mereka hanya mengemukakan *operative budget*, itu pun tidak lengkap dan tidak ada pula *development budget*.

Walaupun tadi Dr. Syed Husin kata patutnya 60% pengurusan dan 40% pembangunan, tetapi dalam belanjawan alternatif pembangkang, pembangunan itu tidak ada pula. Jadi kita pun tidak boleh hendak bincang, sebab itu akhirnya bajet alternatif tenggelam begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah membuat penerangan yang amat luas sehingga SST pun disebut GST. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan yang bekerja keras untuk menerangkan kepada rakyat jelata. Saya percaya maklumat GST ini mudah diperolehi, cuma pihak pembangkang selalu sahaja putar-putarkan akhirnya ia menjadi keliru. Walau bagaimanapun, macam Dr. Syed Husin kata tadi, tunggulah apabila dilaksanakan. Saya ingat ada 700 barang atau 800 barang yang dikecualikan daripada cukai GST. Misalnya kalau kita beli beras, tidak adalah kena cukai. Akan tetapi kalau kita makan nasi di restoran Pan Pacific, kenalah 6%. Jadi, itu bezanya. Kalau kita pergi makan kedai warung di kampung, tidak kenalah cukai sebab pendapatan warung berkenaan bawah RM500,000 setahun. Saya fikir penjelasan sudah banyak diberikan, tidak perlulah kita hendak dapat penjelasan yang berulang-ulang kali kerana ia boleh diperolehi melalui pelbagai media yang telah diuruskan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sebut penambahbaikan perkhidmatan awam yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ucapkan tahniah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menambah baik lagi 252 skim perkhidmatan awam yang sedia ada sebagai pengiktirafan kepada penjawat awam yang telah banyak berjasa kepada negara.

Bagi pihak kakitangan kontrak KEMAS, JASA, JPNIN, JAKIM dan Seranta (FELDA) yang telah tamat kontrak melebihi 15 tahun, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang telah meluluskan bantuan bulanan sebanyak RM300 seorang yang melibatkan 1,655 individu. Saya adalah bekas Pengarah KEMAS, kerana itulah saya bangkitkan perkara ini mewakili KEMAS dan juga rakan-rakan yang lain untuk memohon jasa baik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbang juga kepada mereka yang sudah berkhidmat lebih 15 tahun tetapi tidak dimasukkan.

■1540

Misalnya KEMAS, yang sudah kerja lebih 15 tahun, 4,500 orang yang berhenti wajib. Akan tetapi, yang diluluskan 1,655 orang itu pun termasuk agensi-agensi yang lain. Saya fikir mungkin tidak

dimasukkan Pemaju Masyarakat, yang dimasukkan hanya Penyelia KEMAS sahaja – 698 orang. Oleh sebab itu saya minta dapatlah dimasukkan juga Pemaju Masyarakat kerana mereka ini juga adalah anggota KEMAS. Jika dapat lagi, masukkanlah juga mereka yang berkhidmat dan bersara wajib, 10 tahun ke atas. Itu kena tambah lagi 700 orang. Mudah-mudahan kita berdoalah agar ianya dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga bajet kerajaan dalam membina jalan raya, lebuhraya dan pengangkutan awam yang merupakan satu lagi enjin pertumbuhan ekonomi negara. Dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan akan membina empat lebuhraya dan tiga landasan kereta api, LRT dan MRT. Akan tetapi, nampak dalam senarai itu tidak masuk kereta api laju dari Johor ke Kuala Lumpur melalui Batu Pahat, Melaka dan Seremban. Jadi saya harap pihak kerajaan dapat lah memaklumkan bila nak *start* kereta api laju ini.

Ini kerana jam ini jalan raya terlalu sesak. Hendak balik ke Johor pun makan masa berjam-jam ya. Begitu juga bilakah bagi saya mewakili Melaka, jalan empat lorong pula iaitu *upgrade* jalan yang ada dari Kuala Linggi, Melaka sempadan Negeri Sembilan ke Masjid Tanah, Sungai Udang, Tanjung Kling, Kelebang terus ke Semabok akan dibina...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tanjung Kling...

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Oh Yang Berhormat, ini kita tidak tukar sebab kita di Melaka Tanjung Kling itu...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Nanti orang boleh panggil lah, UMNO Assembly mereka panggil 'keling'. Ini nama pun sudah berapa lama ada di sana? Itu nama kena tukar. Betul kah tidak?

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Datuk, dah ya? Saya jawab ya.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Baik.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Sebenarnya Datuk, kita orang Melaka kita suka nama Tanjung Kling ini. Sebab bagi orang Melaka kalau anaknya lahir, warnanya macam Datuk Nalla, dia akan namakan Mohamad Keling. Itu sebab ada nama Profesor Zainal Keling. Betul, ini bukan cakap main.

Saya punya kawan kerja Tenaga Nasional, namanya Haji Keling bin Tapa. Jadi bagi kita orang Melaka, Keling itu nama yang kita hormati dan kita muliakan sampailah...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ini sudah lama, sekarang kita tak payah lah, sekarang ini nama mahu tukarlah. Dulu okeylah. Sekarang punya orang semua sudah tahu.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Akan tetapi kita di Melaka itu masih okey lagi.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tak boleh. Cukuplah. Cukuplah.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Akan tetapi kita di Melaka itu masih okey lagi.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Cukuplah, cukuplah cakap keling dengan nama cukuplah. *[Ketawa]*

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Yang Berhormat, laluan.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Saya fikir ini kadang-kadang benda-benda yang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang nak mencelah. Izinkan?

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: ...Disensitifkan tak tentu fasal. Oleh sebab kita di Melaka memang dah macam itu kan. Sampai nama kita pun begitu. Jadi saya harap tidaklah disensitifkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang nak mencelah. Yang Berhormat izinkan kah?

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Sila.

Datuk S. Vigneswaran a/l M. Sanasee: Yang ini yang kalau dekat Melaka ada Haji Keling dan sebagainya tidak ada masalah. Akan tetapi, kalau nak *generalized* panggil semua orang India, keling itu yang masalah. Kalau dengan Haji Keling, Tanjung Kling semua tidak ada masalah. Terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dia ikut macam keadaan lah. Kadang-kadang kita membawa "*Eh you Melayu tak guna!*". Kita pun marah juga, panggil kita Melayu tak guna. Jadi itu sebab kadang-kadang ikut keadaan.

Dato' Khairudin bin Samad: Tan Sri, saya mohon mencelah Tan Sri. Saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ini 07. Bukan 07 gengster, tetapi 07 dilahirkan di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang, fahaman kami daripada kecil, saya sekolah, sekolah orang putih, kawan-kawan saya Cina dan India. Di Pulau Pinang, bila kita kata keling itu maksud kita mamak. Kalau orang India, kita tak panggil keling. Kita tak panggil India, kita panggil Hindu. Kita sebut agama, itu di Pulau Pinang. Keling dan Hindu. Saya minta maaf lah, ini kebiasaan kita di negeri kita begitu sebutannya.

Kalau keling kita *refer* kepada mamak. Bila kita nak makan nasi kandar, makan nasi kandar di kedai keling, itu contohnya. Akan tetapi, saya minta maaf, bukan kita ada ini. Saya tak tahu lah di Melaka pun lebih kurang macam itu. Di Pulau Pinang itu. Kedah pun saya rasa begitu juga. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Tuan Yang di-Pertua, macam tadi Yang Berhormat sebut, kita sebut dalam keadaan baik. Kita boleh terima. Akan tetapi kalau Melayu pun kalau tengok, "*Eh, you Melayu banyak jahat*" kita pun tak suka juga. Akan tetapi, takkan nak panggil kita Melayu kan? Jadi suasana panggilan itu yang menentukan keadaan. Oleh sebab itu Yang Berhormat marah ini, yang cakap itu dengan niat hendak menghina. Itu tak boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada empat minit Yang Berhormat.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Kita berharap dengan pembinaan jalan Selat Melaka dari Kuala Linggi sampai Semabok ini dapat mengurangkan kesesakan. Hari ini pun kawan-kawan saya kompelin lagi datang Melaka ini *jam* betullah. Oleh itu saya berharap jalan Selat Melaka yang telah pun dikaji selidik oleh kerajaan akan dapat dibina pada tahun ini atau tahun hadapan ataupun sekurang-kurangnya pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib sebagai Pengerusi ASEAN. Saya yakin Yang Amat Berhormat akan dapat melaksanakan tugas beliau dengan berkesan. Rantau ASEAN perlu dirakyatkan. Saya

percaya hubungan rakyat dengan rakyat akan dapat diperkukuhkan lagi dan rantau ASEAN akan bertambah aman dan makmur. Ini berasaskan kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam proses pendamaian di Selatan Filipina dan juga *insya-Allah* di Thailand dan di peringkat antarabangsa yang lain seperti di Gaza dan sebenarnya.

Perhubungan pengangkutan yang lebih baik adalah salah satu cara agar rakyat dan perdagangan aktiviti rantau ASEAN akan dapat bergerak dengan mudah sama ada melalui darat, udara ataupun laut, seperti mana yang berlaku di Kesatuan Eropah. Saya difahamkan kerajaan akan wujudkan satu kaunter ASEAN ya, di lapangan terbang. Ini juga satu perkara yang baik. Dahulu semasa saya Ketua Menteri Melaka, kita telah bina satu *fiber* optik ya, di dasar laut daripada Telok Gong ke Riau. Ini juga telah dibincangkan dalam IMT-GT. Saya berharap projek ini yang dah lama terlaksana telah mendatangkan banyak kebaikan kepada kita.

Di samping itu, saya kalau boleh...

Timbalan Yang di-Pertua: Satu minit lagi Yang Berhormat. Ada satu minit lagi ya.

Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ya. Saya telah menerima satu cadangan daripada pihak swasta dan menyokongnya iaitu untuk membina sebuah jabatan merentasi Selat Melaka daripada Telok Gong ke Riau di Pulau Rupas sepanjang 37 kilometer. Saya berharap kerajaan akan dapat mempertimbangkannya. Maka dengan ini dapat merapatkan lagi hubungan dan sekali gus merencanakan pertumbuhan ekonomi dan ianya akan ditanggung oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dapatlah dua tiga minit lagi ya. Berkaitan dengan agenda memperkasa ekonomi bumiputera, saya melihat salah satu isu kita adalah kurangnya peniaga borong. Oleh sebab itu saya berharap kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang untuk dipinjamkan untuk membeli barang secara borong dan dijual kepada peniaga-peniaga runcit bumiputera seperti dalam bidang automatif, *hardware*, elektrik, makanan dan sebagainya, juga premis niaga. Kita sudah tahu angka terlalu kecil, diharap kerajaan akan menambah lagi premis niaga dan disewakan dengan harga murah secara berperingkat daripada semasa ke semasa.

Berkaitan dengan PKS, saya lihat industri batik semakin mati. Sekarang semua pakai baju korporat ya— batik *print*. Semalam sebuah syarikat minta saya *reschedule* balik bayaran mereka, pinjaman PUNB sebanyak RM2 juta kerana syarikat mereka mengalami kerugian. Di Melaka satu rumah batik milik Arfa Batik pun telah ditutup. Bantuan kepada NGO dan belia saya harap juga dapat ditambah kepada persatuan belia kerana sekarang banyak orang muda memimpin persatuan belia, mereka tidak banyak kewangan. Saya harap persatuan-persatuan di kampung juga akan diberikan bantuan oleh Yang Berhormat Menteri. Malah persatuan sukan. Kita dah tinggal dua orang saja jaguh sukan negara iaitu Nicole David dan Lee Chong Wei. Beliau pun tidak tahu boleh jejak tak sukan Asia 2018. Saya harap sukan-sukan yang lain macam karate, silat, Datuk Megat Setiausaha Agung, yang banyak bagi pingat emas juga perlu diberi perhatian oleh kerajaan utk melatih mereka daripada sekarang untuk menuju Sukan Asia agar mereka dapat bawa balik pingat emas.

■1550

Perumahan, satu saya hendak minta supaya rumah kos rendah dapat dibayar kepada Pejabat Daerah ataupun kepada bank yang ditugaskan, tidak perlu hendak tanya banyak gaji atau boleh bayar atau tidak boleh bayar kerana memang orang yang miskin ini macam-macam masalah. Jadi kalau tidak boleh, bayar balik kepada Pejabat Daerah seperti dahulu.

BR1M. Saya berharap latihan kepada anak-anak sekolah, Latihan 1Malaysia dapat Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dapat juga diberi kepada pelajar-pelajar Tingkatan 5 terutama yang duduk di dalam bandar, waktu cuti ini. Kalau tidak, mereka tidak tahu ke mana hendak pergi, akhirnya akan menjadi anak-anak yang nakal. Saya harap program ini dapat dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Kementerian Pendidikan.

Saya ada tiga lagi, satu lagi kesihatan. Saya ingat dialisis menjadi masalah sekarang. Kalau kita pergi kepada hospital kerajaan, sekali cuci RM13. Sebulan RM115 tetapi kalau pergi ke swasta, sekali cuci RM180 ke RM200, satu bulan RM2,160. Saya berharap kerajaan akan membina banyak lagi kemudahan dialisis di hospital besar kerajaan.

Dasar Automotif Negara, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah kedudukan Proton di masa depan, kerana sekarang banyak syarikat Proton kerugian? Kalau kita biarkan mereka bersaing dalam keadaan biasa, saya tidak tahu apakah akan terjadi. Saya berharap dapat maklumat daripada kementerian atas kedudukan ini.

Satu lagi yang saya hendak minta, Program PERMATA. Banyak permintaan, saya harap dapat ditambah lagi, untuk dibuka di banyak tempat.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, semalam RON97 kekurangan, tetapi saya pun terperanjat, kita beli pula daripada Singapura. Apakah rancangan kita pada masa depan agar RON97 juga *refinery* berada di Malaysia agar tidaklah peristiwa ini berulang kembali. Saya naik teksi semasa Persidangan UMNO, saya tanya orang teksi, ada masalah RON turun naik ini? Dia kata, tidak ada masalah, kerana saya gunakan NGV, 1 liter 60 sen. Pendapatannya satu hari tunai RM70, sebulan dapat RM2,000 ke RM3,000. Saya hendak tanya apakah kedudukan NGV sekarang? Polisi kerajaan? Apakah *natural gas* ini hendak disemarakkan lagi atau hanya untuk penggunaan teksi sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Seterusnya saya silakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin.

3.53 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya merakamkan penghargaan yang jujur dan ikhlas kerana diberi peluang dan kesempatan untuk berucap dalam Bajet 2015 yang bertemakan "Ekonomi Keperluan Rakyat" yang saya kira cukup jelas dan padat.

Secara peribadi saya melihat bajet kali ini adalah bentuk satu kesinambungan usaha yang dibina sejak bertahun-tahun yang mencerminkan iltizam dan komitmen kepimpinan kerajaan kita terhadap negara dan rakyat tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus pergi kepada yuran IPTS. Mengenai yuran IPTS dan PTPTN, saya mendapat maklumat terdapat ura-ura bahawa pihak IPTS ingin menaikkan kadar yuran mulai tahun depan, iaitu GST duti diperkenalkan. Punca dan alasan yang diberikan adalah kos operasi IPTS di Malaysia dinaikkan meningkat. Mereka juga mengatakan kononnya IPTS tidak menikmati pulangan dalam bentuk cukai import untuk pembelian peralatan pengajaran dan kenaikan yuran IPTS ini hanya akan melibat penuntut baru sahaja yang akan membayar yuran pengajian mereka kelak.

Saya mahu informasi lanjut dari pihak Kementerian Pendidikan oleh kerana jika kita dengar dan lihat seperti apa yang diuar-uarkan di kaca televisyen, contohnya. Sektor pendidikan memang tidak kena GST, kepada *end user* seperti kita, anak-anak kita. Ini kerana industri pendidikan dikategorikan sebagai *empty supply* dalam GST yang menjadikan isu kepada IPTS ialah mereka tidak boleh *claim input tax rebate*. Sedangkan selama ini, dalam sistem SST, mereka tidak boleh pun untuk *claim* input. Akan tetapi segala kos perbelanjaan di sekeliling pengurusan universiti, mereka perlulah membayar GST atau tidak, termasuk perbelanjaan pembelian, akhirnya peningkatan kos yang dipulangkan kepada siapa, jikalau tidak rakyat walaupun yuran IPTS tidak dikenakan GST 6%.

Oleh yang demikian, kementerian perlulah memainkan peranan dalam mengadakan diskusi dan meja rundingan dengan semua pihak IPTS. Sekiranya perlu, adakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan agar segala pembelian bahan-bahan yang melibatkan perbelanjaan oleh pihak IPTS tidak dikenakan cukai GST.

Seterusnya berkenaan dengan PTPTN. Saya ingin memberi komen berkenaan gesaan beberapa NGO yang mencadangkan pengecualian bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kepada satu kaum sahaja. Saya hormati Perlembagaan, akan tetapi jika perkara ini dilakukan, maka ia akan menjejaskan masa depan generasi muda pelbagai kaum di negara ini. Cadangan ini menunjukkan pemikiran yang sempit, generasi masa hadapan perlulah dilatih dengan potensi dan bakat mereka dicungkil agar mereka dapat menjadi tiang dan harapan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu mengenai kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelancongan. Saya melahirkan rasa sangat kecewa dan dukacita dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz bahawa dia tidak akan mengulas pegawai di luar negara untuk mempromosikan Sabah kerana beliau tidak dapat menjamin keselamatan pelancongan di Lahad Datu. Ini satu pernyataan atau *statement* yang tidak tepat dan tidak bertanggungjawab selaku Menteri Kabinet Persekutuan, kenyataan ini menunjukkan kadangkala yang dinyatakan oleh Menteri yang tidak sepatutnya mencampuri soal keselamatan negara yang bukan di bawah bidang tanggungjawab beliau.

Urusan keselamatan negara termasuk Sabah adalah tanggungjawab Menteri Dalam Negeri dan bukan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan. Jika kenyataan ini masih dipertahankan dan digunakan oleh kerajaan, saya boleh ambil situasi begini. Sekiranya mana-mana negeri atau sebahagian daripada Semenanjung terdapat kes pelancong dibunuh atau diculik dan masih tidak dapat lagi diselesaikan, kita boleh juga mengatakan bahawa Semenanjung Malaysia masih tidak selamat dan pelancong tidak dijamin keselamatannya. Adakah begitu?

Saya melahirkan keyakinan bahawa Pantai Timur Sabah akan kekal selamat kerana langkah-langkah tambahan yang diambil oleh pasukan keselamatan, termasuk larangan masuk dari laut untuk Pantai Timur Sabah pada malam jam 7 sehingga 5 pagi.

■1600

Ini juga terbukti dengan peruntukan bajet baru-baru ini, RM660 juta untuk meningkatkan keselamatan Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah dan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat.**]*

Adakah beliau sedar bahawa kenyataan beliau sebagai Menteri Persekutuan adalah satu tamparan hebat kepada industri tempatan dan menafikan usaha bersepadu oleh semua pihak yang berkepentingan untuk menggalakkan pelancong di Sabah. Sektor pelancongan memberi manfaat kepada penduduk luar bandar dan ia perlu terus dipupuk, Sabah adalah besar.

Apa yang berlaku di Pantai Timur Sabah tidak semestinya menggambarkan keadaan di kawasan pedalaman dan pantai Barat. Menteri juga sedar bahawa berpuluh lagi kawasan pelancongan yang langsung tiada kaitan dengan ancaman keselamatan di Sabah. Mengapa ia tidak disebut oleh Menteri? Jika anda kata anda tidak boleh menjamin keselamatan pelancong maka bagaimana pula dengan penduduk tempatan? Kedua sama-sama berhak mendapat perlindungan. Jika anda sebagai kerajaan mengisytiharkan anda tidak boleh melindungi orang maka siapa lagi yang harus menjaga keselamatan mereka? Jadi, apa tujuan kerajaan membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah? Adakah ia tidak memberikan apa-apa makna kepada jaminan keselamatan orang ramai termasuk pelancong Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan tidak bertanggungjawab dan kurang sensitiviti dari Menteri ini jelas dan telah menyinggung ramai penduduk Sabah. Ini merupakan satu lagi contoh seorang Menteri Persekutuan membuat kenyataan-kenyataan yang seolah-olah menunjukkan mereka kurang prihatin terhadap Sabah. Berbeza dengan Perdana Menteri yang memastikan bahawa Kerajaan Persekutuan akan berusaha untuk membantu membangunkan Sabah dengan kerana beliau percaya bahawa Sabah mempunyai potensi menjadi rumah kuasa ekonomi di Malaysia.

Oleh yang demikian saya memohon dengan baik akal Menteri Pelancongan menarik balik kata-katanya dan memohon maaf terutamanya kepada rakyat Sabah. Sekiranya ini tidak dilakukan percayalah anda memang tidak layak untuk menduduki jawatan Kabinet dan anda seharusnya meletakkan jawatan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ada beberapa isu mengenai negeri saya sendiri Sabah. Saya ingin menyentuh mengenai Projek Kemiskinan Semenanjung Sabah dan Sarawak. Pertama sekali, berapakah peruntukan tersebut telah diberi kepada projek kemiskinan Sabah? Saya juga ingin tahu adakah kementerian memberi perhatian yang lebih banyak kepada Sabah kerana Sabah masih dikenali sebagai negeri yang paling miskin di Malaysia menurut laporan Bank Dunia. Saya ingin tahu dengan

peruntukan yang begitu besar apakah perancangan yang akan dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan khususnya di negeri Sabah?

Tuan Yang di-Pertua, saya tegas menolak usaha dan gerakan oleh kumpulan-kumpulan yang cuba mencetus provokasi yang dibuai emosi dan fantasi dengan meniup api sentimen kenegerian. Kita sebagai pemimpin Barisan Nasional di Sabah menentang sekeras-kerasnya apa yang mereka sebut sebagai perjuangan hak kerana provokasi-provokasi itu hanya akan memecah tembok besi integrasi yang sudah terbina dan terpatery bertahun-tahun lamanya.

Sabah dan Sarawak haruslah kekal bersama-sama dalam ikatan rumpun persekutuan ini kerana kemerdekaan yang di kecapai ketika pembentukan negara Malaysia telah membawa kemakmuran untuk kedua-dua negeri ini sebagai komitmen kontrak sosial baik dari segi ekonomi mahupun dari segi geopolitiknya. Hari ini boleh kita katakan secara umum rakyat Sabah dan Sarawak sudah terkeluar daripada kemiskinan tegar biarpun diakui masih tinggi angka-angka kemiskinan relatif.

Pergi kepada infrastruktur Sabah, saya agak sedikit kecewa dan sedih kerana tidak ada satu pun projek mega infrastruktur di Sabah seperti Rancangan Prasarana Tujuh Projek Mega Infrastruktur yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet kali ini. Jumlah peruntukan untuk tujuan membangunkan infrastruktur ia tujuh projek infrastruktur, lima projek penyambungan bekalan elektrik dan projek *Pengerang Integrated Petroleum Complex* yang melebihi RM100 bilion. Sekali lagi hanya tertumpu di Semenanjung.

Saya tidak sesekali mempertikaikan pembangunan infrastruktur di Semenanjung malah saya memang bersetuju dengan projek pembangunan di Semenanjung. Akan tetapi bagaimana dengan Sabah? Saya mohon agar bajet akan datang kerajaan akan dapat mempertimbangkan projek-projek mega yang dapat memberikan keuntungan untuk rakyat Sabah sekali gus dapat menambah baik mutu kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai sistem pengangkutan Kota Kinabalu, Sabah,. Dalam belanjawan kali ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan menaik taraf pengangkutan awam di bandar. Akan tetapi saya agak sedikit kecewa kerana tidak melihat apa-apa peruntukan atau program pembangunan untuk bandar Kota Kinabalu. Saya pasti kerajaan dan kementerian terbabit sedar akan masalah pengangkutan awam di Kota Kinabalu dan saya hairan mengapa masih tiada cadangan dan rangka kerja untuk mengatasi masalah ini oleh kementerian?

Setiap hari terutamanya, pada waktu puncak Kota Kinabalu mengalami kesesakan jalan yang semakin serius ditambah pula dengan kekurangan tempat *parking* di bandar, pengangkutan awam yang tidak mencukupi, tidak efisien dan sebagainya. Saya juga sedikit kecewa apabila Kerajaan Persekutuan pernah berjanji untuk membina dua *flyover* atau persimpangan bertingkat di Jalan Lintas sebagai projek menaik taraf seluruh Kota Kinabalu masih tidak ada apa-apa perkembangan sehingga ke hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bandar Kota Kinabalu sekarang mengalami masalah *urbanization*. *Urbanization* ini menyebabkan infrastruktur di sektor bandar Kota Kinabalu tidak mencukupi dan perlu dipertingkatkan dengan segera. Sistem pengairan dan saliran yang tidak di naik taraf juga telah menyebabkan masalah banjir kilat setiap kali jika hujan lebat turun. Ini jelas dengan masalah banjir

yang berlaku di Penampang baru-baru sehingga kerugian yang teruk oleh rakyat. Masalah ini berlaku kerana proses *urbanization* yang pantas di bandar raya kota Kinabalu dan sekitarnya.

Jikalau kerajaan persekutuan terus mengabaikan isu ini tidak memperuntukkan program pembangunan infrastruktur masalah di Kota Kinabalu akan menjadi semakin serius dan akan membabitkan kos yang lebih tinggi akan ditanggung oleh kerajaan kelak. Saya juga berharap agar kerajaan mempercepatkan program transformasi pembangunan infrastruktur di Bandaraya Kota Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir isu penempatan Kampung Air di Sabah. Penempatan Kampung Air terkenal di Sabah kebanyakan penempatan seumpama ini terdapat di kawasan pantai Kota Kinabalu, Kudat, Kota Marudu, Sandakan, Lahad Datu, Semporna, Tawau dan Labuan.

■1610

Hakikat kewujudan penempatan di kampung air adalah mencerminkan satu warisan budaya tradisi penduduk tempatan di Sabah. Khususnya di kalangan suku kaum Bajau dan suku kaum Melayu Brunei pada waktu dahulu yang telah pun menjadi sejarah sejak tahun 1970-an. Populasi masyarakat maritim di Sabah mengalami pertambahan yang pesat. Faktor pengitaran penduduk pendalaman dan faktor migrasi pendatang tanpa izin daripada Kepulauan Filipina dan Indonesia merupakan penyumbang utama kepada pengembangan penempatan kampung air di kawasan-kawasan di pinggir pantai bandar-bandar utama di Sabah. Dalam pada itu, kini warisan penempatan kampung air ini telah bertukar menjadi satu masalah yang rumit kepada proses perancangan pembangunan masyarakat dan fizikal di Sabah.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mendengar luahan hati masyarakat Sabah berkenaan dengan masalah kampung air yang telah lama berlanjutan ini. Walaupun ia dibuat secara berperingkat-peringkat, komitmen yang ditunjukkan ini harus dipuji. Penempatan semula penduduk kampung air ke tanah besar merupakan pelan jangka panjang yang penting kerana kampung air bolehlah melindungi pendatang haram dan penjenayah yang mengancam keselamatan Sabah.

Keduanya, apabila orang-orang tinggal di kampung-kampung air yang ditempatkan semula ke tanah besar, kerajaan boleh membina jeti dan pelabuhan nelayan di sepanjang pantai untuk nelayan. Dengan itu membolehkan kerajaan untuk mengawal kemasukan pendatang tanpa izin dengan berkesan. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya kepada kementerian yang terlibat, berapakah tempat dan kampung yang akan melalui fasa pertama dan kedua dalam perancangan pemindahan berperingkat ini? Berapakah kos yang terlibat?

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri perbahasan ini saya ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, kerana telah menggerakkan satu belanjawan yang mempamerkan kesungguhan membela nasib rakyat. Sebagai sebahagian dari pimpinan negeri Sabah, saya mengucapkan penghargaan sejujurnya atas hadiah-hadiah istimewa untuk kami khususnya untuk negeri Sabah. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Boon Som. Untuk makluman Yang Berhormat semua, saya percaya Yang Berhormat semua telah menerima dua laporan diedarkan sebentar tadi. Satu ialah Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan Pendatang Tanpa Izin (PATI) di Sabah. Kedua, Laporan Tahunan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah 2013. Yang Berhormat boleh tengok, mungkin agak boleh membantu dalam ucapan Yang Berhormat apabila berbahas nanti. Sekarang tanpa membuang masa, silakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

4.14 ptg.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Najib bin Tun Razak yang juga Menteri Kewangan, di atas pembentangan Bajet 2015 yang memberi fokus kepada ekonomi keperluan rakyat. Dengan tujuh strategi utama iaitu:

- (i) memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi;
- (ii) memantapkan tadbir urus fiskal;
- (iii) mengupayakan modal insan dan keusahawanan;
- (iv) memperkasa agenda bumiputera;
- (v) memartabatkan peranan wanita;
- (vi) membangunkan Program Transformasi Belia Negara; dan
- (vii) menyejahterakan rakyat.

Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Seri Abdul Halim tadi yang menyatakan bahawa keadaan sekarang ini kita terlampau memainkan sentimen agama, sentimen bangsa. Sehingga kita tidak tahu di mana hilangnya kawan dan apa yang kita perlu adalah saling hormat-menghormati. Apa Dato' Seri Abdul Halim cakap tadi.

Akan tetapi baru-baru ini, semalam saya telah berjumpa dengan— saya menghantar anak saya ke sekolah, *Sultan Abdul Hamid College*. Tiba-tiba ada seorang cikgu Melayu, cikgu Islam menyatakan bahawa, "*Dato', cuba tengok paper hari ini, Kerajaan Negeri Kedah telah mewartakan 15 perkataan ekspresi tentang Islam. Iaitu satu daripadanya Alhamdulillah, Allah dan sebagainya.*" Memang bagi masyarakat Siam, ramai selepas itu keluarlah dalam Facebook. Macam-macam masyarakat Siam-masyarakat Siam dengan orang Melayu ini mereka begitu- di Kedah dan di Kelantan ini memang rapat. Kadang-kadang kita hormat-menghormati. Apabila kenduri kahwin, kita panggil orang Melayu, kadang-kadang kita buat catering khas untuk orang Melayu makan dan sebelah itu untuk orang Siam makan. Kadang-kadang selang sehari bagi orang Melayu hari pertama dan hari kedua dijemput orang yang beragama Buddha ataupun Cina untuk makan. Jadi, itulah hormat-menghormati.

Akan tetapi dengan adanya pembinaan tembok perhubungan antara rakyat kerana perkataan ini, saya fikir itu tidak— macam sesuatu yang di luar dugaan kita. Oleh sebab kita selama ini

menganggapkan- saya kadang-kadang pun tersentuh tangan Dato' Mariany, *Allah* sudah biasa sudah. Oleh sebab itu apabila dibesarkan di hostel, selalunya selepas habis makan kata *Alhamdulillah*. Biasa perkataan itu kan? Kadang-kadang saya rasa biarlah kita tegur-menegur adalah penting daripada kita menjatuhkan hukuman mengatakan bahawa tiga tahun hingga empat tahun kalau sengaja mengeluarkan perkataan yang saya katakan, "*Subhanallah*", "*Alhamdulillah*", "*Allah*", "*Azubillah*" dan sebagainya. Saya mintalah pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, adakah perkataan ini perlukah kita menjatuhkan hukuman kepada yang bukan Islam apabila mereka- bahkan, lagu negeri Kedah pun dalam rangkap yang pertama pun, "*Allah selamatkan tuanku Sultan*". Jadi, kalau macam itu budak-budak sekolah pun salah untuk menyanyikan lagu negeri Kedah.

Jadi, saya fikirilah supaya kerajaan negeri Kedah sebagai- jadi, saya mintalah supaya Kerajaan Negeri Kedah meneliti, mengkaji semula perkara ini daripada kita membuat...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Boon Som a/l Inong: Ya, ya.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Di belakang, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Saya ingin menerangkan sedikit, hanya memberi penerangan secara peribadi. Perkataan-perkataan itu yang kita larang digunakan kalau ia bertujuan tidak baik. Khasnya yang kalimah "*Allah*", saya akan jelaskan. Saya hendak terang sedikit *background* supaya orang bukan Islam faham. Kalau ikut yang berlaku kebelakangan ini, satu gerakan di peringkat global untuk memurtadkan orang Islam. Akhirnya, di Indonesia pada hari dengan penggunaan kalimah "*Allah*", maka di Indonesia pada hari ini 2 juta orang Islam dimurtadkan tiap-tiap satu tahun. Sebanyak 2 juta, 3 bulan lepas saya bagi ceramah di Surabaya, saya tanya dengan ulama-ulama di sana. Dia kata, "*Yes, its true 2 juta*". Ini kerana dengan penggunaan kalimah "*Allah*", dan juga apabila mereka membuat Bible dalam Bahasa Melayu, digunakan untuk mempengaruhi budak-budak muda, anak-anak Islam. Maka, mereka telah berjaya. Di Semenanjung itu yang berlaku, kita tidak mempersoalkan di Sabah dan Sarawak. Itu kena faham ya, di Sabah dan Sarawak tidak ada hal.

■1620

Akan tetapi di Semenanjung, apabila kita perhatikan langkah itu bertujuan untuk memurtadkan orang Islam, perkara ini menjadi satu isu di mana orang Islam tidak akan terima. Tidak akan terima. Jadi, saya hanya mengupas perkataan kalimah "*Allah*". Yang lain-lain itu pada saya secara peribadi, apa salah cakap "*alhamdulillah*", itu kalau bagi sayalah. Apa yang kita marah, kalau ia dipermainkan. Itu pandangan saya sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat tadi. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat tetapi kita- dahulu kita ada seorang senator dari Melaka yang selalu apabila memulakan ucapannya memberikan salam- "*Assalamualaikum*," dan saya tegur. Selepas itu dia buat pun tidak buat lagi macam itu sebab dia faham benda itu lama-kelamaan. Daripada kitaewartakan perkataan-perkataan ini, biarlah kita secara berkawan, tegur-menegur adalah lebih penting daripada kita menjatuhkan hukuman kepada- saya rasa terkilan sebab apa, kita nya Melayu, dengan Siam malah dengan Cina sekalipun di Kedah sebagai

kawan. Kadang-kadang kita ini tidak kira dan kadang-kadang tidak sedar bahawa kita daripada bangsa lain. Kita ini bangsa 1Malaysia...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya hendak tahu dengan lebih lanjut apa yang dituliskan itu. Adakah itu satu warta yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kedah? Pertama.

Kedua, adakah larangan itu hanya untuk orang Siam sahaja ataupun kepada bukan Islam. Kemudian, saya hendak tahu juga adakah larangan itu untuk ucapan dan juga tulisan. Oleh sebab ia ada berbeza-beza. Sebab saya ingat dalam polemik dahulu adalah meminta supaya untuk menulis kalimah "*Allah*" dalam tulisan. Ini kerana saya tengok- benda itu sudah selesai. Akan tetapi kalau dalam ucapan, saya rasa susah hendak kawal. Dahulu disebut dalam penerbitan. Jadi, oleh hal ini saya setuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa ini adalah untuk mengawal supaya jangan ada pihak yang mengambil kesempatan di dalam hal-hal tersebut.

Apabila saya pergi ke Indonesia baru-baru ini, saya tengok *Bible* memang ada menggunakan kalimah "*Allah*". Hal itu telah tersebar di dalam masyarakat. Saya juga pernah bertanya kepada orang yang memohon kepada mahkamah dahulu. Ini sebelum diputuskan oleh mahkamah. Sejak bilakah penggunaan kalimah "*Allah*" dalam urusan agama? Jadi, dia beritahu saya sebelum 200 tahun dahulu. Saya bertanya lagi, sebelum 200 tahun itu menggunakan apa. Kan 200 tahun, baru. Jadi, saya tanya sebelum 200 tahun itu menggunakan apa. Bahasa apa, kalimah apa? Dia tidak jawab. Jadi, saya kata kalau pada fahaman saya, agama Kristian ini yang kita kata telah ada sebelum Nabi Muhammad SAW datang lagi.

Jadi, apabila sebelum Nabi Muhammad SAW datang lagi, maknanya sudah ada penggunaan itu dalam bahasa-bahasa lain. Apabila dalam konteks Malaysia, maksudnya kalau sekiranya orang bukan Islam tidak menggunakan bahasa itu, hanya baru sahaja, maka saya rasa patut dikekalkan bahasa yang dahulu itu dan tidak perlu dibawa bahasa yang baru kerana ini untuk mengawal dalam agama masing-masing agar tidak bercelaru.

Oleh sebab itu, bagi saya ini dalam tulisan. Akan tetapi dalam ucapan itu mungkin sukar untuk dikawal. Sesiapa pun boleh mengatakan "*Alhamdulillah*". Sesiapa pun boleh menyebutkan nama Allah. Saya rasa dalam ucapan. Itu pandangan saya secara peribadi di sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebenarnya saya mulakan penghujahan sebegini bukan untuk menyinggung sesiapa tetapi saya inginkan satu penerangan. Sebenarnya kenyataan akhbar daripada Exco Agama, Datuk Mohd Rawi mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah bakalewartakan 15 perkataan ekspresi dalam Islam yang tidak boleh digunakan oleh yang bukan Islam sama ada dalam bentuk cetakan ataupun pengucapan umum. Beliau berkata perkara

ini diputuskan pada persidangan DUN lalu selepas dibuat pindaan Rang Undang-undang Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam (Pindaan) 2014. Itulah kenyataannya.

Jadi, sekali saya menyatakan saya bukannya mahu menyinggung sesiapa kerana agama Islam ialah agama rasmi bagi Malaysia. Jadi, kita sebagai rakyat Malaysia kena faham memahami, tegur-menegur adalah lebih penting daripada kita meletakkan undang-undang dan memenjarakan seseorang kerana hanya disebabkan perlakuan yang tidak sengaja.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Yang Berhormat, sedikit boleh tidak? Sedikit lagi. Boleh? Ini bukan pasal- Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak menerangkan kepada sahabat-sahabat saya yang bukan beragama Islam. Negara kita ini negara Malaysia, *multiracial*. Kenapakah perkara ini tiba-tiba berlaku? Dahulu tidak ada. Kenapakah sekarang? Kalimah Allah ini di Sabah dan Sarawak sudah lama. Saya pernah pergi ke sebuah *church* di Sabah dan Sarawak. Saya pernah masuk sebuah *church* di Long Pasia. Tidak ada hal. Mereka menggunakan kalimah "*Allah*" daripada dahulu, sebab apa untuk- semasa itu orang-orang peribumi di Sabah dan Sarawak masih belum ada agama pada masa itu. Saya bercakap di Semenanjung. Di Semenanjung, saya hendak tahulah bila masa di gereja-gereja digunakan kalimah "*Allah*", bilakah masa? Tidak pernah.

Bahkan saya di luar negara Tuan Yang di-Pertua, lapan tahun duduk di luar negara. Saya merayau ke UK, US, *Vatican* tidak adapun yang menggunakan kalimah "*Allah*". Di Malaysia ini, di Semenanjung- *I'm not talking* di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung, bila masa kita pakai? Kenapa sekarang? *Why only now?* Ini kerana saya kata, melalui pembacaan sebagai ahli akademik terdapat satu gerakan global- ini kalau silap bagi ceramah empat jam. Global, yang memang untuk memurtadkan orang Islam termasuk di Malaysia, di rantau ini. Di Indonesia mereka telah berjaya. Di Indonesia berjaya kerana kalimah "*Allah*". Di Indonesia berjaya kerana mereka telah *translate* kan *Bible* dalam Bahasa Melayu. Itu sebabnya mereka berjaya. Maka bawa ke sini. Jadi, saya tidak terperanjat apabila Kerajaan Negeri Kedah berasa panik. Saya tidak terperanjat kerana kerajaan berasa panik sebelum benda semakin teruk. Okey, kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: ...Ini perkataan itu saya maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuba ringkaskan kerana ini dalam masa perbahasan kepada Yang Berhormat sekian. Kalau hendak lanjutkan, nanti Yang Berhormat berdua berunding di luarlah. Soal tafsiran agama ini tidak berkesudahan. Akan tetapi kalau Yang Berhormat ada permasalahan itu, elok yang pendekatan ini cukup sensitif dan perlu dihayati oleh semua pihak. Oleh sebab masa kita tidak mengizinkan, agaknya kalau ada sedikit keraguan, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh berunding di luar. Ini bagus, saya galakkan itu tetapi dalam Dewan kerana masa itu amat terhad. Yang Berhormat ada 30 minit sahaja. Kalau dua, tiga, empat orang bangun kan, jadi Yang Berhormat tidak ada masa untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya bagi saya mudah sahaja kerana Malaysia berbilang kaum dan agama. Dengan memainkan sentimen agama dan bangsa boleh menghuru-harakan *like a time bomb to Malaysia*. *Anytime* boleh

meletup. Itu sahaja. Jadi, kita janganlah terpengaruh dengan apa yang dilakukan. Jadi, kita haruslah harmonikan bangsa kita, bangsa Malaysia kita daripada mengikut rentak mereka. Kita jangan membuat tembok untuk menghalang antara satu dengan yang lain. Kita buat jambatan untuk menghubungkan antara satu dengan yang lain...

Tuan Yang di-Pertua: Bagus, bagus.

Dato' Boon Som a/l Inong: Itulah yang penting. Jadi, itulah pandangan saya bahawa tujuan sentimen agama ini dimainkan Tuan Yang di-Pertua adalah untuk menghancurkan keharmonian bangsa kita yang pelbagai bangsa dan agama kerana itu kelemahan yang kita ada sebab kita masyarakat majmuk dan pelbagai bangsa di negara ini.

Saya juga mengalu-alukan ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertahankan kewujudan Akta Hasutan. Jadi inilah yang penting. Serta pindaan ke atas akta itu saya percaya ini adalah salah satu cara untuk membantu mengekang perbuatan dan percubaan mempersendakan agama dan kaum lain, mengapi-apikan permusuhan antara kaum, agama, geografi serta mengekalkan keharmonian dan keamanan di dalam negara kita ini.

■1630

Ini kerana kita patut memelihara keamanan dan menghargai kemerdekaan yang kita nikmati sekarang supaya cucu kita pun dapat menerima apa yang kita hayati hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbuatan menghina dan mempersendakan agama dan kaum nampaknya makin berleluasa sekarang terutama dalam media sosial. Perbuatan ini dilakukan oleh orang yang berpelajaran, ada ijazah, ada pekerjaan. Bukan sahaja dilakukan oleh golongan muda, yang sudah berusia pun perangai yang sama. Apakah makna semua ini? Ini memberi isyarat bahawa walaupun seseorang itu mempunyai ilmu dan kemahiran yang tinggi, walaupun seseorang itu mempunyai kerjaya yang hebat, ia bukan jaminan bahawa dia bebas daripada akhlak buruk seperti suka menghina dan mempersendakan agama dan kaum. Apakah maknanya kita mempunyai ramai pelajar yang cerdas, ramai lulusan universiti, ramai pekerja mahir, ramai teknokrat tetapi tidak berakhlak mulia. Apakah mereka lupa tanggungjawab sebagai seorang warganegara?

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat telah tiba masanya untuk kita mengkaji semula secara serius dan bersungguh-sungguh mengenai pendidikan yang kita laksanakan di semua peringkat baik dalam rumah kita sendiri, di sekolah, di pusat-pusat pengajian, di pusat latihan serta di dalam masyarakat kita hari ini. Kita tengok tadi ucapan Yang Berhormat Datuk Seri Halim, *old school of thought*, beza dengan sekarang ini. Dahulu kita boleh bercampur, sekarang ini sudah berbeza.

Ini kerana sistem pendidikan kita yang telah menyetepikan kepentingan sejarah, pendidikan moral dan agama serta pendidikan sivik dan kewarganegaraan di kalangan generasi muda. Ada sesetengah itu, baru-baru ini pembangkang sendiri pun tidak tahu bila Malaysia merdeka. Sampai taraf ini kita sudah lupa sudah sejarah kita. Macam mana keadaan ini? Walaupun pendidikan kita setiap tahun diperbaiki tetapi kita lupa apa yang penting sekarang ini. Dulu semasa saya kecil-kecil, ayah saya mengajar saya belajar jawi, membaca jawi. Sampai sekarang saya boleh baca jawi tetapi ambil masa panjang sikit tetapi saya boleh membaca jawi. Menggalakkan saya membaca jawi.

Kerajaan juga perlu mengkaji semula keberkesanan pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah, Pendidikan Agama, Moral serta Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di sekolah, mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan konsep nilai merentas kokurikulum sekolah, memperluaskan konsep penerapan nilai merentas kokurikulum di peringkat institut pengajian tinggi, menjadikan subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan sebagai subjek teras yang diuji dan diwajibkan lulus terutama dalam peperiksaan sijil SPM dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dan mewujudkan semula program memberi kesedaran dan kefahaman mengenai Rukun Negara dan prinsip-prinsipnya kepada semua peringkat lapisan masyarakat. Langkah-langkah ini perlu pelbagai penegasan terhadap komitmen serta sikap serius kita untuk melahirkan warganegara yang bukan saja mempunyai ilmu dan kemahiran tinggi yang mempunyai kerjaya tetapi juga tugas dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dunia sudah dibanjiri dengan teknologi maklumat dan komunikasi, televisyen dan radio masih lagi menjadi tempat dalam diri kita sebagai sumber maklumat dan hiburan terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pedalaman dan luar bandar.

Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Komunikasi dan Multimedia mewujudkan saluran TV dan radio berbahasa Siam di kawasan Utara. Ini kerana sekarang ini masyarakat Siam yang duduk di sempadan antara Malaysia dan Thailand, mereka lebih mendengar lagu Siam dan ada kalanya mereka lebih tahu berita di sebelah sana lebih daripada di sini. Jadi dengan adanya radio saluran Siam seperti Radio Orang Asli, dapat jugalah orang Siam memahami dan mendengar berita-berita tempatan kita di Malaysia dan sebagainya.

Saya mintalah Kementerian Komunikasi supaya melihat perkara ini dan supaya mewujudkan stesen ini bukan sahaja kerana berbahasa Siam tetapi ia juga boleh memberikan –pasal ini ke negara jiran supaya negara jiran pun boleh mendengarnya dan boleh memahami apa sejarah kerana kita ini berdekatan, ada adik-beradik di sebelah sana, ada sebelah sini. Jadi dengan bahasa Siam ini, saya fikir adalah perlu untuk Kementerian Komunikasi supaya maklumat dan dasar-dasar kerajaan serta perkembangan dalam negara kepada rakyat Malaysia berketurunan Siam terutama yang berada di utara tanah air berhampiran dengan sempadan Thailand di Kedah, Perlis dan Kelantan.

Mereka ini yang tinggal di kawasan pedalaman, luar bandar, masih menggunakan radio sebagai sumber maklumat dan hiburan. Oleh kerana berhampiran dengan negara jiran yang menggunakan bahasa yang sama, maka saluran televisyen dan radio dari negara jiran sering menjadi tumpuan mereka untuk mendapat hiburan. Dengan adanya saluran khas bahasa Siam, mereka tidak akan ketinggalan mengenai apa yang berlaku dalam negara. Selain itu, ia boleh memberi peluang kepada rakyat di negara jiran terutamanya yang tinggal di selatan Thailand mengikuti perkembangan yang berlaku di negara kita.

Di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh hampir empat tahun yang lalu saya pernah beberapa kali membangkitkan soalan mengenai status kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera. Ini berikutan kenyataan yang pernah dibuat oleh pucuk pimpinan negara bahawa kerajaan mengiktiraf masyarakat Siam sebagai bumiputera. Malah, saya terima surat daripada KSN dan surat daripada Pejabat Perdana Menteri menyatakan bahawa orang Siam adalah Bumiputera.

Akan tetapi sedihnya, apabila sampai ke agensi pelaksanaan, apabila kita membuat permohonan *online*, tak ada pun perkataan Siam dalam itu, tak adapun bumiputera seperti permohonan UiTM. Saya berjumpa dengan *Vice Canselor UiTM*, beliau menyatakan bahawa orang Siam layak untuk masuk UiTM. Saya tulis surat kepada PM, jawapan yang sama, tetapi sekarang benda yang sama berlaku di mana bila nak masuk *online*, tak dapat, *direject*. Jadi maknanya, orang Siam tak layak masuk UiTM.

Perdana Menteri pada 25 Februari 2012 di hadapan masyarakat Siam juga menyatakan bahawa orang Siam adalah bumiputera dan mendapat apa juga hak bumiputera yang diperolehi oleh bumiputera, orang Siam boleh mendapatkannya. Akan tetapi sampai sekarang ini tak dapat. Hanyalah beberapa buah agensi yang menerima masyarakat Siam sebagai bumiputera.

Akan tetapi, sejak kebelakangan ini, Kementerian Pendidikan telah menawarkan tempat kepada pelajar berketurunan Siam untuk kursus matrikulasi. Pada tahun ini, ramai yang dapat. Saya berterima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang 7A, 6A, semua dapat ke matrikulasi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia serta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang telah memasukkan istilah Bumiputera Siam ke dalam borang permohonan mereka. Terbaru yang mengikuti langkah yang sama adalah Maktab Rendah Sains Mara. Langkah mengotakan apa yang dikata seperti yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dan MARA- MARA juga telah memberikan peluang kepada masyarakat Siam dalam biasiswa dan juga *loan* untuk perniagaan.

Malangnya, masih banyak lagi kementerian dan agensi kerajaan yang kekal dengan memberi jawapan kononnya mengakui dasar kerajaan mengiktiraf masyarakat Siam sebagai bumiputera, namun jawapan hanya tinggal sebagai jawapan di atas kertas. Misalnya, permohonan pelajar keturunan Siam seperti saya kata tadi ke UiTM, sehingga hari ini masih ditolak atas alasan masyarakat Siam bukan bumiputera. Permohonan anggota masyarakat Siam untuk mendapatkan pinjaman perniagaan dan penajaan daripada MARA juga ditolak atas alasan yang sama iaitu bangsa Siam bukan bumiputera. Begitu juga Kementerian Kewangan, permohonan usahawan dan peniaga keturunan Siam untuk mendapatkan status bumiputera bagi syarikat perniagaan masing-masing juga ditolak atas alasan bahawa bangsa Siam bukan bumiputera.

■1640

Jawapan yang sama juga diberikan apabila anggota masyarakat Siam memohon untuk mendapatkan membeli syer atas kedudukan mereka sebagai bumiputera. Saya juga masih menunggu jawapan daripada PUNB, saya telah menghantar surat kepada PUNB supaya minta jawapan daripada PUNB bahawa masyarakat Siam adakah layak untuk menyertai PUNB. Perkara yang sama juga telah berlaku di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, permohonan masyarakat Siam untuk menjadi wakil stesen Petronas juga ditolak atas alasan bangsa Siam bukan Buddha.

Terbaru, pada hari pertama Dewan bersidang iaitu pada 1 Disember lalu, saya dimaklumkan satu soalan lisan yang dikemukakan telah ditolak. Soalan saya berbunyi, mengapa masih lagi wujud

kesangsian di kalangan pegawai dan kakitangan di agensi kerajaan mengenai status dan kedudukan masyarakat Siam sebagai Buddha walaupun kerajaan termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan menerusi jawapan di Dewan Negara sudah berkali-kali menyatakan pengiktirafan terhadap kedudukan berkenaan. Soalan itu ditolak atas alasan mereka bukan di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Kalau bukan Jabatan Perdana Menteri, siapa lagi yang hendak jawab? Saya pun tidak faham kenapa soalan ini ditolak. Siapa pula yang bertanggungjawab? Siapa pula yang mempunyai kuasa untuk mengarahkan supaya bangsa Siam dimasukkan dalam senarai bangsa dalam borang permohonan semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan? Isu ini bukan baru. Ia sudah berlarutan sejak saya sebagai Ahli Dewan Negara pada tahun 2011 lagi. Soalannya, mengapa masalah ini berlarutan? Mengapa masih belum ada penyelesaian? Mengapa masih belum ada penyelarasan?

Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja, permohonan untuk menukar istilah bangsa Thai kepada bangsa Siam di dalam kad pengenalan, dalam surat beranak pun masih belum selesai. Saya bangkitkan sudah beberapa kali di sini. Kemudian, Menteri Dalam Negeri pun ada. Bangsa Siam dulu pada tahun 1991 sampai 1995, bangsa Siam adalah Siam. Sejak merdeka sampai tahun 1995, bangsa Siam tetapi bila 1995 pula, tiba-tiba tidak tahu kenapa ditukarkan kepada Thai. Bukan "*Thai*", "*Thais*". Jadi apabila tahun 2003 pula ditukar jadi Siam balik. Apabila ditukar itu, bukan mudah. Kita perlu angkat sumpah, selepas itu isi tiga borang, selepas itu cari pula latar belakang mereka adakah mereka Siam Malaysia, padahal mereka itu pemegang IC biru, warganegara Malaysia. Bila *register* anak, tiba-tiba dalam sistem *online* JPN masih lagi tercatat "*Thais*", sampai sekarang ini. Penyelarasan pula, di Kedah Siam tetapi bila di Ipoh "*Thais*", bila di Johor pula "*Tha*". Jadi bila hendak tukar balik pula kena pergi angkat sumpah, selepas itu balik kepada isi borang, selepas itu ambil bahan sokongan untuk menyatakan bahawa mereka adalah rakyat Malaysia yang tinggal di sini. Saya pun tidak faham.

Maka saya bangkitkan beberapa kali. Menteri kita, Menteri dahulu pun sekarang kata, Timbalan Menteri Dalam Negeri pun menjawab bahawa mereka akan dipermudahkan permohonan masyarakat Siam untuk mendapatkan kembali- sebenarnya apa yang masyarakat Siam mahu adalah bangsa Siam, memang bangsa Siam, rakyat Malaysia ini. Dalam Akta Tanah Negeri Kedah pun, masyarakat Siam layak untuk memiliki tanah rizab Melayu kerana mereka mempunyai kebudayaan yang sama dengan Melayu. Jadi mereka layak untuk memohon tanah rizab ataupun tanah teroka tanah rizab Melayu. Jadi, mereka diletakkan sebagai Siam. Saya tidak tahu kenapa JPN tiba-tiba tukar, macam mempermainkan bangsa Siam, Thai, selepas itu Siam balik. Jadi, pelbagai kerumitan yang dihadapi oleh masyarakat Siam. Saya mohonlah Kementerian Dalam Negeri supaya meneliti perkara ini dan bersimpatilah kepada masyarakat Siam. Masyarakat Siamlah menyumbang, kalau di Kedah, di Kelantan itu, penyumbang kemenangan BN di negeri-negeri ini adalah masyarakat Siam. Di utara Perak, di Pangkalan Hulu pun orang Siam hampir 3,000 lebih pengundi. Jadi saya mintalah supaya ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini masyarakat Melayu-Siam di utara, kawasan utara negeri, dahulunya mereka hidup sebagai menoreh getah, sebagai petani dan harga getah pernah naik sehingga ke RM6 sekilo, skrap

getah naik RM7 sekilo. Akan tetapi sekarang turun sampai RM1.30. Saya mintalah supaya kementerian mana yang bertanggungjawab terhadap harga komoditi ini supaya mencari jalan meletakkan harga yang paling...

Tuan Yang di-Pertua: Berpatutan.

Dato' Boon Som a/l Inong: Harga lantai kepada harga sekarang ini. Nasib baiklah sekarang ini ketum belum lagi di bawah Akta Dadah tetapi kalau ketum di bawah Akta Dadah, habis orang ini akan lari kepada kita sebab sekarang ini semua naik harga. Barang semua naik harga, tiba-tiba getah turun berdebum. Ada masa getah naik harga RM6, ramai mereka itu beli kereta baru, beli traktor baru tetapi sekarang ini ada sesetengahnya kena tarik balik sebab tidak ada duit untuk membayar *installment*. Jadi saya mintalah supaya kerajaan dan Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi supaya melihat perkara ini dengan lebih serius. Saya amat simpati kepada mereka yang tinggal di Baling, setiap hari, anak masuk sekolah pun kadang-kadang datang jumpa saya. Ramai daripada masyarakat ini fikir Senator ini duit banyak. Apabila saya beritahu gaji saya pun RM4,000 lebih, saya tidak mampu hendak bayar. Akan tetapi saya berterima kasihlah kerana baru-baru ini atas prihatin Perdana Menteri telah mengkaji semula elaun-elaun untuk Senator ini, tetapi bagi saya kenapa kita ikut kepada JPA. Kita adalah penggubal pelaksanaan undang-undang yang paling tinggi, malah kita pun ada mengatakan kita *rubber stamp* ...

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: [Bangun]

Dato' Boon Som a/l Inong: Memang kalau daripada segi gaji, kita *rubber stamp* sebab...

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Saya rasa saya sudah suruh gulung tadi. Sekarang Yang Berhormat cakap lagi, ada yang bangun sudah.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja lagi Yang Berhormat.

Dato' Boon Som a/l Inong: [Ketawa] Okey, okey.

Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff: Jadi, Yang Berhormat setujukah peruntukan Senator sekarang ini daripada RM200,000 ditambah lagi?

Dato' Boon Som a/l Inong: Memang pun saya jumpa Perdana Menteri masa Hari Raya pun, Hari Raya Puasa itu saya minta supaya dibanyakkan lagi sebab kalau RM300,000 pun tidak cukup kalau difikirkan. Mungkin RM1 juta...

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Boon Som a/l Inong: Jadi saya mintalah supaya gaji berpatutan kepada Ahli Dewan Negara ini supaya mereka hidup senang selepas pencen daripada layak untuk memohon BR1M. Jadi dengan itu, saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan 2015. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun.

4.48 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca selawat] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merangkap Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2015 ini dengan begitu baik dan ia dengan tema 'Ekonomi Keperluan Rakyat' merupakan bajet kerajaan dalam agenda meneruskan membela rakyat. Bajet ini juga adalah bajet yang saya kira sangat baik yang pernah dibentangkan kerana ia menggabungkan pendekatan *capital economy* dan *people economy*, menjadikan komprehensif dan konklusif.

Tuan Yang di-Pertua, fokus Bajet 2015 ini tertumpu terutamanya kepada usahawan wanita dan belia. Kerajaan juga terus komited untuk menyejahterakan kehidupan rakyat dan memperkasakan bumiputera khususnya daripada segi pendidikan, sosial dan ekonomi. Tahun 2015 merupakan tahun penting dalam pengurusan fiskal negara dengan pelaksanaan GST mulai bulan April 2015.

■1650

Berhubung dengan GST ini, saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan syarikat yang telah berdaftar dan pelaksanaan GST ini dan sasaran bilangan syarikat yang akan berdaftar menjelang April 2015, apabila GST dilaksanakan sepenuhnya. Kelmarin ditimbulkan oleh Yang Berhormat Menteri di mana telah pun menyatakan sekarang pun diletakkan GST dah dengan SST yang sedang berjalan. Jadi saya mohonlah supaya tidak dikontroversikan supaya ianya dikuatkuasakan. Kalau GST, sebutkan GST kalau SST jelaskan itu SST.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung strategi pertama 2015 iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi. Pertamanya saya ingin menyentuh berhubung tindakan kerajaan memperkukuhkan pasaran kewangan Islam. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperkenalkan pasaran kewangan Islam kepada dunia dan beridentitikan jenama ekonomi baharu Malaysia, pasaran kewangan Islam dunia yang menyampaikan undangan terbuka kepada komuniti global untuk bekerjasama dan saling mengambil manfaat daripada pasaran kewangan Islam yang menyeluruh dengan rangka kerja, pengawalan, penyeliaan syariah dan undang-undang yang komprehensif.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, setakat manakah Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia atau *Malaysia International Islamic Finance Centre* (MIIFC) yang dilancarkan pada tahun 2006 telah berjaya membangunkan Malaysia sebagai pasaran antarabangsa kewangan Islam dan sejauh manakah pencapaian dan prestasi Malaysia dalam pasaran kewangan Islam? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan berhasrat untuk mewujudkan bank pusat Islam selain daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mengasingkan sistem perbankan konvensional dan swasta.

Keduanya, saya ingin menyentuh berhubung merancang pelaburan awam dan swasta khususnya beberapa projek infrastruktur termasuklah menaiktarafkan landasan kereta api sektor Pantai Timur melibatkan jajaran Gemas, Mentakab, Jerantut, Sungai Yu dan Gua Musang-Tumpat dengan

peruntukan RM150 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk menaiktarafkan jajaran kereta api dari Kerteh ke Kuantan masa kini dan seterusnya mewujudkan laluan kereta api terus ke negeri Terengganu.

Ketiganya, saya ingin menyentuh berhubung dengan meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi. Saya mengalu-alukan Tan Sri, langkah kerajaan untuk membina 1,000 menara pencawang telekomunikasi baru dengan peruntukan RM2.7 bilion. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, setakat ini berapa peratus kah kawasan yang telah diliputi oleh *high speed broadband* di seluruh negara? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan keupayaan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar contohnya seperti di kawasan saya iaitu Marang, Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, keempatnya saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana. Sebagaimana maklum, PKS bukan sahaja penting kerana menyumbang kepada KDNK sebanyak 23% pada masa kini dan dijangka 41% menjelang 2020. Bagaimanapun, perkembangan PKS agak perlahan. Contohnya seperti di Marang yang banyak bergantung pada aktiviti pertanian sebagai sumber ekonomi.

Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar kerajaan membangunkan lebih banyak PKS di kawasan luar bandar khususnya yang berasaskan pertanian dengan mewujudkan lebih banyak kawasan perindustrian. Langkah ini bukan sahaja akan menggiatkan kegiatan pertanian dan PKS tempatan tetapi juga akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan serta melahirkan lebih ramai usahawan PKS kepada penduduk setempat terutamanya sasaran golongan anak-anak muda luar bandar.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengenai jumlah dan nilai penyelewengan serta ketirisan diesel yang telah dikesan serta sejauh manakah kejayaan tindakan penguatkuasaan khususnya Ops Titik yang telah pun dijalankan. Saya juga ingin mendapat penjelasan lanjut kerajaan berhubung dengan langkah kerajaan untuk mengapungkan harga minyak RON95 dan RON97 mengikut harga minyak mentah di pasaran yang mengambil kira kos penapisan minyak ini.

Apakah kerajaan akan mengambil pendekatan mekanisme penetapan harga automatik atau *automatic pricing mechanism* (APM) dalam menentukan kadar minyak RON95 dan RON97 ini. Saya ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan strategi iaitu mengupayakan modal insan keusahawanan khususnya memantapkan profesionalisme perguruan dan prestasi sekolah. Berhubung dengan pendidikan ini, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada kerajaan yang komited membangunkan infrastruktur pendidikan yang lengkap dan berkualiti seperti yang dirancang melalui kos yang efektif serta menyelaras pelaksanaan projek-projek fizikal di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia di antaranya berhubung dengan teknologi maklumat. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dasar dan hala tuju pelaksanaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan, termasuklah pendidikan peringkat rendah dan menengah terutamanya di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan juga berhubung penggunaan aplikasi ICT bagi tujuan pendidikan termasuk daripada segi pembekalan komputer dan *hardware* serta *software* ke sekolah-sekolah. Setakat manakah ianya telah dilaksanakan? Dan sejauh manakah kesan penggunaan ICT ini dalam meningkatkan mutu pembelajaran di sekolah-sekolah?

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh berhubung dengan inisiatif kerajaan untuk melancarkan buku teks digital interaktif pintar bermula 2016 yang merupakan gelombang kedua transformasi buku teks. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, setakat manakah kerajaan dalam gelombang pertama transformasi program berkenaan? Apakah manfaat yang dapat diperolehi oleh para pelajar, guru dan ibu bapa dengan pelaksanaan 1BestariNet ini? Saya juga ingin mencadangkan agar latihan yang lebih lengkap diberikan kepada guru-guru bagi memastikan kejayaan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kerangka atau *framework* kebangsaan dalam perancangan pendidikan teknikal dan vokasional. Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan bidang-bidang pendidikan teknikal dan vokasional yang menjadikan tumpuan kerajaan dan sasaran tenaga kerja atau modal insan yang ingin dicapai menjelang 2020 apabila negara mencapai sebahagian negara maju. Apakah perancangan dan langkah kerajaan bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional khususnya *oil and gas*. Berhubung dengan pendidikan teknikal dan vokasional ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan kolej vokasional, politeknik dan kolej komuniti yang sedia ada pada masa kini dan bilangan pelajar.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa kerajaan supaya meningkatkan kemudahan prasarana dan infrastruktur di semua kolej vokasional, politeknik dan kolej komuniti termasuklah daripada segi asrama. Saya juga, Tuan Yang di-Pertua turut teruja untuk menyentuh tentang Perpustakaan Negara yang terletak di Jalan Tun Razak. Saya pohon pihak yang berkenaan dapat menyediakan fasiliti dan prasarana yang efektif yang boleh memberi aura pembelajaran dan pembacaan kepada para pengunjung kerana didapati sekarang ini agak lesu dan pasif.

■1700

Saya ingin mengalu-alukan langkah kerajaan untuk memantapkan latihan industri kepada graduan bagi meningkatkan kebolehan pasaran graduan. Bagaimanapun saya berharap kerajaan dapat menimbang semula cadangan menaikkan syarat tahap *Malaysian University English Test (MUET)* mulai 2015 khususnya pengajian undang-undang dan perubatan yang disyaratkan Band 5 untuk graduasi. Syarat yang dikenakan ini pada saya adalah terlalu ketat dan bukan keutamaan sekadar untuk meningkatkan kebolehan pasaran graduan. Menurut keputusan MUET 2010 hanya 9.56% yang mendapat Band 5. Saya khuatir kemungkinan ramai pelajar Bumiputera yang terjejas untuk graduasi. Tambahan pula Band 4 pada masa ini telah pun memadai untuk berkomunikasi dari segi *oral* dan penulisan dalam Bahasa Inggeris kerana sepanjang pengajian pelajar diwajibkan mengikut e-pembelajaran Bahasa Inggeris dalam beberapa bidang termasuk *return skill, communication skill, presentation skill* dan *English literature*.

Pada masa ini tiada pengajian yang khusus bagi MUET ini di IPT. Hakikatnya tiada masalah kebolehpasaran graduan bagi bidang perundangan dan perubatan dan selain itu penguasaan Bahasa Malaysia adalah lebih utama. Memandangkan mahkamah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti mana Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Bahasa Malaysia wajar diangkat dan dimartabatkan di mahkamah. Bahasa Malaysia juga wajar dimartabatkan di semua bidang pekerjaan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pendidikan mengkaji dan menyediakan tahap Band untuk Bahasa Malaysia dan menetapkan Band tertentu yang perlu dicapai dalam Bahasa Malaysia sebagai syarat graduasi pelajar IPTA dan IPTS. Kita tidak hendak dengarlah Tuan Yang di-Pertua sebagaimana yang diisukan sebelum ini mendapat kredit kepujian tetapi tidak tahu langsung berbahasa Malaysia. Itu sangat tidak wajarlah sebagai rakyat Malaysia.

Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa kebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia hanyalah satu bahasa. Aspek kebolehan insaniah atau *soft skill* yang diperlukan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kebolehan insaniah atau *soft skill* lain yang ideal meliputi *skill social* dan *skill sikap* yang diperlukan termasuklah kepimpinan, ICT, kemahiran interpersonal serta berkumpulan, pengurusan masa dan sebagainya serta pencapaian akademik adalah juga diperlukan bagi kebolehpasaran graduan. Oleh itu saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan semula keputusan bagi menaikkan tahap pencapaian MUET ini sebagai syarat graduasi. Berhubung dengan pendidikan...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya silakan. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok yang ini langkah-langkah untuk kementerian kerajaan untuk meningkatkan standard Bahasa Inggeris. Jadi tidak setujukah Yang Berhormat untuk kerajaan ambil langkah-langkah untuk meningkatkan Bahasa Inggeris? Apa pandangan?

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Yang Berhormat. Usaha untuk mempertingkatkan Bahasa Inggeris itu sangat baik dalam penggunaan bahasa global. Akan tetapi dalam masa yang sama jangan sampai kita tercicir bahasa kebangsaan sendiri Yang Berhormat. Saya harap Yang Berhormat Menteri nanti akan boleh kupaskan. Terima kasih Yang Berhormat.

Berhubung dengan pendidikan IPT ini saya menyentuh berhubung dengan pengajian luar kampus iaitu di UiTM. Saya mendapat maklum balas daripada pelajar-pelajar ini yang memohon agar kerajaan menimbangkan semula kadar yuran yang dikenakan kerana kebanyakan mereka bergaji kurang daripada RM2,000 sebulan. Selain daripada itu, saya berharap UiTM akan mengkaji kemungkinan potongan yuran bagi pelajar-pelajar Pengajian Luar Kampus (PLK) yang berumur melebihi 55 tahun yang kebanyakannya pesara dan masih dahagakan untuk mendapat ilmu sesuai dengan dasar kerajaan yang ingin melahirkan masyarakat berilmu dan pembelajaran sepanjang hayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin turut menyentuh berhubung dengan strategi memartabatkan peranan wanita. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja wanita. Saya yang kini mewakili 38% daripada keseluruhan tenaga kerja di negara ini

termasuklah melalui Program Pengarah Wanita, Program 1Malaysia *Support For Housewives* dan Program *Women A Career Comeback*.

Pada masa kini terdapat 70% bilangan pelajar wanita di IPT bagaimanapun hanya 38% sahaja yang menceburi alam pekerjaan. Selain itu pada masa kini, Malaysia mempunyai 8.2 juta wanita berumur 15 tahun hingga 64 tahun namun hanya 46% sahaja tenaga kerja daripada wanita. Penyertaan wanita di sektor pekerjaan memerlukan mereka mengimbangi antara tuntutan tanggungjawab keluarga, keluarga dan kerjaya. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah yang diambil kerajaan bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam guna tenaga kerja di negara ini.

Berhubung dengan wanita di sektor pekerjaan saya ingin menyentuh berhubung dengan langkah kerajaan untuk menambah baik kemudahan cuti menjaga anak. Dalam hubungan ini saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan kebajikan pekerja wanita di sektor swasta terpelihara dan terbela. Khususnya cadangan menaikkan had cuti bersalin berbayar daripada lima orang kepada tujuh orang anak dan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari di sektor swasta. Apakah langkah kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia bagi meminda Akta Kerja 1955 untuk merealisasikan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan strategi ke enam Bajet 2015 iaitu membangunkan Program Transformasi Belia Negara. Golongan belia sebagai salah satu golongan yang menjadi tumpuan negara kerana golongan belia adalah harapan negara. Saya mengalu-alukan hasrat kerajaan untuk melancarkan Pelan Transformasi Belia Negara dengan peruntukan RM320 juta. Saya ingin mencadangkan agar program ini turut melibatkan sepenuhnya penglibatan belia luar bandar dengan merangka program khusus pada belia luar bandar. Supaya dapat meningkatkan keupayaan diri dari segi kepimpinan, pendidikan dan keusahawanan belia. Saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan memperkasakan Skim Perumahan Belia atau *Youth Housing Scheme* iaitu pelbagai kemudahan pembiayaan pemilikan rumah pertama dari kalangan belia. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan menyediakan skim atau projek perumahan khusus pada golongan belia terutamanya yang telah berumah tangga dan berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Akhirnya saya ingin menyentuh strategi ketujuh Bajet 2015 iaitu menyejahterakan rakyat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang terus prihatin kepada kepentingan rakyat dengan meneruskan bantuan persekolahan sebanyak RM100 dan Program Baucar Buku 1Malaysia sebanyak RM250. Sesungguhnya pelajar-pelajar kita Tuan Yang di-Pertua sangat gembira di atas usaha, sumbangan kerajaan kepada mereka. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan kepada golongan nelayan dari segi pembangunan dan kebajikan nelayan seperti kenaikan kadar elaun sara hidup nelayan Zon 'A' kepada RM300 dan Zon 'B' dan Zon 'C' dinaikkan kepada RM250 sebulan. Malah nelayan darat sepenuh masa juga pertama kalinya elaun

■1710

Saya berharap kerajaan akan meneruskan Program Perumahan Rakyat untuk golongan nelayan termasuk memperbaiki rumah nelayan. Seterusnya, saya ingin menyentuh berhubung dengan kemudahan kesihatan yang menerima peruntukan sebanyak RM23.3 bilion bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan rakyat termasuk pembinaan hospital baru, menambah baik Klinik 1Malaysia dan sebagainya. Berhubung dengan kesihatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menambah baik perkhidmatan Klinik 1Malaysia ini dari segi pegawai dan kakitangan yang bertugas di Klinik 1Malaysia ini. Saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan turut menyediakan ubat untuk penyakit kronik seperti kencing manis dan darah tinggi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, setakat ini biasanya dresar yang ada di klinik-klinik 1Malaysia, tidak disediakan doktor. Saya harap jugalah ianya akan dapat dipertingkatkan demi kebaikan rakyat terutama di luar bandar sana. Saya juga mengharapkan hospital di Daerah Marang, Terengganu yang dijanjikan oleh Menteri yang lepas dalam perjumpaan di Seri Pacific supaya di implementasi dalam masa terdekat ini. Sudah sampai masanya Tuan Yang di-Pertua, dalam RMK-11 ini diharapkan tidak membuatkan masyarakat di sana tertunggu-tunggu lagi.

Saya ingin turut menyentuh berhubung dengan pemilikan rumah melalui pelbagai projek dan program seperti Rumah PR1MA, Program Perumahan Rakyat (PPR) oleh Jabatan Perumahan Negara dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Rumah Idaman Rakyat (RIR) oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Selain itu SPNB juga akan membina 20,000 unit Rumah Aspirasi Rakyat di atas tanah persendirian. Saya mohon kepada kerajaan khususnya melalui Jabatan Perumahan Negara dan SPNB untuk membina dan membawa skim perumahan ini ke Terengganu khususnya di kawasan saya juga di Marang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan kemudahan dan infrastruktur luar bandar. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon kepada kerajaan bagi menimbang cadangan untuk menaiktarafkan Jalan Padang Air Deras ke Masjid Kampung Tasik di daerah Marang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: ...Cadangan projek ini adalah untuk menaiktarafkan laluan sedia ada kepada piawai R3, laluan ini merupakan laluan sangat popular sebagai lalu lintas dari T170 ke laluan T102 dan ianya sentiasa sesak. Cadangan projek ini adalah untuk membina jalan baru sepanjang 1.3 kilometer dengan anggaran kos RM8 juta termasuk membina sistem perparitan di kiri dan kanan, pengambilan balik tanah dan kos perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu agak Jalan Bukit Kor Batu 9, Ru Rendang dinaiktarafkan segera memandangkan kesesakan yang berlaku kerana kedudukannya di jalan keluar iaitu di *exit* LPT2 Bukit Payung ke Bandar Marang. Saya harap ianya diutamakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berhubung dengan Bantuan Rakyat 1Malaysia. Tg BR1M ini saya ingin membangkitkan tentang pangkalan data penerima BR1M. Ini yang saya rasakan kurang kemas kini kerana terdapat penerima BR1M pertama dan kedua telah tercicir Tuan Yang di-Pertua.

Namanya dari BR1M3.01. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan kenapakah boleh terjadi keadaan sedemikian? Apakah langkah kerajaan bagi memastikan setiap individu yang layak akan menerima BR1M di masa hadapan sebagaimana sepatutnya dan apakah yang tercicir itu dibuat pembayaran gantian kembali?

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penjawat awam, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan penjawat awam yang masih dalam perkhidmatan kontrak, sambilan dan Perkhidmatan Sambilan Harian (PSH). Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan untuk menyerapkan penjawat awam jawatan kontrak, sambilan dan sambilan harian ini ke jawatan tetap sebagaimana janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedikit masa dahulu.

Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sudi mencadangkan kenaikan gaji Ahli-ahli Parlimen bagi mencerminkan tugas tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen yang komited dengan menggalas tanggungjawab yang besar dan berat. Walau bagaimanapun, saya difahamkan ada sedikit gangguan dan saya harap pertimbangan ini diberi khusus oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya bagi pihak diri saya secara personal terima kasih banyak-banyak kepada Kerajaan Barisan Nasional. Diharap dapat di implementasikan dalam masa terdekat Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, saya mengharapkan segala perancangan dan strategik di dalam Bajet 2015: Ekonomi Keperluan Rakyat akan dapat dilaksanakan dengan lancar, amanah dan bertanggungjawab supaya dapat memberi manfaat kepada semua rakyat jelata. Kerajaan yang baik seperti Kerajaan Barisan Nasional ini adalah ibarat pohon yang rimbun. Bukan sahaja boleh menjadi tempat berteduh tetapi juga buahnya manis untuk sama-sama dinikmati kepada semua rakyat kawan mahupun lawan, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih dan saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya.

5.16 ptg

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2015. Bajet 2015 ini adalah bajet rakyat yang amat komprehensif. Akan tetapi saya tidak berhasrat untuk menyentuh semua dan akan menyentuh perkara-perkara yang dekat di hati saya. Biarlah kawan-kawan yang lain menyentuh perkara-perkara yang selebihnya.

Oleh itu, terlebih dahulu saya ingin menyentuh perkara mengenai memperkukuhkan keselamatan di ESSZONE dan ESSCOM Sabah. Di mana Perdana Menteri telah memperuntukkan sebanyak RM660 juta dan untuk itu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana

keprihatinan Yang Amat Berhormat pada keselamatan yang diperlukan di kawasan ESSZONE. Ini juga menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan utk memastikan keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah terjamin dan terus menjadi tumpuan para pelancong, bukan sahaja dari luar negara tetapi juga dalam negara.

Saya juga ingin merakamkan banyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada pihak Petronas kerana telah memperuntukkan sebanyak RM230 juta untuk mengubahsuai sebuah pelantar minyak dan sebuah kapal untuk dijadikan kapal gempur sebagai mengawal kawasan perairan di ESSZONE. Ini menunjukkan bahawa Petronas adalah prihatin tentang untuk membelanjakan wang hasil minyaknya. Walaupun kemungkinan untuk menaikkan royalti itu tidak boleh berlaku tetapi ini adalah cara Petronas untuk menyumbang kembali kepada negeri Sabah hasil minyak dari Sabah. Tahniah kepada Petronas saya ucapkan.

Melalui peruntukan yang sebesar RM660 juta itu saya mencadangkan agar pihak ESSCOM memperkukuhkan peralatan kelengkapannya semua untuk mengatasi segala pencerobohan daripada penceroboh dan penculik. Kalau boleh pihak ESSCOM mengharamkan penggunaan *pump boats* di kawasan perairan pantai timur. *Pump boats* Tuan Yang di-Pertua ialah satu jenis bot yang tidak menggunakan *propel* ataupun kipas. Ia adalah sebuah bot yang dijalankan oleh kuasa pam air dan batang paip sahaja. Ia boleh digunakan untuk masuk hingga ke kawasan air yang secetek dua kaki. Ini selalu digunakan oleh penyeludup dan penculik untuk menangkap mangsa-mangsa. Kalau ESSCOM boleh mengharamkan penggunaan pam bot ini untuk kegunaan seharian di kawasan Pantai Timur.

■1720

Maka tidak ada lagi kegunaan pam bot ini akan berlaku di kawasan itu. Kalau ada *pump boats* yang masih lalu lalang di kawasan itu, tembak sahajalah. Bermakna, itu bukan orang tempatan, itu penceroboh sebab dia masih menggunakan *pump boats*. Orang tempatan tidak lagi dibenarkan untuk menggunakan *pump boats*. Di samping melengkapkan kelengkapan dan *missionary* ESSCOM, penempatan semula kampung-kampung air yang ada di kawasan Pantai Timur ini sedang dirangka. Tujuan penempatan semula perkampungan air ini ialah untuk, dengan izin, *flush out* para pendatang asing tanpa izin.

Akan tetapi pada pandangan saya, kalau boleh dan di mana sesuai, kawasan-kawasan perkampungan air ini tanpa ditempatkan semula, cuba distrukturkan semula kampung itu dan dibuat sebagai kampung tersusun dengan prasarana dan *basic amenities* yang lengkap. Di mana boleh dikawal kemasukan orang-orang ke kampung tersebut dari kawasan perairan.

Ini bersesuaian dengan penghidupan orang-orang kampung air di mana menggunakan perkampungan air untuk tujuan sebagai nelayan dan sebagainya. Akan tetapi yang mana perlu ditempatkan ke kawasan lain, itu kita teruskan. Akan tetapi memindahkannya memerlukan proses yang lebih panjang kerana kita perlu mencari kawasan tanah yang baru dan juga mungkin memakan kos yang lebih tinggi.

Dalam bajet mengenai ESSCOM ini juga ada cadangan untuk memanjangkan landasan Lapangan Terbang Lahad Datu untuk membolehkan jet pejuang mendarat dengan mudah. Jadi, kalau

landasan Lapangan Terbang Lahad Datu itu dipanjangkan untuk membolehkan jet pejuang mendarat, apakah boleh pangkalan *Black Hawk* dipindahkan ke Lahad Datu. *Instead of* di Labuan dari Butterworth, ini lebih sesuai. Bermakna, Labuan menjadi pangkalan menghala ke Laut China Selatan sementara Lahad Datu ialah pangkalan tentera udara ke Lautan Sulu. Kawasan-kawasan Lahad Datu ialah kawasan di pertengahan di antara penghujung, selatan Sabah dan utara. Jadi, ia amat sesuai kalau dijadikan pangkalan udara *Black Hawk* yang dicadangkan dipindahkan daripada Butterworth, Pulau Pinang.

Seperkara lagi mengenai negara bersukan. Saya bersetuju sangat cadangan untuk *talent identification* yang dibuat. Di mana bagi saya Kementerian Belia dan Sukan perlu untuk memantau dan memastikan para persatuan sama ada di peringkat kebangsaan atau di peringkat negeri, mengenal pasti segala bakat sukan secara menyeluruh hingga ke seluruh pelosok negara. Bukan hanya di tempat-tempat tertentu secara pilih kasih atau di mana mereka berkepentingan. Ini kerana bakat-bakat sukan kita ini bukan hanya terletak di kawasan-kawasan tertentu di mana mungkin wujud di kampung atau di pelosok yang kita tidak pernah tahu pun ia wujud.

Saya juga ingin sentuh mengenai negara bersukan ini saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud semalam. Bahawa kita perlu mengadakan satu *pool of sportsmen* yang cukup dan menyeluruh. Di mana kita tidak akan bergantung hanya satu, dua atau tiga orang ahli sukan untuk memastikan mengharumkan nama negara.

Apabila ahli-ahli sukan ini bersara, cedera atau mengalami masalah, kita terkial-kial untuk mencari pengganti. Kalau kita mempunyai kumpulan *talent based* yang besar, kita dengan mudah boleh menggantikan ahli-ahli sukan yang bersara atau cedera untuk terus mengharumkan nama negara di arena sukan. Di samping itu juga, dalam kita ghairah untuk memastikan bahawa kita maju di dalam sukan, saya rasa Kementerian Belia dan Sukan perlu bertegas memastikan ahli-ahli sukan kita tentang bahayanya gejala judi haram. Rawatan-rawatan juga di mana memerlukan dadah yang terlarang sehingga ahli sukan tersebut menjadi mangsa pada akhirnya. Ini adalah satu pembaziran kalau hanya kerana rawatan untuk memulihkan, ahli sukan itu diharamkan untuk menyertai sebarang pertandingan.

Untuk memastikan ahli-ahli sukan menjauhi gejala judi haram, kementerian mesti bertegas dengan persatuan-persatuan sukan induk untuk memastikan persatuan-persatuan negeri tegas dan cekap dalam mengendalikan pentadbiran-pentadbiran persatuan dalam membayar elaun atau gaji yang perlu dibayar kepada ahli sukan. Oleh sebab kelewatan membayar gaji atau yang tidak mengikut jadual akan mendedahkan para ahli sukan mudah digoda oleh *bookies* judi haram ini. Ini harus diberi penekanan dalam kita hendak membina sukan ahli-ahli sukan kita sebagai ahli sukan di peringkat antarabangsa.

Saya juga hendak bertanya kepada kementerian, adakah kementerian merasa masih *viable* untuk mengkategorikan sukan sepak takraw sebagai sukan berprestasi tinggi. Kalau dalam Sukan Asia baru-baru ini pun pasukan kita kalah kepada pasukan Korea Selatan yang entah bila dia mula belajar main sepak takraw. Adakah masih *viable* kita membelanjakan untuk memastikan bahawa sepak takraw

ini dijadikan sukan berprestasi tinggi? Tidakkah kita boleh gantikan dengan sukan yang lain, misalnya yang lebih berpotensi?

Dato' Khairudin bin Samad: Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf. Saya terpaksa mencelah sebab saya Naib Presiden Takraw Malaysia. Apa yang berlaku sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hendak menjawab bagi pihak Menteri tetapi hendak memberi pencerahan sedikit.

Sebenarnya, itu di Sukan Asia sebelum saya menjadi naib presiden. Sekarang ini di Myanmar kita sudah ada kemajuan. *Insyah-Allah* sekarang di seluruh negara kita ada STL ataupun kita katakan kita buat liga seluruh negara. Setiap hujung minggu ada *live telecast* daripada ASTRO untuk kita hendak memperhebatkan, untuk memperkasakan balik. Ini kerana ini satu-satunya sukan yang dimulakan oleh orang Melayu dan ini negara Melayu. Begitu juga silat. Saya tidak lupa dua jenis sukan ini. Jadi, kita kena memperkasakan. Jadi, saya minta Yang Berhormat, berilah peluang kepada kami untuk memartabatkan balik sukan Melayu ini. Sekian terima kasih. *[Tepuk]*

Datuk Kadzim bin Haji M. Yahya: Kalau kekalahan di Sukan Asia sebelum Yang Berhormat Senator Dato' Khairudin bin Samad menjadi presiden dan saya anggap kenyataan beliau tadi adalah satu jaminan bahawa sukan sepak takraw akan bangkit. Maka, saya tarik balik saya punya cadangan tadi itu. Saya harap jaminan itu akan dibuktikanlah ya Dato'.

Saya rasa banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Masa sudah cukup. Saya cakap pun terhenti juga. Jadi, saya ingat saya sambung sahajalah nanti hari Isnin.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kerana Yang Berhormat cakap itu, masa pun tepat pukul 5.30. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, Yang Berhormat ada 14 minit lagi pada hari Isnin nanti untuk sambung. Saya juga ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat yang tidak berkesempatan hari ini, kita akan bawa pada hari Isnin nanti.

Setakat itu dan saya harap Yang Berhormat balik, yang sempat balik ke kawasan, berhati-hatilah dalam perjalanan. Selamat kita berjumpa pada hari Isnin akan datang *insyiah-Allah*. Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada 8 Disember, hari Isnin yang akan datang. Sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.]